

No. Kolej: 85-29

No Perolehan: T 6997

Tarikh: 18 MAR 1986

"POLITIK BAWAHAN MELAYU : SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG BEMBAN, DUNGUN, TERENGGANU"

OLEH

NO. MATRIK 044467

ZAINON A. RAHMAN

Latihan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat untuk
Ijazah Sarjana Muda

"Antara ombak dan pantai,
kita akan meniti buih
di hujung airnya"

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
University Malaya

MUKA SURAT

KANDUNGAN:-

i

1/ Penghargaan	iv
2/ Sinopsis	v
3/ Senarai Peta	vii
4/ Senarai Jadual	viii
5/ Bab I	1

Pendahuluan

1.1 : Tujuan dan Bidang Kajian	1
1.2 : Metode Kajian	6
i/ Soalselidik	
ii/ Temuduga	
iii/ Penyertaan - Pemerhatian	
iv/ Penyelidikan Perpustakaan	
1.3 : Masalah Kajian	9

6/ Bab 2	12
----------	----

Latarbelakang Kampung Bemban

2.1 : Definisi Istilah Kampung	12
2.2 : Kampung Bemban	13
i) Kepimpinan Kampung	
ii) Kegiatan Ekonomi	
iii) Kemudahan Sosial	
iv) Penduduk Kampung dan Interaksi Sosial	
2.3 : Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Bemban	29

7/	Bab 3	<u>Sikap Politik Di Kalangan Penduduk Kampung Bemban</u>	35
	3.1 : Faktur Sosial	40	
	i) Keluarga dan Rumahtangga		
	ii) Pendidikan/Pelajaran	3.13	
	iii) Alat Sebaran Am (mass komunikasi)		
	iv) Ugama dan Politik	125	
	3.2 : Faktur Ekonomi	56	
	3.3 : Faktur Politik	60	
8/	Bab 4	64	
	<u>Sikap dan Kesedaran Politik Kampung</u>		
	4.1 i) Sejarah Pertubuhan/Organisasi Politik Sepintas Lalu	64	
	ii) Sikap Terhadap Organisasi/Pertubuhan Politik	66	
	iii) Pandangan dan Sikap Terhadap Pilihanraya	77	
	iv) Pandangan dan Sikap Terhadap Pemimpin Politik	84	
9/	Bab 5	94	
	<u>Penglibatan dan Penyertaan Masyarakat Kampung Di Dalam Aktiviti Politik</u>		
	5.1 : <u>Penyertaan Politik</u>	94	
	i) Golongan Aktif		
	ii) Golongan Pasif		
	5.2 : <u>Sikap Terhadap Kegiatan-Kegiatan dan Isu-Isu Politik</u>	99	
	i) Ceramah		
	ii) Perbincangan Mengenai Isu-Isu Politik dan Sikap Penduduk Terhadap Isu-Isu Politik		

5.3 : Kesan-Kesan Politik Ke atas Perpaduan Masyarakat **104**
Kampung Bemban

- i) Kesan Kepada Pemahaman Politik Penduduk
ii) Kesan Politik Terhadap Sosial dan Intergrasi

Dr. Hassan bin Masyarakat Kampung dan penyelia latihan di Jabatan

10/ Bab 6 Universiti Malaya. Segala tahniah dan nasihat **113**

Rumusan beliau banyak membantu pengkaji menjayakan penulisan

11/ **Bibliografi** Sewa beliau diberi rahmat, kesaktiawan dan **125**
perlindungan sepanjang masa dari Allah s.w.t.

Di sini juga pengkaji ingin mela'utkan setinggi penghargaan kepada baktitangan Pejabat Daerah, Pejabat Tunah Dungun dan Pejabat MOH Terengganu kerana telah memberikan kerjasama kepada pengkaji semasa membantu penyelesaian latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada Ketua Pengulu Dungun, Pengulu, Pegawai Daerah Dungun, Pegawai Penyelarasan Terah Daerah Dungun, Ketua Kampung, Ahli Jawatankuasa UMO Kampung Bemban, Ahli Jawatankuasa PAS Kampung Bemban serta seluruh penduduk Kampung Bemban terutamanya untuk keluarga angkat kerana sudah memberi bantuan, kerjasama dan layanan yang baik semasa pengkaji di kampung tersebut.

Pengkaji juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada adik Zaiton dan Rohani kerana banyak membantu pengkaji semasa kajian di Kampung Bemban. Akhir sekali pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Puas Sharifah Isha yang membantu pengkaji menaip latihan ilmiah ini. Hanya Allah Jua yang dapat membalsamnya.

PENGHARGAAN

Alhamdulilah, selesainya latihan ilmiah ini pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Hussain bin Mohamed, pensyarah dan penyelia latihan di Jabatan Antropologi, Universiti Malaya. Segala tunjukajar dan nasihat serta dorongan beliau banyak membantu pengkaji menjayakan penulisan latihan ilmiah ini. Semoga beliau diberi rahmat, kesajahteraan dan perlindungan sepanjang masa dari Allah s.w.t.

Di sini juga pengkaji ingin melafazkan setinggi penghargaan kepada kakitangan Pejabat Daerah, Pejabat Tanah Dungun dan Pejabat UMNO Terengganu kerana telah memberikan kerjasama kepada pengkaji semasa membuat pengkajian latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada Ketua Penghulu Dungun, Penghulu, Pegawai Daerah Dungun, Pegawai Penyelaras Tanah Daerah Dungun, Ketua Kampung, Ahli Jawatankuasa UMNO Kampung Bemban, Ahli Jawatankuasa PAS Kampung Bemban serta seluruh penduduk Kampung Bemban terutamanya untuk 'keluarga angkat' kerana sudi memberi bantuan, kerjasama dan layanan yang baik semasa pengkaji di kampung tersebut.

Pengkaji juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada adik Zaiton dan Rohani kerana banyak membantu pengkaji membuat kajian di Kampung Bemban. Akhir sekali pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Puan Sharifah Isha yang membantu pengkaji menaip latihan ilmiah ini. Hanya Allah juga yang dapat membalasnya.

SINOPSIS

Bab pertama mengenai sejarah pertumbuhan atas organisasi politik sepintas lalu dan sikap penduduk terhadap organisasi politik. Di bab pertama, pengkaji cuba menerangkan tujuan dan bidang kajian, termasuk metode-metode yang digunakan di dalam kajian ini serta pendekong dulu mereka terhadap pemimpin parti ini serta beberapa masalah kajian yang dihadapi semasa membuat kajian politik ke atas kes ini.

Bab kedua pula, pengkaji meninjau latarbelakang Kampung Bemban. Di permulaan bab ini, pengkaji telah memberikan definisi kampung dan seterusnya menghuraikan mengenai kepimpinan kampung, kegiatan ekonomi, kemudahan sosial, penduduk kampung dan interaksi sosial mereka. Di samping itu pengkaji juga menerangkan serba sedikit mengenai Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Bemban (JKKK).

Bab yang selanjutnya mengkaji tentang sumutan ke atas faktor-faktor kajian. Selain pengkaji juga memberikan pendekong Bab ketiga pula menerangkan tentang sikap berpolitik di kalangan penduduk Kampung Bemban. Di samping itu diterangkan juga faktur-faktur yang membentuk sikap mereka untuk berpolitik. Faktur faktur sosial yang melibatkan keluarga dan rumah tangga, pendidikan, alat sebaran am, ugama dan politik banyak mempengaruhi sikap berpolitik di kalangan masyarakat kampung di samping faktur-faktur ekonomi dan juga politik.

Bab keempat menerangkan sikap berpolitik penduduk kampung terhadap organisasi politik dan penglibatan mereka di dalam aktiviti politik.

Di sini diterangkan mengenai sejarah pertubuhan atau organisasi politik sepantas lalu dan sikap penduduk terhadap organisasi politik. Seterusnya dihuraikan juga tentang sikap penduduk terhadap pilihanraya serta pandangan dan sikap mereka terhadap pemimpin parti politik.

Bab kelima, pengkaji membuat tinjauan terhadap penglibatan dan penyertaan masyarakat kampung di dalam aktiviti politik. Untuk itu pengkaji membuat pengamatan terhadap penyertaan politik mereka, bagaimana sikap mereka terhadap kegiatan-kegiatan dan isu-isu politik serta apakah kesan-kesan politik ke atas perpaduan masyarakat kampung tersebut.

Di bab yang akhir, pengkaji membuat rumusan ke atas keseluruhan kajian. Di sini, pengkaji juga memberikan pendapat pengkaji di dalam membuat penentuan parti politik manakah yang mempunyai peluang yang lebih cerah untuk memenangi pilihanraya yang akan diadakan dan apakah alasan-alasannya serta kelemahan-kelemahan parti yang dijangkakan tidak berpeluang memenangi pilihanraya.

SENARAI PETA

1. Struktur dan penduduk mukim Bemban (Banci 1990)
1. **Peta Daerah Dungun**
Jenis pekerjaan dan isiak keluarga yang terlibat
2. **Peta Lokasi Kampung Bemban**
Kemuncak jarak Mukim Kampung Bemban
3. **Peta Mukim Kampung Bemban dan Kawasan-Kawasannya.**
Pertumbuhan dan bilangan kalanga yang terlibat
(dari segi komersial)
4. Pendapatan keluarga sebulan
5. Perkembangan masyarakat
6. Tahap pelajaran 50 responden
7. Bilangan penduduk yang menjadi ahli berdaftar dalam Parti Politik (50 responden)
8. Parti yang disukai (50 responden)
9. Alasan berpolitik (50 responden)
10. Kekurangan mengundi (50 responden)
11. Tahap kegagaran responden terhadap kumpulan pilihansaya.

SENARAI JADUAL

1. Struktur umur Penduduk Mukim Bemban (Banci 1981)
2. Jenis pekerjaan dan jumlah keluarga yang terlibat
3. Kegunaan tanah Mukim Kampung Bemban
4. Penternakan dan bilangan keluarga yang terlibat
(dari segi komersial)
5. Pendapatan keluarga sebulan
6. Perkhidmatan masyarakat
7. Tahap pelajaran 50 responden
8. Bilangan penduduk yang menjadi Ahli Berdaftarkan Parti Politik (50 responden)
9. Parti yang disukai (50 responden)
10. Alasan berpolitik (50 responden)
11. Kekerapan mengundi (50 responden)
12. Tahap kegemaran responden terhadap kempen pilihanraya.

LOKASI KAMPUNG BEMBAN DUNGUN TERENGGANU




Scale One Inch to a Mile or 1:63,360

103° 25'

6 Miles

1,000 2,000 3,000 4,000 5,000 6,000 7,000 8,000 9,000 10,000 Yards

LOKASI KAMPUNG BEMBAN DUNGUN TERENGGANU



PERTUNJUK



PERTEMPATAN



JALAN TANAH MERAH
TIDAK BERTURAP



JALANRAYA UTAMA
BERTURAP



JAMBATAN BESI




JALANRAYA
BERTURAP



JALAN KAMPUNG

MUKIM KAMPUNG BEMBAN DAN KAWASAN-KAWASANNYA



POLITIK BAWAHAN MELAYU: KAJIAN KES DI KAMPUNG BEMBAN

DUNGAN TERENGGANU

Pendahuluan sejap politik atau halan dijadang dari batas-batas

1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Politik desa yang juga merupakan politik bawahan Melayu mempunyai fungsi atau peranan tertentu di dalam membentuk kehidupan politik negara. Sumbangan utama mereka sebagai pengundi yang rata-rata mempunyai kepentingan politik terutamanya di dalam pemilihan wakil-wakil mereka memang tidak dapat dipertikaikan.

Politik bawahan atau peringkat 'grass root level' ini mempunyai kekuatan tertentu terutama dalam pembentukan dan penubuhan sesebuah negara kerana golongan ini meliputi sebahagian besar penduduk Melayu di negara ini. Berdasarkan kepada jumlah yang besar ini, kepentingan mereka adalah ketara sungguhpun sumbangan mereka cuma kelihatan sekali-sekala iaitu bila menjelangnya pemilihan wakil-wakil atau pilihanraya. Dengan kata lain, sumbangan politik mereka menjadi tempat parti-parti bergantung harap untuk mendapatkan kemenangan pucuk pimpinan dan membentuk teraju pemerintah.

Sehingga kini terdapat setengah golongan berpendapat bahawa orang-orang Melayu adalah golongan yang aktif di dalam politik jika

jika dibandingkan dengan kumpulan ras lain seperti golongan Cina dan India. Pendapat bahawa kuasa politik mestilah berada di dalam tangan Melayu masih menebal sehingga menyebabkan orang-orang Melayu semakin ghairah menyertai politik walaupun kegiatan mereka ini hanya sebagai pengundi-pengundi biasa sahaja. Golongan ini lebih merupakan tenaga politik atau kalau dipandang dari batas-batas geografinya, mereka merupakan suatu 'political distentiveness' yang dapat menentukan turun atau naiknya sesuatu pemerintah. Di dalam mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu sebagai pucuk pimpinan, mereka adalah golongan yang terpenting kerana tanpa mereka bilangan orang-orang Melayu akan menjadi kecil jumlahnya. Ini dapat dilihat di kawasan-kawasan 'urban', di mana jumlah orang Melayu lebih sedikit jika dibandingkan dengan kumpulan ethnrik lain.

Pengaruh politik masyarakat ini adalah kurang berkesan disebabkan oleh kemunduran asas sosio politik mereka. Walau bagaimanapun masyarakat ini masih mempunyai kekuatan sosio-politik pada bahagian-bahagiannya yang tertentu terutamanya dari segi kekuatan bilangan atau kuantitatif. Untuk menyingkap kesedaran politik orang-orang Melayu di peringkat kampung penekanan telah ditumpukan kepada:

- 1/ Penglibatan anggota masyarakat kampung di dalam politik nasional dengan melihat reaksi terhadap perkembangan-perkembangan aktiviti-aktiviti politik semasa.

2/ Pandangan dan pendapat mereka tentang dasar -

dasar ekonomi negara dan pengaruh politik

terhadap pembangunan ekonomi dan sosial

masyarakat ini.

3/ Kesan politik terhadap cara hidup masyarakat

di dalam mewujudkan intergrasi sosial.

Kajian ini diadakan untuk meninjau sikap berpolitik di kalangan masyarakat bawahan Melayu khasnya di Kampung Bemban. Ia bertujuan menghuraikan bagaimana sikap berpolitik di kalangan masyarakat ini diserapkan kepada mereka. Adakah sikap mereka ini telah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, ekonomi, politik dan keadaan kampung? Di samping itu kajian ini juga cuba menghuraikan tentang penglibatan penduduk-penduduk kampung di dalam aktiviti-aktiviti politik. Bagimanakah pola-pola penglibatan mereka di dalam aktiviti-aktiviti politik seperti pengetahuan, perbincangan politik, ceramah, kegiatan pemimpin-pemimpin parti politik dan juga kegiatan semasa pilihanraya atau semasa pembuangan undi.

Kajian tentang politik pada umumnya telah bermula sejak tahun-tahun 1920 an lagi di mana pengkaji-pengkaji ilmu politik telah mula mengkaji tentang perlakuan pengundi, identifikasi parti politik, ideologi, sikap dan pendapat mengenai politik. Di antara tahun-tahun 1930 hingga 1940 minat mereka terhadap bidang ini semakin bertambah kerana adanya perkembangan dari segi kaedah-kaedah survey, sampeling, temuduga, questionaire dan pengukuran

pendapat responden di dalam pengkajian.

Walau bagaimanapun, sehingga hari ini, masih terdapat kekurangan kajian berkaitan dengan golongan bawahan atau 'grass-root level'. Terdapat beberapa tulisan latihan ilmiah yang telah dihasilkan oleh beberapa penulis tanahair dan juga dari luar negeri. Kebanyakan kajian yang dihasilkan bukanlah berbentuk kajian kes tetapi banyak menyentuh tentang perkembangan dan sejarah politik tanahair. Misalnya, J. Funston, menghasilkan, "Malay Politics in Malaysia" (1980), K.J Ratnam, "Masalah Perkembangan Politik Negara Malaysia" (1969), R. Roff, "The Origins of the Malay Nationalism" (1967), J.M Gullick, "Sistem Politik Bumiputera" (1970). Penulisan-penulisan James Scott lebih menumpukan perhatiannya terhadap ideologi politik di Malaysia dan K.J Ratnam pula membincangkan masalah perkauman dan perkembangan politik negara. R.K. Vasil pula membuat kajian mengenai politik Malaysia dengan memberi penumpuan kepada pilihanraya umum tahun 1969 dan mengenai pertubuhan parti politik bukan perkauman di negara ini.

Terdapat juga beberapa tulisan latihan ilmiah mengenai politik seperti yang telah dihasilkan oleh Wan Fatul Johari di Kelantan (1970), Malvin L. Rogers di Kampung Sungai Raya di Muar Johor (1968), Manning Nash di Kelantan (1974), Dr. Hussein Mohamed di Kampung Padang Luas, Terengganu (1974), Tengku Adli Tengku Abdullah di Kampung Paloh Tendung dan Sungai Tendung, Kelantan (1980), Che Wan Taqwa Che Wan Abu Bakar di Kampung Pengkalan Arang, Kuala

Nerus, Terengganu (1981) dan lain-lain lagi.

Malvin L. Rogers didalam tesisnya lebih menumpukan kajian terhadap golongan bawahan sedangkan kajian lain lebih bersifat ' secondary ' yang hanya tertumpu kepada golongan pemimpin, pimpinan parti politik dan juga perkembangan politik. Kurangnya kajian terhadap politik di peringkat "grass-root level" ini menyebabkan pengkaji begitu berminat untuk membuat kajian ini, lebih-lebih lagi memandangkan kepada perkembangan proses politik di negara ini semakin ketara terutamanya di kalangan golongan bawahan. Pengkaji menjangkakan dengan siapnya kajian ini, ia dapat menampung keperluan kajian mengenai politik yang berbentuk ilmiah dan menambahkan lagi bilangan penulisan mengenai politik untuk dijadikan rujukan dimasa-masa akan datang.

Di dalam kajian ini, pengkaji cuba menghuraikan latar-belakang kampung serta hubungan atau interaksi di antara penduduk-penduduk kampung. Hubungan yang erat dan pertalian persaudaraan akan mempengaruhi sikap mereka samada di dalam sistem sosial mahupun sikap berpolitik. Di samping itu pengkaji akan menghuraikan latar-belakang penduduk seperti taraf pendidikan, ekonomi, susulapis masyarakat, suasana kampung serta sosial kampung yang mana boleh mempengaruhi sikap berpolitik di kalangan mereka.

Kajian ini menumpukan perhatian kepada penantu-penentu kekeluargaan, ugama, ekonomi, pendidikan dan peranan mass komunikasi

yang dianggap sebagai agen-agen sosialisasi politik penduduk-penduduk kampung, sejauh manakah keberkesanan penentu-penentu itu di dalam pembentukan sikap mereka untuk berpolitik dan apakah tingkat-tingkat penglibatan mereka itu dipengaruhi oleh penentu-penentu tersebut?

Pengkaji juga cuba meninjau sejauh manakah kesan-kesan daripada penglibatan mereka di dalam arena politik, setakat manakah penglibatan tersebut mewujudkan konflik-konflik sosial dan politik masyarakat kampung tersebut. Kajian ini juga menekankan tentang parti mana yang akan berpeluang memenangi pilihanraya yang akan datang dan alasan-alasan berapa parti tersebut akan menang serta kelemahan-kelemahan parti yang berkemungkinan mempunyai peluang yang tipis untuk memenangi pilihanraya.

1.2 Metode Kajian

Beberapa metode telah digunakan di dalam kajian ini seperti soalselidik atau questionnaire, temuduga, penyertaan pemerhatian atau participant observation serta penyelidikan perpustakaan.

(i) Soalselidik

Untuk mendapatkan maklumat mengenai responden, pengkaji telah menggunakan borang soalselidik yang digunakan untuk mengkaji kemiskinan di kampung-kampung di Semenanjung Malaysia yang melibatkan keseluruhan pelajar-pelajar dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya. Borang soalselidik ini telah disediakan oleh

Institut Pengajian Tinggi yang terlibat secara langsung di dalam projek penyelidikan mengenai kemiskinan di Malaysia.

Borang soalselidik ini digunakan untuk mendapatkan data-data mengenai latarbelakang dan kedudukan sosio-ekonomi responden.

Pengkaji telah memilih 50 orang responden di mana pemilihan ini dilakukan secara persampelan sistematis. Namun begitu pengkaji hanya menggunakan beberapa bahagian borang soalselidik ini termasuk pandangan dan persepsi responden terhadap politik.

Soalan-soalan ini dikemukakan di dalam dua bentuk iaitu:

i/ Secara terbuka (open-ended) iaitu soalan-soalan yang dikemukakan tidak mempunyai jawapan khusus. Sebagai contoh – pandangan dan persepsi responden terhadap politik.

ii/ Secara tertutup (close-ended)

tiap-tiap soalan tidak disediakan

jawapannya. Jawapan responden

diberikan berdasarkan jawapan yang

telah disediakan dalam bahagian politik.

Contohnya, soalan seperti, suakah kerajaan selama lebih kurang satu tahun akhirnya mencapat yang dilajui. saudara/i mendengar kempen pilihan raya?

menyatakan diri ketika berada di dalam komuniti tersebut.

Pengkaji telah mendapat jawapan yang baik dari sebagian-sebagian

Fungsi terpenting kaedah kajian ini adalah untuk mendapatkan data-data pendidikan, pekerjaan, kegiatan sosial, politik dan ekonomi. Data-data ini kemudiannya dianalisa dan dibuat interpretasi yang mana ianya penting di dalam kajian.

ii) Temuduga

Kaedah ini dilakukan secara formal dan tidak formal. Pengkaji telah menemuduga 20 orang tokoh penting yang mempunyai hubungan rapat dengan kajian kes ini. Mereka adalah Ketua Kampung penghulu, pegawai kerajaan, ketua ranting UMNO, ahli jawatankuasa ranting PAS, tokoh-tokoh politik serta penduduk-penduduk kampung yang memainkan peranan penting dalam kegiatan-kegiatan yang berkenaan dengan politik. Tujuannya adalah untuk mengetahui dengan lebih dekat lagi tentang pandangan mereka terhadap politik di kalangan masyarakat. Kaedah ini boleh digunakan untuk menambahkan matlumat dan data-data untuk kajian serta bertujuan untuk menampung kelemahan kaedah kajian lain.

iii) Penyertaan -Pemerhatian (participant observation)

Kaedah ini lebih mementingkan penglibatan dan penyertaan secara langsung pengkaji dengan masyarakat yang dikaji. Pengkaji berada selama lebih kurang satu bulan di dalam masyarakat yang dikaji. Ini tidak mendorong masalah kepada pengkaji kerana pengkaji berjaya menyesuaikan diri ketika berada di dalam komuniti tersebut. Pengkaji telah mendapat layanan yang baik dari anggota-anggota

masyarakat, ini adalah kerana kemungkinan pengkaji adalah orang tempatan dan masalah bahasa tidak menjadi persoalan langsung. Oleh itu masalah perhubungan semasa kajian tidak timbul dari kedua-dua belah pihak.

iv) Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan banyak dilakukan terutamanya pada awal kajian dimana kebanyakannya konsep-konsep dan banyak maklumat terpaksa dirujuk kembali kepada analisa-analisa yang lepas.

Pengkaji telah merujuk analisa-analisa dari buku-buku, latihan-latihan ilmiah serta sumber-sumber yang didapati dari beberapa agensi kerajaan seperti pejabat daerah, pejabat penghulu dan penggawa dan sebagainya. Sebagai suatu cara untuk mempastikan segala konsep-konsep dan lain-lain data kajian mempunyai kaitan serta relevan dengan topik yang dikaji. Selain daripada itu kaedah ini membolehkan pengkaji membuat huraian yang lengkap topik yang dikaji.

1.3 Masalah Kajian

Semasa kajian pengkaji menghadapi berbagai masalah.

Masalah seperti sukar untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang tepat dan jelas tentang soalan-soalan yang dikemukakan. Sebaliknya responden menyerahkan sahaja jawapan yang tepat kepada pengkaji. Ini menyulitkan pengkaji dan sebagai mengatasinya pengkaji terpaksa mengambil masa yang lebih untuk memberi peluang kepada responden memberi jawapan yang tepat.

Terdapat salah sangka di kalangan setengah responden terhadap pengkaji mengenai tujuan sebenar kajian diadakan. Mereka pada mulanya mencurigai pengkaji dan menganggap pengkaji sebagai pemancing undi, dan kadangkala pula dianggap sebagai talibarut atau orang kerajaan yang ditugaskan untuk memujuk orang kampung menyertai parti mereka. Kemungkinan besar sebab-sebab terjadinya anggapan ini adalah kerana kajian ini diadakan semasa keadaan yang hampir dengan pilihanraya. Masalah ini akhirnya dapat di atasi apabila pengkaji menerangkan segala maksud kedatangan pengkaji dengan panjang lebar.

Masalah kecaburan tentang soalan-soalan yang diajukan kepada responden telah timbul semasa kajian ini dilakukan terutamanya di kalangan orang-orang yang telah tua yang secara majoritinya tidak berpelajaran atau buta huriuf. Beberapa konsep seperti masalah politik, kempen, pilihanraya dan sebagainya terpaksa diterangkan dengan panjang lebar oleh pengkaji. Kadangkala pengkaji terpaksa menggunakan contoh-contoh dan kiasan tertentu untuk membolehkan mereka menangkap apa yang dimaksudkan oleh pengkaji. Ini memerlukan masa yang panjang dan yang merumitkan lagi ialah apabila responden tetap tidak memahami soalan walaupun diterangkan beberapa kali.

Jawapan yang diberikan oleh responden selalunya tidak tepat dan kadangkala mengelirukan. Sebagai contohnya, soalan-soalan yang berkaitan dengan perbelanjaan dan pendapatan. Oleh kerana biasanya kebanyakan dari penduduk kampung ini bekerja sendiri, maka amat sukar untuk mendapatkan data-data ini memandangkan perkara-perkara ini jarang direkodkan malahan tidak pernah tetap

dari masa ke masa. Sebagai cara untuk mengatasinya pengkaji cuba memberikan angka yang tepat supaya segala sumber-sumber itu dapat dikira dengan mudah serta tidak mengelirukan.

Biasanya apabila pengkaji ke rumah responden, jiran-jiran berdekatan akan datang untuk mengetahui tujuan pengkaji. Kadangkala ahli-ahli keluarga responden juga turut berkumpul di situ. Masalah yang timbul disini ialah apabila soalan diajukan, seringkali mereka yang memberi jawapan bukannya responden sebagaimana sepatutnya. Ini menganggu kelancaran perbualan di antara responden dan pengkaji. Untuk mengelakkan gangguan pengkaji kadangkala terpaksa memberhentikan perbualan seketika dan menegur mereka supaya responden diberi peluang menjawab soalan yang telah diajukan oleh pengkaji.

Oleh kerana kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja sendiri, pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan responden. Pengkaji terpaksa mengambil masa-masa tertentu sahaja yang mana dijangkakan sesuai untuk menjalankan kajian. Biasanya pengkaji mengambil waktu-waktu selepas waktu tengah hari (selepas waktu makan dan sembahyang zohor) yang lebih merupakan waktu rehat responden di kampung tersebut. Namun begitu masalah tetap timbul kerana kadangkala responden tidak ada di tempat kerja atau di rumah kerana setengahnya membuat kerja sambilan di tempat lain. Selain dari itu rumah responden kadangkala jauh di antara satu sama lain dan kadangkala terpencil pula. Jadi pengkaji tidak melakukan kajian pada waktu malam sebagai satu cara menjamin keselamatan pengkaji sendiri.

- 19 -

Bab II LATARBELAKANG KAMPUNG BEMBAN

Kampung biasanya merupakan suatu unit sosial yang padu atau suatu komuniti yang biasanya berkediaman di kawasan pedalaman atau luarbandar. Konsep kampung dalam masyarakat Melayu biasanya merujuk kepada masyarakat luarbandar. Walaupun begitu, kampung tidak semestinya terletak di luarbandar bahkan ianya juga terdapat di bandar besar seperti Kuala Lumpur, iaitu masih mendapati kampung-kampung walaupun ia merupakan suatu kawasan yang lebih moden.

Contohnya, Kampung Baharu, Kampung Kerinci dan Kampung Pandan. Hakikat ini pernah disebutkan oleh sebilangan pengkaji seperti Prof. Dr. Syed Husin Ali bahawa;

"Tidak kira apakah kemungkinan erti-erti lain, jelas bahawa istilah kampung itu merujuk kepada suatu unit sosial yang padu atau komuniti dalam kawasan luarbandar."

Raymond Firth pula dalam kajiannya di Kelantan mensifatkan bahawa;

"Kampung biasanya bukanlah sebuah unit pentadbiran atau keugamaan, akan tetapi sebuah unit sosial yang merupakan perasaan setiakawan dan ketetanggaan." (1)

(1) - Syed Husin Ali, "Masyarakat Dan Kepimpinan Kampung Di Malaysia," Kuala Lumpur. Halaman 61-62.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa kampung adalah suatu unit yang mempunyai asas kawasan, asas kekeluargaan. Ia juga adalah suatu unit sosial yang mengandungi asas ekonomi, ugama, politik dan pentadbiran yang tersendiri. Di dalam asas-asas ini terdapat ciri-ciri tradisional dan moden yang diserapkan secara langsung atau tidak langsung di dalam hidup seharian orang-orang kampung.

2.2 Kampung Bemban

Kajian ini melibatkan 3 buah kampung dari 5 kampung yang terletak di dalam Mukim Kampung Bemban iaitu Kampung Bemban, Kampung Alur Rekam dan Kampung Alur Mak Bah. Dua buah kampung lain yang terletak di dalam mukim ini ialah Kampung Tanjung Mina dan Kampung Pengkalan Binjai. Mukim ini terletak di bawah pimpinan Encik Abdul Wahab bin Abdullah, selaku Ketua Kampung. Dari segi geografinya kampung ini terletak berderetan di sepanjang jalan tanah merah iaitu Jalan Jerangau - Tok Kah. Untuk memasuki kampung ini seseorang itu mestilah melalui jalan tanah mereh sejauh $1\frac{1}{2}$ batu dan jalan kampung sejauh $1\frac{1}{2}$ batu bermula dari jalan ~~nya~~ utama Dungun - Kuala Terengganu.

Kampung ini terletak kira-kira enam batu dari Pekan Kuala Dungun. Masalah pengangkutan merupakan masalah utama untuk masuk ke kampung ini. Ini adalah kerana sehingga sekarang ini masih belum terdapat sebarang sistem pengangkutan awam yang menghubungi kampung ini dengan tempat-tempat lain. Kereta-kereta sewa biasanya enggan

masuk ke kawasan ini kerana keadaan jalanraya yang tidak begitu memuaskan iaitu berlopak-lopak dan berlubang-lubang pada musim hujan dan berdebu pula musim kemarau.

Mukim ini mempunyai keluasan 3 batu persegi yang terdiri dari 810 ekar tanah kampung iaitu 790 ekar tanah milik dan 20 ekar tanah kerajaan. Mengikut banci tahun 1981 terdapat 372 orang penduduk yang tinggal di kampung ini. Mereka adalah 180 orang lelaki dan 192 orang perempuan. Terdapat lebih kurang 79 buah keluarga yang menetap di mukim ini.

Dari segi struktur umur pula, jumlah penduduk yang kurang dari 5 tahun ialah 70 orang iaitu 18.8% sementara penduduk yang berumur di antara 5 hingga 12 tahun ialah seramai 79 orang atau 21.3%. Penduduk yang berumur di antara 13 hingga 25 tahun pula berjumlah seramai 92 orang atau 24.7%. Mereka yang berumur di antara 26 hingga 45 tahun ialah seramai 78 orang atau 21.1%. Sementara yang berumur di antara 46 hingga 55 tahun adalah seramai 22 orang atau 6% dan penduduk yang melebihi umur 55 tahun pula ialah seramai 31 orang atau 8.3%.

Secara keseluruhannya kegiatan ekonomi mereka yang utama ialah menjadi petani dan penoreh getah. Bilangan keluarga yang menjadi petani ialah 50 buah keluarga iaitu 38%. Sesetengah itu ialah keluarga penoreh getah ialah 38 buah keluarga atau 46%. Terdapat hanya 2 buah atau 2.5% keluarga nelayan di kampung ini. Jumlah keluarga yang mengjalankan aktiviti pertanian (kecil-kecilan seperti pedadus nusut)

JADUAL 1: STRUKTUR UMUR PENDUDUK MUKIM BEMBAN
(BANCI 1981)

UMUR (TAHUN)	BILANGAN PENDUDUK	PERATUS (%)
bawah 5 tahun	70	18.1
5 - 6	23	6.2
7 - 12	56	15.1
13 - 17	42	11.3
18 - 25	50	13.4
26 - 35	48	13.0
36 - 45	30	8.1
46 - 55	22	6.0
lebih 55	31	8.3

i) KEGIATAN EKONOMI

Dari segi kegiatan ekonomi pula penduduk kampung ini menjalankan berbagai-bagai aktiviti ekonomi seperti petani, bermiaga penoreh getah, nelayan, kakitangan kerajaan dan juga kakitangan swasta. Secara keseluruhannya kegiatan ekonomi mereka yang utama ialah menjadi petani dan penoreh getah. Bilangan keluarga yang menjadi petani ialah 30 buah keluarga iaitu 30%. Sementara itu jumlah keluarga penoreh getah ialah 38 buah keluarga atau 48%. Terdapat hanya 2 buah atau 2.5% keluarga nelayan di kampung ini. Jumlah keluarga yang menjalankan aktiviti perniagaan (kecil-kecilan seperti pekedai runcit)

ialah 3 buah keluarga atau 3.8%, Di samping itu terdapat 3 buah atau 3.8% keluarga yang menjadi kakitangan kerajaan dan 3 buah keluarga yang menjadi pekerja di syarikat swasta atau 3.8%.

JADUAL 2: JENIS PEKERJAAN DAN JUMLAH KELUARGA YANG TERLIBAT

JENIS PEKERJAAN	BILANGAN KELUARGA	PERATUS
Petani	30	38%
Nelayan	2	2.5%
Berniaga	3	3.8%
Penoreh getah	38	48%
Kakitangan Kerajaan	3	3.8%
Kakitangan Swasta	3	3.8%

Dari segi penggunaan tanah pula, penduduk kampung ini

menggunakan seluas 50 ekar untuk kediaman kampung. Seluas 430 ekar tanah di kampung ini digunakan untuk penanaman getah dan 160 ekar pula ditanami dengan padi. Di samping itu terdapat seluas 100 ekar tanah dusun yang mengandungi berbagai jenis buah-buahan tempatan seperti rambutan, durian, manggis, duku, langsat dan lain-lain serta terdapat juga 50 ekar kebun kelapa.

JADUAL 3: KEGUNAAN TANAH KAMPUNG BEMBAN

KEGUNAAN TANAH	LUAS TANAH (EKAR)	PERATUS
kediaman kampung	50	6.2%
Getah	430	53.1%
Padi	160	19.1%
Dusun	100	12.3%
Kelapa	50	6.2%

Selain daripada itu penduduk kampung ini juga menjalankan aktiviti penternakan sebagai sampingan kepada aktiviti ekonomi mereka yang utama. Namun begitu ianya tidaklah bersifat komersil (perdagangan) kerana ia dijalankan secara kecil-kecilan atau untuk kegunaan rumah tangga sahaja. Di antara binatang ternakan yang diternak ialah lembu, kerbau dan kambing. Bilangan keluarga yang terlibat di dalam pertenakan lembu ialah 18 buah dengan sejumlah 43 ekor lembu telah diternak. Terdapat 20 ekor kerbau yang dipunyai oleh 10 keluarga.

Menurut ketua kampung, 20 ekor kerbau yang ada pada 10 buah keluarga itu adalah merupakan pemberian subsidi Jabatan Haiwan pada tahun 1983 yang lalu. Selain daripada itu terdapat hanya sebuah keluarga yang menternak kambing tetapi bilangannya hanya berjumlah 10 ekor sahaja.

JADUAL 4: PENTERNAKAN DAN BILANGAN KELUARGA
YANG TERLIBAT (DISEGI KOMERSIL)

JENIS	BILANGAN TERNAKAN	BIL. K'GA YANG TERLIBAT
Lembu	43	18
Kerbau	20	10
Ayam	-	-
Itik	-	-
Kambing	10	1
Ikan air tawar	-	-

Dari segi pendapatan penduduk pula, secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa pendapatan penduduk di kampung kurang dari \$500 sebulan. Bilangan keluarga yang berpendapatan kurang dari \$250 sebulan ialah 30 buah keluarga atau 38%. Jumlah keluarga yang berpendapatan di antara \$251 hingga \$400 ialah 44 buah keluarga atau 55.6% dan jumlah keluarga yang berpendapatan melebihi \$400 sebulan ialah 5 buah keluarga atau 6.3% sahaja. Ini menunjukkan bahawa penduduk-penduduk di kampung ini masih di peringkat kemiskinan.

Selain keripik itu di kampung ini juga terdapat 3 buah rumah bersama yang masing-masing dibina pada tahun 1970, 1975 dan 1985. Keadaannya walaupun sebenarnya kurang mirip ini sentiasa dibaloi oleh kerujukan dan juga oleh penduduk kampung. Perkhidmatan telefon juga juga terdapat disini. Sekiranya ini terdapat seorang penyok telefon

JADUAL 5: PENDAPATAN KELUARGA SEBULAN

PENDAPATAN SEBULAN	BILANGAN KELUARGA	PERATUS
Bawah \$250.00	30	38%
\$251 - \$400.00	44	55.6%
Melebihi \$400.00	5	6.3%

ii) KEMUDAHAN SOSIAL

Kampung Bemban dan lain-lain kampung yang berada di dalam mukimnya mendapat bekalan elektrik sejak tahun 1981. Hampir keseluruhan rumah di kampung ini menikmati kemudahan ini sejak mula kemudahan ini disalurkan. Namun begitu, kebanyakan penduduk masih menggunakan bekalan air perigi dan sungai kerana kemudahan paip air masih belum diadakan di kampung ini. Bilangan keluarga yang menggunakan air perigi ialah 67 buah sementara 10 buah keluarga menggunakan sungai. Keadaan bekalan air di kampung ini adalah kurang memuaskan terutamanya bekalan air perigi. Bekalan air perigi cuma terdapat hanya untuk beberapa bulan sahaja (9 - 10 bulan setahun) dan keadaannya kurang memuaskan (keruh dan berbau).

Selain daripada itu di kampung ini juga terdapat 3 buah surau kerajaan yang masing-masing dibina pada tahun 1970, 1975 dan 1983. Keadaannya adalah sederhana kerana surau ini sentiasa dibaiki oleh kerajaan dan juga oleh penduduk kampung. Perkhidmatan telefon awam juga terdapat disini. Setakat ini terdapat sebuah pondok telefon

di kampung Bemban yang dipasang pada tahun 1983 dan sebuah lagi
di kampung Alur Rekam yang dipasang pada pertengahan tahun 1985.

JADUAL 6: PERKHIDMATAN MASYARAKAT

JENIS	BILANGAN	TAHUN DIBINA	CATATAN
Surau	3	1970, 1975, 1983	Sederhana
Telefon Awam	2	1983, 1985	Baik

Dari segi pelajaran kebanyakannya penduduk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berdekatan dengan kampung ini seperti Sekolah Kebangsaan Pekan Serai dan Sekolah Menengah Kuala Abang yang kesemuanya terletak di luar mukim ini. Setengahnya pula menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang agak jauh dari kampung tersebut seperti Sekolah Menengah Ugama Sultan Ismail dan Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah yang terletak di sekitar Kuala Dungun. Untuk memudahkan pelajar-pelajar berulang alik mereka menggunakan basikal, bas dan berjalan kaki pada setiap hari persekolahan.

Tiap-tiap hari Sabtu pula terdapat perkhidmatan klinik bergerak yang dilakukan oleh Pusat Kesihatan Daerah Dungun.

Kebanyakannya penduduk disini mendapatkan rawatan kesihatan mereka di Hospital Besar Dungun dan mereka jarang sekali ke klinik swasta kecuali pekerja-pekerja syarikat swasta di mana segala pembayaran rawatan ditanggung oleh majikan mereka. Terdapat juga sebuah

Pusat Kesihatan Kecil di Pulau Serai di mana kebanyakan ibu mengandung mendapat rawatan mereka.

Jenis-jenis keluarga yang terdapat di Kampung Bemban ini adalah: Kampung Bemban ini terletak di bawah pimpinan seorang Ketua Kampung yang merupakan penduduk asal kampung ini⁽²⁾. Beliau mula memegang jawatan ini sejak tahun 1969 melalui pemilihan suara terbanyak dan menerima arahan dari penghulu atau penggawa yang kuat di bawah arahan ketua jajahan atau pegawai daerah (District Officer) bagi jajahan Dungun ini. Adalah menarik perhatian pengkaji bahawa Ketua Kampung ini amat mengambil berat tentang hal ehwal 'anak buahnya' kepada penduduk kampung ini. Ketua Kampung amat luas pengaruhnya berbanding dengan penghulu malahan lain-lain pengawai yang mengawal perancangan di kampung ini.

iii) PENDUDUK KAMPUNG DAN INTERAKSI SOSIAL

Sebagaimana yang biasa terdapat di kampung-kampung lain, penduduk kampung ini mementingkan unit keluarga. Anggota -anggota masyarakatnya mempunyai jalinan perhubungan yang rapat dan ketara sekali. Ini adalah kerana mereka mempunyai ikatan kekeluargaan,

(2) Ketua Kampung mendapat eluan sebanyak \$150 sebulan. Di samping itu beliau bekerja sendiri iaitu menjual pasir halus yang diambil dari Sungi Dungun dengan menggunakan jentera. Beliau mempunyai beberapa orang pekerja dan berkongsi pula dengan adiknya yang tinggal di luar kampung itu.

tinggal di kawasan yang sama serta mempunyai kepentingan yang sama.

Jenis-jenis keluarga yang terdapat di Kampung Bemban ini adalah jenis keluarga asas (nuclear family) yang mana ahli-ahlinya terdiri dari ibubapa dan anak-anak. Namun begitu terdapat juga keluarga besar (extended family) yang mengandungi ibubapa, anak-anak, menantu, cucu dan sebagainya. Didapati bahawa kebanyakan dari penduduk kampung ini mempunyai hubungan kekeluargaan samada hubungan ikatan darah (consanguinal), melalui perkahwinan atau melalui keluarga angkat. Dari 50 keluarga yang ditemui, didapati 21 keluarga atau 42% yang mempunyai hubungan darah di antara satu sama lain, manakala terdapat 18 keluarga atau 36% mempunyai hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan di antara saudara mala. Terdapat hanya 3 keluarga atau 6% yang mempunyai hubungan keluarga melalui pengambilan anak angkat dari keluarga lain di kampung tersebut. Selebihnya iaitu 8 buah keluarga atau 16% yang tidak mempunyai apa-apa hubungan kekeluargaan. Kesimpulannya didapati bahawa hampir keseluruhan penduduk kampung ini mempunyai saudara mala dan masing-masing mempunyai hubungan kekeluargaan di antara satu sama lain.

Pertalian sanak saudara jelas kelihatan kerana rumah mereka dikelilingi oleh sanak saudara dan saling berdekatan di antara satu sama lain. Disebabkan adanya hubungan yang rapat melalui ikatan kekeluargaan menyebabkan timbulnya konsep 'saudara dekat', 'saudara sekampung' atau 'saudara jauh'. Dari itu juga

munculnya panggilan-panggilan tertentu atau 'terms of address' seperti pakcik, makcik, Tok Cik, Tok Ngah, Wa, Tok Wan, Tok Ki, Long, Ngah dan sebagainya.

Hubungan kekeluargaan yang rapat ini telah juga mempengaruhi taburan rumah tangga penduduk. Memang telah menjadi lumrah, penduduk kampung biasanya tidak begitu gemar berjauhan dengan sanak saudara mereka. Pada mereka, tinggal berdekatan di antara satu sama lain begini, mereka akan senang mendapat pertolongan semasa kecemasan seperti sakit demam, kematian dan sebagainya. Dengan adanya sanak saudara disekeliling mereka sekurang-kurang dapat memberi kerjasama menyelesaikan masalah bila ada kepayahan.

Mungkin ini adalah satu dari beberapa alasan terhadap persoalan mereka jarang berkahwin atau enggan menerima orang luar di dalam hidup mereka. Sering terdapat di kampung tersebut di mana rumah seorang penduduk yang sudah berumur dikelilingi oleh rumah anak-anak atau cucu-cucu mereka. Ini adalah kerana adanya hubungan sosial yang rapat dan berkesan di mana rumah ibubapa akan menjadi pusat tumpuan kelompok-kelompok rumah tangga yang berdekatan.

Hasil pengelompokan ini mungkin menimbulkan suatu unit sosial yang penting, yang mana mempunyai hubungan darah dan perkahwinan.

Di dalam pergaulan harian pula, mereka mempunyai hubungan yang amat baik. Segala kesusahan, kerumitan dan kepayahan anggota kampung akan mudah diketahui oleh anggota lain dan ia menjadi beban bersama. Dengan sebarang keadaan, mereka akan mencuba

sedaya upaya mereka untuk menyelesaikan segala masalah dan kerumitan yang ada. Ini mengambarkan bahawa mereka amat menitikberatkan anggota kampung itu.

Sikap kerjasama dan saling bantu membantu juga jelas kelihatan terutama bila adanya keramáian, majlis-majlis kenduri kematian dan majlis-majlis keugamaan. Mereka akan saling bantu membantu dan masing-masing melakukan tugas yang diberikan dengan sukarela dan sikap bekerjasama. Kadang-kadang suasana ini menjadi suatu 'pesta' pula bagi mereka kerana pada masa inilah para penduduk bertemu, saling bertegur sapa dan bergurau senda sambil melakukan tugas masing-masing. Selain dari itu, mereka juga akan menerima 'habuan' masing-masing selepas selesaiya suatu 'gotong royong' itu sebagai tanda terima kasih dari pihak tuan rumah atau pihak yang menganjurkan sesuatu majlis itu misalnya makan tengah hari dengan lauk cara kampung (ala kadar), mee goreng, pulut kunyit, laksa dan lain-lain makanan yang biasanya mengenyangkan.

Suatu ciri yang menarik mengenai penduduk kampung ini ialah sikap penduduknya yang suka membantu anggota lain dan mudah pula bersimpati dengan anggota lain. Misalnya bila adanya sebuah majlis perkahwinan, para penduduk biasanya 'dijemput mulut sahaja' (secara lisan). Adalah tidak elok dan seseorang anggota masyarakat itu akan merasa tersinggong atau terhina jika ia dijemput melalui surat jemputan. Biasanya para anggota yang dijemput ini akan datang ke rumah pengantin sehari atau dua hari lebih awal dari

tarikh tersebut. Mereka akan bergotong royong membuat segala persiapan seperti menyediakan kayu api mendirikan khemah, menyembelih ternakan, menolong tukang masak menyediakan ramuan-ramuan masakan dan sebagainya. Di samping itu juga, mereka akan pergi ke rumah pengantin dengan berbagai buah tangan sebagai hadiah termasuk gula, kopi, teh, biskut, kelapa, buah-buahan, gula melaka, telur dan sebagainya yang boleh digunakan untuk majlis itu nanti. Ini menunjukkan bahawa kerjasama di antara penduduk dalam usaha membantu pihak pengantin adalah jelas terutamanya dalam usaha mengurangkan beban perbelanjaan dan tenaga yang berat.

Selain dari itu jika ada kematian salah seorang dari ahlinya, berita ini akan mudah tersebut dari mulut ke mulut. Penduduk akan bergotong royong pula menyediakan segala persiapan pengkbumian seperti memberi derma kilat, menyediakan kain kapan, membuat keranda, menggali liang kubur dan sebagainya. Biasanya seluruh anggota masyarakat kampung ini akan berkunjung ke rumah keluarga si mati untuk memberi penghormatan yang terakhir. Selain daripada itu mereka juga bekerjasama dengan pihak keluarga si mati menyediakan juadah bagi kenduri arwah yang biasanya dilakukan selama 3, 7, 40 dan 100 hari berturut-turut mengikut kemampuan.

Secara keseluruhannya didapati hampir kesemua penduduk Kampung Bemban berugama Islam kerana di sini terdapat sebuah keluarga Cina yang berugama Buddha. Walaupun begitu, ketua keluarga tersebut sangat fasih berbahasa Melayu dan tidak ragu-ragu

menyebut 'Allah', 'Insya Allah' 'Assalamualaikum' dan sebagainya. Kefasihanya ini juga menyebabkan dia tidak terasing dari penduduk penduduk lain malah penduduk-penduduk di kampung tersebut memang mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain.

Keseluruhan penduduk yang berugama Islam walaupun tidak mengamalkan cara hidup berdasarkan Islam sepenuhnya, telah menunjukkan sifat-sifat keislaman mereka. Ini dapat dilihat dari perlakuan-perlakuan ibadat yang dikerjakan oleh mereka, seperti sembahyang 5 waktu, berpuasa di bulan Ramadhan dan membaca Al-Quran.

Institusi surau adalah penting di dalam kehidupan penduduk Kampung Bemban. Ia adalah suatu kemudahan yang penting untuk mengerjakan ibadat sembahyang berjumaah dan juga ia adalah suatu tempat untuk mendalami hukum-hukum serta segala petua berhubung dengan ugama Islam. Melalui syarahan-syarahan dan ceramah-ceramah dari pihak yang arif tentang agama Islam seperti Imam dan bilal serta pensyarah atau ustaz-ustaz pelawat yang datang dari luar kampung. Walupun begitu setengah-setengah penduduk terutamanya golongan wanita mengerjakan sembahyang mereka di rumah masing-masing. Ini adalah kerana di rumah tidak ada penjaga kepada anak-anak mereka yang masih kecil dan lagi pun, keadaan kampung yang serba kekurangan menyebabkan mereka tidak berani keluar rumah terutamanya pada waktu malam. Setengahnya pula akan pergi ke surau hanya 2 kali seminggu.

Dari segi status pula, penduduk kampung ini lebih memandang tinggi kepada golongan yang makan gaji dari mereka yang bekerja

sendiri atau menjadi petani. Selain daripada itu mereka juga memandang tinggi kepada golongan yang mempunyai kekayaan material seperti berumah besar, mempunyai bidang tanah yang banyak serta lain-lain barang mewah yang melambangkan kekayaan. Suatu keistimewaan bagi penduduk kampung ini adalah keramah tamahan mereka melayani tetamu dari luar. Mereka amat menyangung tinggi kepada orang-orang luar yang datang ke kampung mereka. Biasanya golongan muda atau kanak-kanak suka mengerumuni mereka yang baru datang dan golongan tua pula gemar menjemput tetamu singgah ke rumah mereka. Kadang-kadang pula mereka bersusah payah menyediakan juadah untuk para tetamu walaupun mereka tidak pernah mengenali mereka. Adalah suatu perlakuan yang kurang baik dan kadangkala menjadi suatu penghinaan kepada orang-orang kampung tersebut jika tetamu mereka menolak atau tidak menjamah juadah yang mereka hidangkan.

2.2 Kepimpinan Kampung

Dari segi kepimpinan kampung pula, Ketua Kampung adalah punca rujukan penduduk-penduduk Kampung Bemban. Ketua Kampung memainkan peranan penting dalam menjaga ketenteraman dan kesejahteraan penduduk kampung. Ketua Kampung bertanggungjawab sebagai wakil untuk Jabatan Pertanian Cawangan Dungun untuk memberi bantuan baja, benih dan lain-lain kemudahan jabatan tersebut kepada penduduk-penduduk kampung. Secara amnya tugas Ketua Kampung adalah luas sekali di kampung tersebut. Beliau bertanggungjawab di dalam soal-soal pemilihan soal-soal keselamatan dan penyaluran masuk

bantuan dan projek-projek pembangunan luarbandar yang dilancarkan oleh kerajaan. Jika terjadinya soal-soal perselisihan atau tidak percaduhan di antara penduduk kampung, beliaulah orang yang bertanggungjawab untuk campur tangan dan menyelesaikan segala masalah itu. ⁽³⁾ Ketua Kampung mempunyai hubungan yang rapat dengan penghulu disebabkan tugasnya yang banyak membantu penghulu dalam mengawasi keselamatan dan kesejahteraan kampung. Selain daripada itu beliau juga menjadi tumpuan ahli-ahli politik kerana beliau seorang yang terpengaruh di kampung itu. Walaupun begitu beliau adalah ketua cawangan Parti Barisan Nasional Kampung Bemban.

Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan anak buahnya. Segala kesulitan diberitahu kepada ketua kampung walaupun mengenai perkara-perkara yang remeh temeh contohnya bila seseorang itu hendak keluar dari kampung, maka ketua kampung akan diminta untuk menghantarnya dengan kenderaan beliau. Selain daripada itu rumah Ketua Kampung menjadi tempat posmen meletakkan semua surat penduduk kampung kerana kesemua rumah di kampung ini tidak mempunyai nombor rumah; jadi Ketua Kampung pula bertugas menghantar surat-surat tersebut. Ketua Kampung juga diharapkan oleh penduduk kampung (terutama golongan tua) agar dapat menolong membuat pembayaran bil elektrik, lesen-lesen tanah dan sebagainya di pejabat-pejabat yang berkaitan di bandar.

(3) Tengah Penghulu Mukim Kampung Bemban jarang-jarang melawat kampung-kampung di bawah pentadbirannya dan ini menyebabkan pengaruhnya tidak begitu

meluas malahan ada di antara penduduk kampung yang tidak mengenali langsung penghulu mereka. Menurut ketua penghulu tersebut, tidak dapat masuk ke kampung tersebut secara lebih kerap kerana beliau terpaksa membahagikan masa-masa tertentu untuk melawat mukim-mukim lain di bawah pentadbirannya (3) oleh sebab itu beliau jarang-jarang sekali melawat Kampung Bemban dan setengah penduduk tidak dapat mempastikan tentang kewujudan penghulu untuk kampung tersebut. Ini adalah kerana kedudukan dan tugas Ketua Kampung ternyata lebih ketara dari penghulu.

Kampung Bemban terdiri dari anak mukim Kampung, 12 orang ahli organisasi tersebut adalah terdiri anak-anak Ketua Kampung JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG BEMBAN yang berumur 18 hingga 25 tahun. Selain dari itu terdapat juga ahli-

Sebagaimana kampung-kampung lain yang terdapat di seluruh Malaysia, Kampung Bemban mempunyai organisasi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampungnya yang tersendiri. Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung adalah satu-satunya organisasi kampung yang paling hampir dan paling mungkin untuk membangunkan masyarakat dan kawasan luarbandar. Ia ditubuhkan di bawah pengendalian Pejabat Kemajuan Negeri. JKKK diketuai oleh Menteri Besar dan dipengerusikan bersama oleh Pegawai Kemajuan Negeri. Di bawah badan tersebut terdapat wakil-wakil rakyat yang menjadi pengurus tetap dan

(3) Temubual dengan Ketua Penghulu Dungun pada 19hb. November, 1985, di Pejabat Daerah Dungun.

penghulu pula menjadi setiausaha tetap di peringkat kawasan kampung pula. Ketua Kampung bertugas sebagai pengurus yang menjadi penggerak utama JKJKK dan setiausaha pula sebagai pembantu kepada pengurus.

JKKK Kampung Bemban dipengerusikan oleh Ketua Kampung dan mempunyai 15 orang ahli jawatankuasa. Setiausahanya pula adalah salah seorang ahli kampung tersebut yang mempunyai pertalian keluarga dengan Ketua Kampung. Lebih kurang 90% dari ahli AJKK Kampung Bemban terdiri dari sanak saudara Ketua Kampung. 2 orang ahli organisasi tersebut adalah terdiri anak-anak Ketua Kampung yang berumur 18 hingga 23 tahun. Selain dari itu terdapat juga ahli-ahli yang mempunyai kaitan kekeluargaan dengan Ketua Kampung iaitu seperti adik ipar, abang ipar, anak saudara, adik, sepupu, dua pupu dan beberapa orang saudara jauh kepada Ketua Kampung. Pemilihan AJKKK ini sebenarnya bukanlah bermaksud untuk membolot kekuasaan ke atas kampung tersebut dan terlalu mementingkan ahli keluarga tetapi adalah kerana mereka telah dipilih secara sebulat suara oleh penduduk kampung tersebut memandangkan tidak ada orang lain yang layak dan mahu memikul beban tugas itu. Selain daripada itu mereka lebih berkelayakan memandangkan ahli-ahlinya mempunyai taraf ekademi yang lebih dari penduduk-penduduk lain. Lebih kurang 90% daripada ahli jawatankuasa organisasi tersebut boleh membaca dan menulis. Taraf akademi yang tertinggi yang diperolehi oleh ahli-ahlinya

ialah SPM (4).

AJKKK Kampung Bemban ini menjalankan berbagai-bagai aktiviti dan organisasi ini bermusyuarat sebulan sekali dengan eluan \$5.00 bagi seorang ahli untuk satu bulan. AJKKK mempunyai tugas tertentu, di antaranya ialah:

- a) Menentukan rancangan-rancangan pembangunan yang hendak dilaksanakan di dalam kampung.
 - b) Sesudah menentukan rancangan-rancangan, JKKK mesti memilih projek mana yang hendak didahulukan dan projek mana yang dikemudiankan. Dalam masa itu mungkin ada beberapa projek yang boleh dilaksanakan berasingan.
 - c) Melaksanakan projek-projek yang telah dipersetujui, perlaksanaan ini dibuat samada oleh orang-orang kampung sendiri atau secara bekerjasama dengan badan-badan atau jabatan-jabatan kerajaan atau pertubuhan sukarela dan sebagainya.
 - d) Mengambil daya usaha serta memimpin untuk menjayakan projek-projek yang telah dipersetujui terutama dari segi berikut: -
 - (i) Bergotong royong yakni galakkan penyertaan bersama oleh orang-orang kampung.
-
- (4) Temubual dengan Ketua Kampung Bemban pada 18hb. November, 1985 di rumahnya.

- b) Mengadakan:
 - ii) Kelicinan perjalanan kesemua projek yang sedang dilaksanakan.
 - iii) Menyediakan atau membantu menyediakan tempat dan sebagainya untuk perlaksanaan sesuatu projek.
- e) Menjadi badan perkembangan di antara orang-orang kampung dengan kerajaan atau badan-badan luar.
- f) Bertanggungjawab bersama-sama dengan badan-badan atau jabatan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menilai projek-projek pembangunan dan selanjutnya mengambil tindakan-tindakan yang perlu.
- g) Menjaga keselamatan kampung dari anasir-anasir jahat yang hendak merosakkan masyarakat dan negara. Melaporkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pihak berkuasa dan menyusun rondaan serta membuat benci apabila dikehendaki.
- h) Menyimpan segala rekod rancangan pembangunan untuk kampung itu, termasuk di antaranya minit-minit mesyuarat.
- i) Membuat peraturan-peraturan yang sesuai untuk perlantikan dan tugas-tugas setiausaha jawatankuasa.
- j) Menjemput sesiapa yang difikirkan sesuai kerana pengalaman pekerjaan dan kebolehan yang ada padanya untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa.
- k) Melaksanakan apa juu projek atau aktiviti yang difikirkan ada berkaitan dengan pembangunan.

k) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurang sekali sebulan⁽⁵⁾

Kepimpinan AJKKK Kampung Bemban kebanyakannya terdiri dari penyokong-penyokong UMNO malah setiausaha mereka adalah Ketua Pemuda UMNO Cawangan Pulau Serai. Selain daripada itu terdapat juga ahli jawatankuasa yang menjadi ahli jawatankuasa atau sebagai ahli biasa pertubuhan-pertubuhan sosial yang lain seperti Persatuan Polis Pencen, Persatuan Peladang, Rela dan lain-lain.

AJKKK Kampung Bemban setakat ini telah menjalankan berbagai aktiviti seperti membersih kubur, membersihkan kawasan sekitar jalan, membuat jalan kampung, membina tandas, membaiki surau, membantu memohon bantuan kebajikan untuk golongan orang tua yang tidak mempunyai penjaga, permohonan bantuan-bantuan pertanian seperti benih-benih dan anak-anak ayam serta lain-lain kebajikan sebagai langkah untuk memajukan kampung.

Walaupun begitu sambutan dari penduduk-penduduk tidak begitu memuaskan. Ini mungkin kerana aktiviti tidak bersesuaian dengan aktiviti penduduk kampung. Sebagaimana biasa aktiviti-aktiviti dilakukan pada hujung minggu iaitu pada hari Jumaat,

(5) Dari perkembangan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Bahagian Penyelaras Penaksanaan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. 14hb. Februari, 1985.

jadi ini tentulah tidak sesuai kerana pada hari Jumaat, penduduk-penduduk kampung akan pergi ke surau pada waktu pagi untuk mendengar ceramah ugama, sedangkan pada tengah hari pula mereka akan pergi bersembahyang Jumaat dan pada waktu petang pula mereka akan berehat atau ke kebun mereka semula. Ini tidak begitu menggalakkan para penduduk menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu. Selain dari itu, ketiadaan tempat atau kemudahan tertentu melemahkan semangat penduduk untuk bergiat dalam aktiviti-aktiviti AJKKK. Kekurangan kemudahan menyebabkan mereka tidak begitu berminat untuk mengambil bahagian kerana ini mungkin menyulitkan segala pekerjaan bukannya tambah menyenangkan. Pertentangan di antara penduduk dengan ahli jawatankuasa mungkin menyebabkan aktiviti AJKK terbantut. Hal ini berlaku mungkin disebabkan adanya percanggahan pendapat kerana sebagaimana yang diketahui kesemua AJKKK tergolong dalam parti UMNO sedangkan di dalam Kampung Bemban terdapat sebilangan kasar penduduk yang berpihak kepada PAS, jadi tentunya menimbulkan ketidak sefahaman dan pendapat.

Walaupun begitu masih terdapat beberapa golongan penduduk yang masih ingin bekerjasama tanpa mengira fahaman dan ideologi penduduk terhadap parti yang mereka ceburi.

67) Sitiq Wan Zainal Januri, "Innovative Approach to Reluctant Politics", (Jurnal Ilmiah Sarjana Hukum Economic, Faikerti Muzium dan Perseidaihan), Universiti Malaysia, Kuala Lumpur,

BAB III

SIKAP POLITIK DI KALANGAN PENDUDUK KAMPUNG BEMBAN

Politik desa atau politik di peringkat bawahan ini (grass-root level) adalah penting di dalam sesebuah negara khasnya Malaysia.

Malvin L. Rogers menganggap bahawa Malaysia;

"... is particularly suitable area for the study of political involvement at village level" (6)

Politik peringkat bawahan ini melibatkan hampir keseluruhan politik golongan bahawan dan politik orang-orang Melayu. Secara umumnya, mereka hanya berperanan sebagai pemilih atau pengundi-pengundi wakil-wakil mereka. Penglibatan mereka cuma sekali-sekala ketika menjelang pilihanraya. Sebenarnya orang-orang Melayu memang mempunyai kesedaran politik yang tinggi dan sentiasa terlibat di dalam politik walaupun konsep politik bagi mereka lebih merupakan politik bagi pilihanraya sahaja. (7)

(6) Malvin L. Rogers "Political Involvement in A Rural Malay Community", (unpublished PhD thesis, University of California, Barkerly, 1968, Salinan Microfilm), University Malaya, halaman 6.

(7) Lihat Wan Fatul Johari, "Behavioral Approach to Kelantan Politics", (latihan Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran) Universiti Malaya, Kuala Lumpur,

Peringkat grass-root level ini sering dirujuk kepada politik orang Melayu yang merupakan penduduk-penduduk majoriti kawasan luarbandar (80%). Oleh kerana itu golongan tersebut menjadi 'kumpulan sasaran' (target group) oleh pemimpin dan pertubuhan politik berdasarkan kepada kuantiti mereka yang boleh membawa kepada perubahan sesebuah parti atau mempertahankan sesebuah parti atau wakil-wakil parti serta dapat pula menubuhkan dan mencorak susuatu pemerintahan bagi sesebuah negara itu.

"Politically involved villagers have a high sense of the personal relevance of political and governmental affairs and actively participate to support communal interests". (8)

Dr. Purnata menyatakan bahawa

Ini ditegaskan lagi oleh Dr. Syed Husein Ali yang menyatakan bahawa sikap berpolitik di kalangan masyarakat luarbandar adalah merupakan sebuah parti yang mempunyai keanggotaan yang kecil. Mereka inilah yang sering bertungkus lumus untuk parti bila ada sesuatu peristiwa, seperti mesyuarat serta kebesaran atau pilihanraya. Mungkin mereka menjadi pengikut atau bukan kerana mereka tidak semestinya memberi sokongan serta sentiasa bersikap tunggu dan lihat. Sokongan mereka ini kadang-kadang mengikut tiupan angin serta hadiah yang diberikan kepada mereka mengikut masa-masa yang tertentu. (9)

Menurut Dr. Purnata, "The effect of the Tunku Abdul Rahman Government on the rural areas of Malaysia", ia turut menyatakan bahawa

(8) Malvin L. Rogers, Op.cit. halaman 478.

(9) Op.cit. halaman 200.

Sebagaimana yang telah menjadi kenyataan setakat ini, orang-orang Melayu mempunyai semangat kebangsaan yang kuat jika dibandingkan dengan lain-lain bangsa yang terdapat di negara ini. Hal ini adalah lebih ketara di dalam usaha-usaha mencapai keamanan negara misalnya usaha-usaha mereka di dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu dahulu. Mereka kelihatan lebih berusaha dan bersemangat dari mana-mana kaum untuk membentuk sebuah negara kerajaan sendiri.

Perang dunia kedua terutama selepas pendudukan Jepun telah banyak menyedarkan bangsa Melayu untuk menjadi lebih matang dan bersemangat menentang penjajah.

N.J. Funston mensifatkan bahawa;

"The effect of the Japanese Occupation on Malaya has yet received little attention but almost certainly marks a major turning point in Malay political development. It politicised the Malay peasantry to mass mobilisation immediately after the war and gave those already politically conscious a new confidence in their struggle against colonialism." (10)

Sehubungan dengan itu, semakin ramai pemimpin Melayu memegang pucuk pimpinan parti dan kerajaan. Oleh itu, banyak dasar perancangan dan pembangunan sosio ekonomi dijalankan di luarbandar dan desa sebagai suatu cara menampung keperluan kehidupan penduduk luarbandar yang serba kekurangan. Selain dari

(10) N.J. Funston, "Malay Politics in Malaysia", Kuala Lumpur, 1980. halaman 35.

itu segala pembangunan seharusnya disalurkan ke kawasan ini kerana penduduk-penduduk kawasan ini harus diberi perhatian sewajarnya agar mereka tidak memilih wakil-wakil atau menyokong parti-parti lain.

Faktor terpenting kenapa perancangan dan pembangunan harus diperbanyakkan di kawasan-kawasan tersebut ialah kerana golongan majoriti Melayu ini sentiasa menjadi tumpuan dan tempat parti-parti serta pemimpin-pemimpinnya bergantung harapan untuk memenangi sesuatu pemerintahan khususnya Parti UMNO dan PAS. Sungguhpun politik bawahan ini adalah di peringkat bawahan sahaja, ia tetap penting dan merupakan penentu utama bagi kemenangan sesuatu parti.

Orang-orang Melayu sering dikatakan mempunyai kecenderungan yang lebih aktif dan lebih sensitif di dalam politik dari masyarakat-masyarakat lain di negara ini. Namun begitu ia masih menjadi tandanya kerana kita telahpun mengetahui bahawa politik sentiasa berubah tanpa mengira masa dan tempat.

Dalam mempersoalkan tentang politik golongan peringkat bawahan ini, seharusnya kita melihat apakah penentu-penentu yang telah membentuk sikap mereka untuk berpolitik. Penentuan dan proses sosialisasi politik di Kampung Bemban telah dapat dilihat melalui faktur-faktur penting yang melibatkan kumpulan-kumpulan dan institusi-institusi sosio-ekonomi kampung yang wujud dalam kehdupan dan usia seseorang serta bersangkutan. Paut pula dengan alam sekitar interaksi sesama sendiri, sifat-sifat peribadi yang mana dapat

membina sikap dan nilai politik. Selain daripada itu, faktur-faktur ekonomi, perubahan sosial serta keadaan alam sekitar dapat membentuk nilai dan bentuk tingkah laku politik.

Di dalam hal agen-agen tertentu seperti seperti kumpulan-kumpulan sosial samada berbentuk "primary" atau 'Secondary' misalnya keluarga, pendidikan, kumpulan ugama, politik rakan sebaya (peer group), ekonomi, alam sekeliling serta lain-lain faktur sosial dapat mempengaruhi dan menanamkan sikap berpolitik di kalangan mereka.

"Political socialization is the developmental process through which the citizen matures politically. The citizen acquires a complex of beliefs, feelings, and information which help him comprehend, evaluate, and relate to the political world around him. His political views are apart of his more general social views. As we shall see later, what the citizen feels about political life is distinct from and yet related to his religions, economics, and cultural views".(11)

Proses sosialisasi politik memainkan peranan yang penting dalam usaha mencorakkan sikap berpolitik di kalangan penduduk Kampung Bemban. Dari proses ini seseorang individu atau kumpulan akan menghadapi beberapa peringkat tertentu iaitu mengetahui, menilai dan akhirnya menerima atau menolak nilai-nilai

(11) Dawson And Prewitt, "Political Socialization", Little, Brown and Company (Boston), USA, 1969. Halaman 17.

dan kehidupan sistem politik itu. Proses ini akhirnya dapat menyalurkan sikap nilai, keyakinan serta pola politik dari satu generasi ke suatu generasi berikutnya melalui berbagai cara dan agen sosialisasi ini amat penting perannya dalam menentukan corak berpolitik seseorang individu atau kumpulan di dalam sebuah masyarakat.

3.1 Faktur Sosial

(i) Keluarga atau Rumahtangga

Keluarga atau peringkat rumahtangga adalah peringkat pertama atau permulaan bagi segala proses pembelajaran manusia. Dengan itu keluarga merupakan kumpulan pertama yang mula-mula sekali menyamai pelbagai sikap dan nilai baik dari segi sosial dari sosial ekonomi maupun politik.⁽¹²⁾

Proses sosialisasi yang wujud dalam keluarga telah menyebarluaskan bagaimana kuasa dan kuatkuasa yang ada di peringkat keluarga dan rumahtangga yang mana telah membawa kepada peringkat yang lebih luas dan mendalam. Di peringkat keluarga atau rumah-tangga, seseorang individu itu dapat membina dan mengembangkan

(12) Hussain Mohamed, "Pembentukan dan Manifestasi Kesedaran Politik Desa," di dalam "Masyarakat Melayu" (Antara Tradisi dan Perubahan)" suntingan Dr. Zainal Kling, Utusan Publications and Distributions, Kuala Lumpur, 1977. Halaman 100.

'political self'nya iaitu pandangan atau pendirian seseorang terhadap pergolakan politik yang sedang berlalu melalui pengalaman dan aktiviti-aktiviti sosiol dan ekonomi yang dialami dari masa ke semasa.

Bagi anggota masyarakat Kampung Bemban khususnya suami atau bapa adalah kena dan menjadi rujukan utama bagi sesebuah keluarga. Bapa atau suami mempunyai kuasa tertentu dalam memimpin rumah tangga. Bagi sesebuah keluarga itu, suami atau bapa menjadi pelindung utama kepada semua anggotanya. Penguasaan mutlak ibubapa terhadap anak-anak adalah begitu jelas sekali di mana anak-anak adalah begitu jelas sekali di mana anak-anak atau anggota di bawah jagaan sering menurut segala kata-kata dan arahan dari ibubapa tanpa banyak membantah. Ini adalah kemungkinan besar mereka memegang prinsip-prinsip ugama yang teguh iaitu tidak mahu dicap sebagai anak yang durhaka. Bagi mereka, mengikut kata-kata ibubapa boleh membawa kebahagian kerana adanya restu dari ibubapa boleh menyebabkan seseorang itu sentiasa berada didalam kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Sungguhpun begitu dalam soal-soal mudah seperti soal-soal memilih jodoh, cita-cita pelajaran dan pekerjaan adalah diberi kelonggaran. Setengah ibubapa langsung tidak memberi peluang kepada anak-anak malahan anak-anak tidak bebas 'bersuara dan sentiasa mematuhi kehendak ibubapa untuk tidak dicap sebagai 'anak durhaka' atau 'anak yang tidak mengenang budi orang tua'. Oleh itu timbul keadaan di mana selagi anak-anak berada di dalam tanggungan ibubapa selagi itulah ibubapa mempunyai kewajipan untuk mencorakkan

hidup dan perlakuan anak-anak.

Di dalam institusi kekeluargaan, interaksi atau hubungan langsung antara anggota keluarga dapat mempengaruhi hubungan emosi atau perasaan ibubapa dengan anak-anak. Secara beransur-ansur hubungan ini dapat membentuk perlakuan dan sikap individu bila berhubung dengan orang lain yang berada di luar lingkungan keluarganya. Keluarga juga boleh mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung proses penanaman kefahaman atau 'indoteination', di mana terdapat seolah-olah ada perwarisan nilai politik dalam anggota keluarga kepada anggotanya yang lebih muda contohnya sebuah keluarga menyokong fahaman politik yang sama sejak turun menurun. Keadaan wujud kerana kekurangan ketegangan di dalam hubungan ibubapa dan anak-anak. Ketiadaan bantahan dalam apa sahaja keputusan menyebabkan kurangnya pertentangan (konflik) dalam hubungan ibubapa dengan anak-anak. Faktor-faktor keugamaan, kerjasama serta sikap tolak ansur di dalam banyak perkara telah menimbulkan sesuatu sikap dan nilai yang seragam dalam kehidupan mereka.

Hubungan keluarga dengan kehidupan politik dapat dilihat secara langsung dan terbuka bila adanya kebiasaan individu dengan penentuan kedudukan peranan dan tugas-tugas anggota masyarakat seperti pembahagian, susun lapis, sebaran kuasa dan kuatkuasa.

Rasa hormat yang mendalam perasaan rendah diri terhadap pemimpin dan golongan tua menyebabkan mereka sentiasa menyetujui

setiap kata-kata atau perlakuan mereka tanpa sebarang bantahan. Sikap yang ada pada mereka ini timbul kerana mereka sudah lama terdidik untuk mengelakkan berlakunya kekecuhuan atau konflik dan sentiasa pula bergantung kepada keputusan pemimpin. Penghormatan yang tinggi terhadap golongan tua telah diberikan oleh golongan muda kerana golongan ini dianggap lebih berkeupayaan ber-kewibawaan dan dikatakan terlebih dahulu 'memakan garam' dari anggota-anggota lain dalam masyarakat. Proses sosialisasi politik yang ada dalam masyarakat Kampung Bemban ini mungkin wujud hasil dari proses sosialisasi yang didapati dari keluarga yang lebih mementingkan kata pemutus dari ibubapa dan orang tua di dalam sesebuah keluarga. Keluarga telah memainkan peranan penting dalam proses ini kerana dari peringkat ini seseorang anggota keluarga diterapkan dengan berbagai nilai sosial, ekonomi dan politik melalui proses-proses pendidikan, keugamaan dan sebagainya yang banyak mempengaruhi sikap berpolitik seseorang individu itu.

"The family's note is particularly strong in forming the basic foundation of the political self, but its influence continues to shape the individual throughout the life" (13)

(13) Dawson and Prewitt, Op. cit. Halaman 110

(14) Mihet G. Almond and S. Verba, The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations (Princeton, N. Jersey Princeton University Press, 1963), halaman 380-381 mengenai 9 objektif penilaian terhadap politik.

(ii) Pendidikan/Pelajaran

Institusi pendidikan atau pelajaran adalah suatu penentuan yang penting dalam proses sosialisasi politik. Dalam masyarakat Malaysia, sekolah dan lain-lain institusi pendidikan telah dapat menyediakan berbagai kemudahan pelajaran dan pengajaran. Ini adalah penting dalam usaha membolehkan seseorang itu mengenal mengetahui serta dapat pula menanam nilai-nilai yang baik dan bersesuaian dengan kehendak ugama.

Pendidikan yang tinggi dapat menjadikan seseorang itu sedar akan peristiwa-peristiwa politik semasa dan mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi juga dapat memberi pendapat-pendapat dan pandangan yang bernalas mengenai politik. Mereka juga lebih menaruh minat dan perhatian yang luas mengenai politik dan kadang-kala mereka juga amat berminat menyertai perbincangan perbincangan mengenai politik lebih dari mereka yang tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Mereka mempunyai tahap pelajaran yang rendah kebanyakannya cuba mengelakkan diri dari perbincangan mengenai politik sebaliknya mereka yang mempunyai pendidikan yang agak tinggi tidak merasa canggung bila berbincang tentang soal-soal politik dikhayal ramai. Mereka ini pula adalah juga merupakan lebih berminat untuk menjadi ahli yang aktif dalam satu-satu pertubuhan politik kerana mereka mempunyai keyakinan yang penuh terhadap sekitar sosialnya. (14)

(14) Lihat G. Almond and S. Verba, The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations (Princeton, N. Jersey Princeton University Press, 1963), halaman 380-381 mengenai 9 objektif pendidikan terhadap politik.

Selain daripada itu pendidikan yang tinggi dapat melahirkan masyarakat atau golongan yang gemar membaca, mengembara, mempunyai pergaulan yang luas dan selalu bergiat dengan berbagai kegiatan menyebabkan mereka dapat menumpukan minat dan kebolehan di dalam politik. Ini adalah kerana mereka lebih terdedah kepada perkembangan politik. Mereka adalah merupakan golongan yang bijak membuat keputusan keputusan yang boleh memberi faedah yang berguna dan bermanfaat kepada orangramai.

Sungguhpun pendidikan dan persekolahan adalah agen kedua pentingnya dalam proses sosialisasi politik tetapi bagi Kampung Bemban dan kampung-kampung dipendalaman, penentu pendidikan ini tidak begitu berkesan peranannya dalam pembentukan sikap dan kesedaran politik. Dari 50 responden yang ditemui, didapati bahawa 40% darinya tidak bersekolah langsung dan langsung tidak mengenal huruf. Bilangan responden yang mempunyai pendidikan sekolah rendah ialah 42% atau 21 orang manakala bilangan responden yang mempunyai pendidikan sekolah menengah rendah adalah 14% atau 7 orang sahaja. Sementara itu bilangan responden yang mempunyai pendidikan sekolah menengah atas ialah 2% atau seorang sahaja. Tidak ada responden yang mempunyai pendidikan tinggi seperti kolej dan universiti.

Jadual 7: TAHAP PELAJARAN 50 RESPONDEN

TAHAP PELAJARAN	BILANGAN	PERATUS
TIDAK BERSEKOLAH	20	40
SEKOLAH RENDAH	21	42
SEKOLAH MENENGAH RENDAH	7	14
SEKOLAH MENENGAH ATAS	1	2
KOLEJ/UNIVERSITI	-	-
LAIN-LAIN	-	-

Dari jadual yang ditunjukkan kita dapati bahawa kebanyakan dari penduduk Kampung Bemban tidak mempunyai taraf pelajaran yang tinggi malah mereka adalah terdiri dari golongan majoriti yang tidak mengenal huruf. Terdapat di antara mereka yang boleh membaca dan menulis tetapi pemahaman mereka terhadap istilah-istilah dan konsep-konsep masakini terutama mengenai politik adalah terlalu kabur. Kadangkala mereka langsung tidak memahaminya dan ini boleh menyebabkan pengertian mereka terhadap politik dan keterangan-keterangan mengenai parti dan perjuangannya adalah tidak meluas. Ada kalanya segala keterangan-keterangan atau berita-berita semasa mengenai politik langsung tidak sampai kepada mereka. Golongan yang lebih muda lebih bernasib baik kerana pendidikan yang ada pada mereka menyebabkan mereka lebih terdedah kepada isu-isu politik dan faktur-faktur semasa. Walaupun begitu, terdapat juga kes-kes tertentu di kampung ini di mana terdapat juga anggota masyarakatnya yang hanya tamat darjah enam tetapi aktif bukan saja di dalam bidang politik malah juga aktif dalam lain-lain pertubuhan sosial dan pertubuhan kampung.

Di dalam kes ini terdapat juga penduduk yang mempunyai taraf pendidikan di peringkat sekolah menengah atas tetapi tidak bergiat langsung di dalam politik malahan tidak suka mengambil tahu tentang politik dan sebaliknya lebih gemar memenuhi masanya dengan mengail ikan, menjala udang galah dan bermain dam dengan rakan-rakan sebayanya. Namun begitu, setengah-setengah penduduk pula tidak mempunyai apa-apa kelulusan tertentu tetapi bergiat cergas dalam hal ehwal politik. Mereka selalu menyertai ceramah walaupun terpaksa

mengorbankan masa dan wang. Di Kampung Bemban ini didapati ramai penduduk yang sering menyertai rombongan bas ke kawasan lain seperti Rusila, Besut, Kemaman dan lain-lain tempat malahan di hampir keseluruhan Negeri Terengganu untuk menghadiri ceramah-ceramah PAS. Ini bererti sungguhpun mereka tidak begitu terdedah kepada bahan-bahan penerangan mengenai perkembangan sosial, ekonomi dan politik semasa tetapi mereka masih berpeluang memdapatkan melalui orang-orang tertentu yang mempunyai peranan seperti orang perantaraan misalnya dari rakan sekampung, jiran tetangga, penceramah atau guru agama, ketua kampung, pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang yang lebih celik akal yang mempunyai pergaulan dan pengalaman yang luas.

iii) Alat Sebaran Am (Mass Komunikasi)

Alat-alat sebaran am yang juga merupakan agen sosialisasi dan alat-alat komunikasi terpenting dalam menyalurkan nilai-nilai dan kesedaran politik serta nilai bukan politik di dalam masyarakat. Dalam hal ini, alat-alat sebaran am berperanan sebagai penyampai berita-berita serta maklumat-maklumat mengenai politik. Sejak teknologi berkembang di dalam penggunaan alat-alat sebaran am, banyak maklumat serta keterangan mengenai semua aspek boleh didapati dengan mudah dan murah. ~~dan keterlibatan yang semakin lebih besar mengakibatkan masyarakat~~ (16)

Di dalam proses sosialisasi politik ini, alat-alat sebaran adalah penting terutama kepada masyarakat yang berada di kawasan yang terpencil. Banyak keterangan mengenai politik disalurkan melalui alat-alat sebaran am seperti suratkhabar, radio, telivisyen, buku-buku dan

sebagainya. Apabila pihak kerajaan atau pemerintah dan pemimpin-pemimpin politik membuat apa-apa kenyataan (Kumpulan Secondary) kepada ahli-ahlinya atau kepada golongan umum, maka segala kenyataan tersebut diambil oleh agen-agen komunikasi dan kemudiannya disebarluaskan kepada pengetahuan umum melalui alat-alat sebaran am. Dengan cara ini seluruh rakyat termasuk juga penduduk-penduduk luarbandar yang terpencil dapat mengetahui hal ehwal dunia luar.

"Government officials and political leaders make statements; secondary groups transmit political information to their members; events in the political world are picked up and communicated to large populations. The media serve mainly as the instruments through which these socialization agencies communicate their messages. The directors of mass media may, in fact, have only a limited say in what sort of political data they transmit to the population" (15)

Bagi Kampung Bemban, alat-alat komunikasi seperti radio dan talivisyen adalah alat-alat komunikasi yang popular. Hampir keseluruhan penduduk kampung tersebut mempunyai kedua-dua nya sekali. Dari 50 responden yang ditemui di kampung tersebut didapati hampir keseluruhan dari mereka mempunyai radio dan talivisyen. Namun begitu, sumbangan alat-alat ini dalam pembentukan kesedaran politik itu masih dapat dipersoalkan. Pertamanya disebabkan jenis rancangan radio dan talivisyen yang mereka lebih suka mengikuti rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan. (16)

(15) Dawson And Prewitt, op. cit. Halaman 197

(16) Hussein Mohamed, op. cit. Halaman 103

"... the men consider television a source of entertainment rather than information" (17)

"Although they are not interested in politics, young men and women have a high rate of exposure to government films and television news programs, and appear to be attracted to them as entertainment" (18)

Didapati hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang mengikuti siaran berita semasa dan siaran rancangan mengenai pembangunan. Sebaliknya mereka yang terdiri dari golongan tua lebih mengikuti siaran berbentuk keugamaan seperti cerama agama, masyid dan juga siaran tempatan yang menyiaran rancangan dikir barat, wayang kulit dan makyong. Di bulan puasa pula mereka lebih gemar mengikuti siaran pertandingan musabaqah membaca Al-Quran dan juga drama Mesir. Golongan pertengahan umur dan golongan remaja pula gemar mengikuti siaran yang berbentuk hiburan sebagai suatu 'escapism' atau pelarian kepada lain-lain jenis hiburan yang tidak pernah terdapat di kampung tersebut.

Sungguhpun terdapat ramai juga bilangan penduduk yang kenal huruf di kampung tersebut tetapi mereka tidak begitu terdedah kepada peristiwa-peristiwa dan berita-berita semasa. Ini adalah kerana pembacaan mereka adalah lebih terhad. Mereka jarang-jarang membeli dan membaca bahan-bahan bacaan mengenai sosial, ekonomi dan politik malah mereka saolah-olah tidak mengetahui tentang wujudnya bahan-

(17) Malvin L. Rogers, op.cit. Halaman 294

(18) Ibid. Halaman 302

bahan-bacaan yang berbentuk demikian. Walaupun terdapat hampir 20% responden yang membaca akhbar tetapi mereka hanya membaca sekali sekala sahaja kerana akhbar biasanya dibeli apabila mereka ke bandar atau mengirimnya dari orang yang bekerja di bandar Dungun. Didapati cuma 3 responden sahaja yang membaca suratkhabar setiap hari. Apa yang menarik di sini, ruangan yang mereka gemari lebih tertumpu kepada ruangan-ruangan hiburan, sukan dan berita-berita hangat sahaja. Mereka jarang-jarang membaca rencana-rencana terutamanya mengenai politik dan jika mereka membaca ruangan tersebut, mereka tidak begitu memahaminya kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan yang luas terutamanya terhadap istilah-istilah dan konsep-konsep mengenai politik dan lain-lain bidang sebagaimana yang biasa digunakan di-akhbar-akhbar tempatan kita dewasa ini.

Jabatan Penerangan Malaysia juga memainkan peranan yang penting kepada proses pembentukan kesedaran politik ini walaupun ianya jarang sekali diadakan di kampung tersebut. Penentu-penentu seperti jauhnya tempat tinggal penduduk dengan tempat penayangan filem penerangan dan lain-lain masalah seperti pengangkutan dan keselamatan yang tidak begitu terjamin menyebabkan ianya kurang mendapat sambutan dari penduduk-penduduknya. Oleh kerana itu, segala penerangan mengenai matlumat yang berhubung dengan parti-parti politik dan perjuangannya serta lain-lain berita pembangunan tidak sampai ke pengetahuan penduduk-penduduk kampung tersebut.

Peranan penting yang dilakukan oleh para pelawat atau ustaz pelawat serta pemimpin politik tempatan memang tidak boleh dinafikan sama sekali. Mereka boleh mempengaruhi dan membentuk sikap berpolitik masyarakat kampung melalui penerangan-penerangan dan ceramah-ceramah tertentu terutamanya tentang politik. Dalam hal ini kebijaksanaan bercakap dalam penyampaian penerangan dan ceramah boleh mempengaruhi penduduk-penduduk kampung untuk menyokong satu-satu politik itu. Biasanya guru-guru pelawat dan pemimpin-pemimpin politik tempatan akan mengadakan lawatan di kampung ini dua atau tiga bulan sekali dan mereka akan lebih kerap 'melawat' kampung ini menjelangnya sesuatu pilihanraya. Mereka biasanya terdiri dari ustaz pelawat kerajaan serta pemimpin-pemimpin parti kerajaan.

Bagi penduduk-penduduk kampung ini proses pembentuk sikap berpolitik tetap timbul kerana setiap hari terdapat komunikasi politik yang disalurkan melalui alat-alat sebaran am terutamanya radio dan talivisyen yang rata-ratanya dipunyai oleh penduduk Kampung Bemban ini. Walaupun mereka jarang-jarang mendengar siaran radio secara serius tetapi mereka tetap mendapat maklumat mengenai politik walaupun tidak secara mendalam dan meluas. Ini adalah kerana siaran radio terutamanya, hanya memerlukan keupayaan mendengar sahaja tidak seperti alat-alat komunikasi yang lain. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa alat komunikasi ini adalah penting dalam pembinaan sikap politik di kalangan penduduk-penduduk luarbandar khasnya Kampung Bemban. Pembacaan akhbar juga boleh membantu perkembangan pemikiran masyarakat terhadap kedudukan politik misalnya,

dewasa ini, akhbar-akhbar tempatan dikuasai oleh pemerintah iaitu UMNO (BN). Dengan secara tidak langsung, berita dan idea-idea yang berunsurkan politik yang mana telah dihasilkan dan dikeluarkan mestilah menguntungkan parti pemerintah sebab banyak berita-berita mengenai perkembangan dan kebaikan parti pemerintah sentiasa diserapkan diakhbar-akhbar supaya dapat pula mempengaruhi penduduk terhadap UMNO dengan lebih berkesan dan meluas.

(iv) Ugama Dan Politik

Bagi masyarakat desa, isu ugama adalah isu yang amat penting dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat ini ugama memainkan peranan terpenting dalam menentukan atau membentuk tingkahlaku dan corak perhubungan samada dari segi sosial, ekonomi maupun politik. Pengaruh Islam adalah menjadi perkara pokok dalam semua kegiatan hidup mereka. Unsur ugama yang banyak diterapkan di dalam kehidupan mereka menyebabkan timbul suatu ciri yang umum kepada identiti atau pengenalan kepada masyarakat kampung iaitu seperti ciri-ciri kehidupan yang mementingkan perpaduan, berbaik-baik, tolong menolong dan menghindarkan segala perbuatan yang melanggar tatasusila manusia dan sosial.

Pembelajaran tentang keugamaan yang disemaiakan oleh ketua-ketua keluarga kepada anak-anak mereka sejak dari kecil yang mana ternyata telah membawa suatu pembentukan sikap dan nilai yang memandang berat terhadap ugama Islam. Di Kampung Bemban, pembelajaran dan pembacaan Al-Quran telah dimulai sejak umur kanak-kanak meningkat dari

5 ke 6 tahun lagi. Selain dari belajar membaca Al-Quran, kanak-kanak juga diajar dengan hukum-hukum agama yang asas sebagai permulaannya dan juga lain-lain ibadat seperti sembahyang lima waktu. Di samping itu pengajaran tentang ugama ini diberikan oleh ibubapa melalui perlakuan-perlakuan ugama yang mereka lakukan setiap hari.

Beberapa majlis atau upacara-upacara ugama di kampung ini boleh mempengaruhi sikap berpolitik di kalangan penduduk-penduduk kampung contohnya majlis Israk Mikraj, majlis menyambut Nisfu Syaaban, majlis berbuka puasa, kenduri arwah, majlis menyambut maulud, majlis As-syura dan lain-lain lagi. Dengan adanya perayaan-perayaan ugama ini, hubungan sosial mereka dapat diperkuatkan lagi. Majlis-majlis seperti Majlis Israk Mikraj berlangsung dalam bulan Rejab diadakan untuk mengingati peristiwa Nabi Muhammad diangkat ke langit untuk menemui Tuhan biasanya disertai dengan ceramah ugama dari orang-orang alim yang dijemput khas. Kadang-kadang pula, wakil rakyat atau wakil-wakil pemimpin politik juga dijemput. Biasanya selepas sembahyang atau selepas majlis, mereka akan berbual dengan penduduk kampung. Dengan adanya interaksi ini kedua-dua pihak dapat merapatkan lagi hubungan meraka. Dari hubungan ini, akan wujud rasa hormat-menghormati dan dari rasa hormat ini mungkin dapat membawa kepada pembentukan sikap politik seseorang itu. Keadaan seumpama ini juga berlaku di dalam majlis-majlis keugamaan yang lain seperti majlis Maulud Nabi (hari keputeraan Nabi Muhammad) biasanya diadakan majlis berzanji, rawi, membaca Al-Quran, ceramah-ceramah ugama dan makan beraramai-ramai. Begitu juga dimajlis-majlis keramaian seperti menyambut

hari raya, mereka semacam sudah lazim dengan beranggapan hari itu adalah untuk bermaaf-maafan dan berkunjung ke rumah saudara mara dan jiran-jiran.

Nilai-nilai ugama Islam yang mementingkan keluhuran rohani telah menyebabkan penduduk-penduduk kampung bagitu mengambil berat tentang ugama. Kadangkala kedudukan seseorang individu yang terdapat di dalam masyarakat itu diukur dari pencapaian ugamanya. Golongan yang mendapat kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat ialah golongan yang arif dalam ilmu-ilmu keugamaan dan golongan yang alim. Seseorang yang tinggi pencapaian ilmu keugamaannya akan mendapat tempat di hati penduduk-penduduk kampung dan peranan mereka dalam pembentukan sikap berpolitik adalah agak besar juga. Melalui mereka ini, penduduk-penduduk kampung akan mudah dipengaruhi kerana biasanya para ulamak di kampung-kampung amat dihormati dan berpengaruh. Mereka sering disanjung dan diberi keutamaan di majlis-majlis terutamanya majlis ugama malah kadangkala dijadikan contoh kepada penduduk-penduduk kampung dalam usaha-usaha mereka merapatkan diri dengan ugama secara lebih mendalam. Para ulamak inilah kadangkala berperanan sebagai 'wakil parti' dimana kadangkala selepas sembahyang atau diakhir majlis para ulamak ini akan memberi syarahan ugama yang kadangkala diselangselikan dengan isu-isu politik yang membabitkan soal-soal parti. Dengan tidak secara langsung penduduk-penduduk yang datang bersembahyang di surau-surau itu akan sedikit-sebanyak akan terlibat di dalam proses pembentukan sikap berpolitik mereka. Selain daripada itu kadangkala para ulamak ini akan menggunakan

pengaruh ini untuk kepentingannya sendiri dengan menjadikan dirinya sebagai pemimpin-pemimpin politik di kampungnya. Walaupun bagitu, kejadian ini tidak berlaku sama sekali di Kampung Bemban.

"Though in theory the religious institution claimed control of, claimed even to be, the state, the ulama recognized the existence of political force beyond their direction, and remained aloof from life, they protected the autonomy of their own establishment." (19)

Salah satu upacara ugama yang biasa diadakan oleh penduduk-penduduk kampung ini ialah upacara pengkbumian apabila berlaku kematian salah satu dari anggotanya. Peristiwa kematian ini boleh mengeratkan hubungan penduduk. Di dalam melaksanakan upacara ini biasanya semua penduduk walaupun berlainan pegangan politik mereka akan menziarahi si mati tanpa mengira si mati itu 'orang PAS atau UMNO' dan mereka menunjukkan bahawa seolah-olah tidak ada perselisihan di kalangan mereka. Pada waktu malam pula kenduri arwah akan diadakan selama 7 malam atau 40 atau 100 hari selepas kematian yang biasa dihadiri oleh penduduk kampung. Walaupun tidak keseluruhan dari mereka hadir (kerana ada golongan PAS yang menganggap majlis ini tidak sesuai dengan kehendak ugama) tetapi ia berfungsi untuk ke arah integrasi sosial yang mana ia juga akan dapat memudahkan lagi proses pembentukan sikap untuk berpolitik.

Ketika ini, penduduk-penduduk kampung yang memandang tinggi kepada-

(19) Clive S. Kessler, Islam and Politics in Malaya State Kelantan (1838 - 1967), Convell University Press, London, 1978.
Halaman 209.

3.2

EKONOMI

Faktur ekonomi adalah satu dari faktur-faktur yang boleh membawa kepada proses pembentukan sikap berpolitik. Pola pengelompokan ekonomi secara tidak langsung telah memainkan peranan yang penting untuk menentukan pengaruh politik dan sikap berpolitik penduduk-penduduk kampung tersebut. Faktur ini juga dapat menentukan kedudukan pemimpin di kampung ini khasnya pemimpin-pemimpin yang tidak formal seperti imam, ketua kampung dan ahli-ahli jawatankuasa kampung. Golongan penduduk yang mempunyai ekonomi yang teguh dengan mudah dapat memperluaskan politiknya.

Ketua kampung misalnya adalah salah seorang penduduk kampung ini yang mempunyai ekonomi yang teguh di mana beliau adalah seorang peniaga dan juga seorang kontraktur. Pendapatannya adalah lebih kurang \$800.00 sebulan. Beliau mempunyai beberapa orang pekerja dan dengan kuasanya sebagai seorang majikan, beliau dapat mempengaruhi pekerjanya menyokong parti politik yang disokonginya selama ini. Dengan ertikata lain, sebagai suatu cara untuk memenangi hati majikannya, para pekerja tersebut akan turut sama menyokong parti berkenaan (UMNO). Selain daripada menjadi ketua kampung, beliau adalah juga merupakan Ketua UMNO bagi cawangan Kampung Bemban. Kerana ini, penduduk-penduduk kampung yang memandang tinggi kepada-nya akan turut mengikuti jejak beliau kerana bagi mereka, jika mereka tidak menyokong parti yang didokongi oleh ketua kampung maka peluang mereka dan lain-lain penduduk di kampung tersebut untuk

mendapatkan bantuan-bantuan serta lain-lain pembangunan akan tidak tercapai. ini adalah kerana ketua kampung adalah juga sebagai wakil atau penyampai maklumat mengenai kampung kepada golongan atasan politik. Oleh itu ketua kampung juga berperanan sebagai orang tengah atau perantaraan kepada orang-orang kampung itu dengan orang-orang 'atasan'.

Selain daripada menjadi ketua cawangan UMNO di Kampung Bemban, beliau juga menjadi wakil kepada Pejabat Pertanian Cawangan Dungun yang bertanggung jawab membahagi-bahagikan subsidi pertanian kepada penduduk-penduduk kampung tersebut. Beliau berhak memilih sesiapa sahaja yang layak menerima bantuan tersebut. Faktur ini telah mungkin menyebabkan penduduk-penduduk kampung tersebut menyokong parti yang dipimpin oleh ketua kampung kerana dengan cara ini mereka akan terpilih di dalam senarai penduduk yang mendapat bantuan-bantuan dan lain-lain kemudahan dari pihak kerajaan.

Pekedai runcit yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan di kampung ini juga memainkan peranan yang bukan sedikit dalam proses pembentukan sikap berpolitik ini. Sebagai sebuah kedai yang satu-satunya di kampung itu telah menyebabkan ia menjadi tumpuan kepada penduduk-penduduk kampung tersebut terutamanya bagi suri-suri rumah-tangga. Oleh kerana beliau adalah seorang ahli parti UMNO, beliau secara tidak langsung dapat mempengaruhi mereka yang menjadi pelanggannya. Pekedai ini kadang-kadang membincangkan soal-soal politik dan perjuangan parti yang disokongnya semasa melayani pelanggannya. Dengan secara tidak langsung suri rumah tangga suri-

rumah tangga ini akan mendapat maklumat mengenai politik dari pekedai ini walaupun tidak secara mendalam. Kemungkinan suri-suri rumah tangga ini akan menerangkannya kepada suami-suami dan anak-anak mereka di rumah. Oleh yang demikian proses pembentukan sikap berpolitik ini dapat diserapkan secara beransur-ansur.

Pemimpin-pemimpin tidak formal seperti imam, ahli-ahli jawatankuasa kampung biasanya mempunyai status ekonomi yang agak tinggi daripada ahli-ahli anggota kampung yang lain. Mereka mempunyai pendapatan melebihi \$400.00 sebulan berbanding dengan penduduk kampung yang di antaranya mempunyai pendapatan kurang dari \$400.00 sebulan. Mereka adalah juga merupakan tuan-tuan tanah bagi tanaman getah dan lain-lain tanaman. Setengah-setengah penduduk di kampung ini bergantung hidup kepada tanah yang disewa atau ditumpangi oleh tuan tanah kepada mereka. Hubungan dan ikatan pengkerjaan tanah di antara tuan tanah dan penyewa di kampung secara sedar atau tidak telah menimbulkan beberapa implikasi politik tertentu. (20) Kebanyakan tuan tanah ini boleh berperanan sebagai orang yang bertanggungjawab membawa perubahan tingkah laku dan perubahan sikap berpolitik seseorang itu. Mereka dapat mempengaruhi seseorang penyewa atau 'penumpang' tanahnya untuk menyokong atau menentang sesebuah parti politik.

Tuan tanah yang aktif dalam politik seperti beberapa orang penduduk di Kampung Bemban telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai peranan

(20) - Hussain Mohamad, op. cit. Halaman 106

dalam menyambungkan hubungan 'patron-clients' ekonomi (hubungan ekonomi antara tuan tanah yang menjadi penaung dan penyewa atau penumpang menjadi pelanggannya). Ini menyebabkan penyewa dan 'penumpang' tanah akan mengikuti jejak tuan-tuan tanah mungkin kerana takut atau segan kepada tuan tanah. Tekanan ini juga melibatkan kehidupan ekonomi mereka kerana jika berlakunya percangan-gahan pegangan politik, kemungkinan konflik di antara keduanya berlaku. Penoreh-penoreh getah tidak lagi berani atau segan untuk menoreh getah di kebun-kebun tuannya atau mungkin tuan-tuan tanah bertindak menghalauya lagi.

Ini terjadi di Kampung Bemban ditahun 1984, pernah terjadi di mana beberapa orang penduduk yang menoreh getah di kebun kepunyaan seorang tuan tanah telah bertindak untuk berhenti menoreh getah dan pergi ke tempat lain semata-mata kerana segan dan takut kepada tuan tanah yang menyokong parti pembangkang. Hasilnya banyak kebun-kebun getah di situ berada di dalam keadaan terbiar kerana tidak ditoreh sekian lama. Ini menunjukkan bahawa tuan tanah mempunyai pengaruh yang kuat dalam proses pembentukan politik orang-orang kampung.

"...tuan tanah menggunakan kekayaan mereka bagi mendapatkan dan menguatkan kedudukan serta pengaruh mana-mana parti politik yang disokongnya. Sementara penyewa mungkin pula menyokong parti yang sama juga biarpun di luar pertimbangan yang rasional dan pemahaman yang mendalam dan menasabah. Ini dibuat semata-mata bagi menjaga rezeki dan periuk nasi "mereka" (21)

(21) Ibid - Halaman 107.

3.3 FAKTUR POLITIK

Perkembangan politik dan perjuangan-perjuangan parti-parti politik dewasa ini telah banyak membentuk sikap berpolitik penduduk Kampung Bemban. Ideologi parti politik sedikit sebanyak telah mempengaruhi seseorang itu menyokong dan menentang sesuatu parti politik itu. Setengah penduduk kampung menyokong sesebelah parti itu kerana parti itu berdasarkan keugamaan dan setengah pula menyokong sesebuah parti kerana parti itu memperjuangkan bangsa Melayu.

Dasar-dasar UMNO adalah sederhana dan adil oleh orang-orang yang mempunyai keinsafan politik yang lebih dan terdedah kepada alat-alat sebaran am. Parti ini berjuang untuk mendaulatkan Bahasa Melayu, menegakkan ugama Islam dan berusaha membangun serta memajukan kawasan-kawasan. Di samping pembangunan ekonomi, sosial dan pelajaran diadakan untuk orang Melayu, ia juga berusaha untuk mewujudkan keharmonian hidup di antara kaum yang ada di negara ini.

Kebanyakan penduduk-penduduk kampung ini memberi sokongan mereka kepada parti UMNO tetapi mereka bukanlah penyokong-penyokong UMNO yang tulus, ini adalah kerana mereka tidak mengetahui dasar-dasar parti tersebut malahan mereka hanya mendokong parti ini, hanya kerana parti ini adalah pilihan orang Melayu. Lagi pun parti ini sentiasa mendapat pengakuan dan penerimaan oleh pemimpin-pemimpin Melayu terkemuka samada di peringkat kebangsaan maupun daerah. Dengan ini mereka percaya bahawa hanya parti UMNO yang benar-benar bertanggungjawab untuk memberikan kemajuan-kemajuan

kepada orang Melayu terutama dibidang sosial dan ugama. Oleh yang demikian bagi penduduk-penduduk yang nampak segala kemajuan dan kebaikan parti ini akan terus menyokong UMNO dan menentang parti lain. Ini akan membentuk proses pembentukan politik seseorang itu.

Parti PAS pula adalah sebuah parti Islam yang memperjuangkan cita-cita Melayu dan mahu ketepikan hakikat kehadiran bangsa-bangsa lain. Parti PAS memperolehi imej sebagai sebuah pertubuhan yang bersifat 'cauvinis' iaitu ia berusaha untuk memperkenalkan dirinya sebagai parti yang memperjuangkan politik berdasarkan ugama Islam. Ugama Islam mesti dipertahankan kerana ia adalah salah satu dari identiti orang Melayu bahkan ia juga boleh dijadikan 'penyembuh' kepada konflik umum untuk mengujudkan keharmonian dalam masyarakat. Oleh itu sebagai suatu cara untuk mempertahankan keislaman yang menjadi sebahagian dari kehidupan seseorang itu kerana menyokong perjuangan parti ini. Faktur-faktur keugamaan ini sebagaimana yang diketahui adalah suatu perkara yang kuat dan sentiasa mendapat perhatian penduduk-penduduk kampung malahan semua penganut-penganut yang berugama Islam seluruhnya.

"PAS memperjuangkan Islam telah mendukung cita-cita keislaman yang menjadi sebahagian daripada hidup orang Melayu atau cuba mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu atas dasar-dasar bahawa mereka adalah penganut Islam atau penyokong perjuangan Melayu sebagai suatu cara mempertahankan kesucian Islam" (22)

(22) Mohamed Abu Bakar, "Islam Etnisiti dan Intergrasi Nasional", dalam "Kaum, Kelas dan Pembangunan Malaysia" Oleh S. Husin Ali, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984. Halaman 144.

Faktur-faktur yang mementingkan ugama Islam dalam perjuangan parti PAS telah dapat membentuk sikap berpolitik orang-orang Islam umumnya dan penduduk-penduduk kampung khasnya. Bagi mereka ugama adalah salah satu dari kepentingan dalam hidup mereka. Ia musti dipertahankan walau apa yang terjadi kerana orang yang menentang ugama akan mendapat pembalasan yang buruk di hari akhirat nanti. Bagi mereka soal-soal ugama bukanlah perkara yang remeh dan seharusnya dituruti agar mereka selamat di hari kemudian. Oleh kerana itu mereka lebih terdorong untuk menyertai PAS kerana sifat-sifat keugamaan yang terdapat di dalam perjuangan PAS.

Proses sosialisasi dan perkembangan dalam komunikasi telah memberi sumbangan yang besar di dalam pembentukan sikap berpolitik masyarakat kampung. Faktur kekeluargaan telah membentuk seseorang itu sentiasa menurut kata dari golongan yang lebih dihormati dengan adanya penanaman nilai-nilai keugamaan sejak mereka masih kecil sehingga dewasa. Pencapaian pendidikan yang agak rendah telah memungkinkan penduduk-penduduk kampung tersebut tidak terdedah kepada isu-isu politik semasa walaupun terdapat golongan yang berpendidikan yang menjadi orang perantaraan di antara kedua-dua pihak penduduk (kampung dengan pemimpin atau wakil politik). Ini telah menyebabkan mereka sering menerima dan menolak sesuatu parti itu berdasarkan kepada pengaruh-pengaruh yang ada disekeliling mereka seperti tuan-tuan tanah, faktur-faktur keugamaan dan juga pengaruh dari rakan sebaya (peer group). Kadang-kadang mereka tidak tahu menahu tentang politik dan perjuangan sesuatu parti politik tetapi mereka

menyokong dan menolak sesebuah parti politik itu hanya semata-mata 'mengikut' orang lain berpolitik, seperti golongan yang mereka hormati dan mereka segani misalnya ketua kampung, tuan tanah, imam surau dan jiran-jiran yang terdekat. Ikatan rasa tanggungjawab yang kuat dan sikap 'malu' kepada golongan-golongan tersebut menyebabkan mereka lama-kelamaan dapat membentuk sikap mereka untuk menyertai atau menolak sesuatu parti politik itu. Namun begitu seseorang itu tidak semestinya mudah mengubah pegangan politiknya terutamanya dalam masa yang singkat. Itu dan berusaha mengelakkan temujuk perasaan, menghalang dan berusaha menghalang Melayu Union dan merwajuh alternatif bagi Melayu Union. (24)

UMNO juga telah berjaya menentukan orang Melayu tanpa mengira pangkat dan keturunan mereka la itu dari peringkat kusung hingga ke atas kepada keluarga diraja dengan matlamatnya untuk membentuk suatu bentuk nasionalisme yang bercorak zedrahana. Ia juga bertujuan untuk menghalang kemungkinan berlakunya penguasaan politik oleh orang Cina. (25) Setelah berjaya menghalang pemulihian Melayu Union, melalui Perjanjian Persekutuan, ia telah menjadi parti politik penting di Tanah Melayu dan terus bertambah hingga kini.

(24) Mohamed Noordin Sepies dalam "Politik dan Kerajaan Di Malaysia oleh R.S. Milne dan Dane K. Manay Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Halaman 160.

(25) Ibid - Halaman 160.

organisasi pusat untuk menentang Rancangan Malayan Union oleh pemerintah British. Idea ini telah dikeluarkan semasa mesyuarat Kongres Melayu Se Tanah Melayu oleh 41 buah Persatuan Melayu pada 1hb. Mac, 1946. Datuk Onn bin Jaafar adalah tokoh pembangkang utama. Malayan Union telah dilantik menjadi pengurus pertama UMNO. Ia disusun dari peringkat bawah oleh jawatankuasa kampung, diselaraskan dan di peringkat negeri oleh jawatankuasa perhubungan dan di peringkat atas disatukan oleh ibu pejabat parti. Aktivitinya termasuklah mengadakan tunjuk perasaan, menghasut dan berusaha menghalang Melayu Union dan merangka alternatif bagi Melayu Union. (24)

UMNO juga telah berjaya menentukan orang Melayu tanpa mengira pangkat dan keturunan mereka iaitu dari peringkat kampung hingga kepada keluarga diraja dengan matlamatnya untuk membentuk suatu bentuk nasionalisme yang bercorak sederhana. Ia juga bertujuan untuk menghalang kemungkinan berlakunya penguasaan politik oleh orang Cina. (25) Setelah berjaya menghalang pernubuhan Melayu Union, melalui Perjanjian Persekutuan, ia telah menjadi parti politik penting di Tanah Melayu dan terus bertapak hingga kini.

(24) Mohamed Noordin Sopiee dalam "Politik dan Kerajaan Di Malaysia" oleh R.S. Milne dan Dane K. Mauzy Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Halaman 160.

(25) Ibid - Halaman 160.

(26) R.S. dan Diane K. Mauzy, op.cit., halaman 165

Sementara itu parti PAS (PARTI ISLAM SE MALAYSIA) mempunyai sejarah penubuhan yang berkait rapat dengan perjuangan Islam dan Nasionalisme Melayu. Di mesyuarat pemimpin Islam anjuran UMNO di Johor Baharu pada bulan Februari 1950, suatu badan ditubuhkan dalam parti UNMO iaitu Persatuan Ulama Se Tanah Melayu yang kemudiannya telah keluar dari UMNO untuk membentuk Pertubuhan Hizbul Muslimin (Persaudaraan Islam) pada tahun 1951.⁽²⁶⁾ Sehingga tahun 1956 semasa Dr. Burhanudin Al Helmy menjadi presidennya, beliau dan ahli-ahlinya telah membentuk parti PAS. Parti ini mempunyai gerakan yang berbentuk parti PAS.⁽²⁷⁾ Parti ini mempunyai gerakan yang berbentuk keugamaan dan menjaga kebijakan Islam tetapi akhirnya berubah pula kepada pembentukan sebuah kerajaan yang berasaskan ugama, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal, mengiktiraf dan menambah lagi hak orang Melayu, menghadkan pemberian kewarganegaraan kepada orang-orang bukan Melayu dan menyekat intergrasi orang-orang bukan Melayu serta menghapuskan pengaruh tentera dan ekonomi asing.⁽²⁸⁾

ii) Sikap Terhadap Organisasi/Pertubuhan Politik

Penduduk Kampung Bemban ini sebenarnya sudah terdedah kepada 2 buah pertubuhan parti politik utama iaitu PARTI PAS dan UMNO sejak

(26) John Funston, op. cit. Halaman 12 kepada parti-parti

(27) Pada mulanya dinamakan Pan - Malayan Islamic Association - PMIA

(28) R.S. dan Diane K. Manzy, op.cit. Halaman 185

dari pilihanraya yang pertama lagi. Namun begitu keahliannya yang sebenar masih menjadi tandatanya kerana didapati bilangan penduduk yang menjadi ahli yang berdaftar kepada sesuatu parti itu amat kecil jumlahnya dan golongan yang tidak 'terikat' dengan apa-apa jenis parti pun adalah ramai. Dari 50 responden yang ditemui, didapati bahawa cuma 13 orang responden atau 26% sahaja yang menjadi ahli berdaftar parti iaitu 8 orang responden atau 16% yang menjadi ahli tetap parti UMNO, 4 orang responden atau 8% yang menjadi ahli parti PAS dan seorang responden yang menjadi ahli parti MCA (2%). Responden selebihnya iaitu 37 orang atau 74% adalah tidak terikat dengan mana-mana parti politik.

JADUAL 8: BILANGAN PENDUDUK YANG (DARI 50 RESPONDEN) MENJADI AHLI BERDAFTAR PARTI POLITIK

NAMA PARTI	BILANGAN	PERATUS
UMNO	8	16%
PAS	4	8%
TIDAK MENYERTAI MANA-MANA PARTI	37	74%
JUMLAH	50	100%

Dari jumlah ini kita mendapati bahawa masih ramai penduduk kampung ini tidak mempunyai ikatan atau 'committed' kepada parti-parti politik yang ada di dalam kehidupan mereka. Golongan yang menyertai serta menjadi ahli kepada pertubuhan politik tidak semestinya merupakan golongan yang aktif tetapi mereka mempunyai pegangan yang

kuat terhadap parti-parti tersebut dan kemungkinan mereka untuk bertukar ke parti-parti lain selain dari parti yang disertai adalah sukar dan akan memakan masa yang panjang pula. Sementara itu golongan yang tidak menyertai mana-mana parti politik tidak pula menyokong mana-mana politik. Mereka masing-masing mempunyai parti-parti yang mereka sukai dan mereka benci. Selain daripada itu mereka sering mengikuti perkembangan politik semasa walaupun tidak secara terperinci namun sekurang-kurangnya mereka mengetahui siapakah pemimpin bagi sesebuah parti politik itu.

Daripada 50 orang responden yang ditemui didapati bahawa 34 orang atau 60% yang menyukai parti UMNO, 14 orang responden atau 28% yang menyukai parti PAS. Terdapat seorang responden yang berbangsa Cina yang menyukai parti MCA (juga menjadi ahli berdaftar parti itu) dan yang seorang responden sahaja yang tidak tahu parti mana yang disukainya. Sebaliknya responden ini tidak menyokong mana-mana parti kerana beranggapan bahawa jika ia menyukai sesuatu parti itu tidak semestinya parti itu dapat menolong menjamin masa depannya.

JADUAL 9: PARTI YANG DISUKAI (50 RESPONDEN)

PARTI POLITIK	BILANGAN	PERATUS
UMNO	34	68
PAS	14	28
MCA	1	2
LAIN-LAIN	-	-
TIDAK TAHU	1	2
JUMLAH	50	100%

Dalam hubungan ini didapati bahawa penduduk kampung ini menyukai sesuatu parti politik berdasarkan beberapa alasan tertentu. Mereka menyukai susuatu parti itu kerana ideologinya, kepentingan ekonomi, kepentingan sosial, bersifat agama serta lain-lain faktur sampingan yang mana dapat mempengaruhi seseorang itu menyukai dan menyokong sebuah parti politik.

Responden yang menyukai parti UMNO mengatakan bahawa parti itu mempunyai edeologi yang sesuai dengan masyarakat kini. Ideologinya memperjuangkan hak-hak orang Melayu berdasarkan lunas-lunas demokrasi dan sifat-sifat kebangsaan benar-benar menarik hati mereka. Pada mereka, parti ini mempunyai pendirian yang berbeza dengan parti-parti lain yang mana ia dapat mendidik serta memupuk semangat cintakan tanah air kepada orang lain dan parti ini juga adalah sebuah parti politik yang "flexible" yang sesuai untuk sebarang waktu dan tempat.

Responden yang menyukai PARTI PAS pula mengatakan bahawa ideologi PAS adalah sesuai untuk orang Melayu yang secara umumnya berugama Islam kerana ideologi PAS lebih banyak menekankan ugama Islam sebagai dasar utama perjuangan mereka sebagai menuntut keadilan dan menentang kemungkaran. Di samping itu perjuangan PAS adalah juga untuk mempertahankan lunas-lunas Islam serta mempunyai cita-cita untuk menjadikan negara ini sebuah negara Islam yang mengamalkan pemerintahan berdasarkan hukum-hukum Al-Quran dan hadith nabi.

Dari segi ideologi ini, oleh kerana ada percanggahan di antara kedua-dua parti menyebabkan timbulnya pandangan dan sikap yang berbeza di kalangan penduduk kampung ini. Bagi penyokong UMNO parti politik PAS adalah sebuah parti yang lemah. Isu kafir mengkafir telah menyebabkan umat Islam berpecah belah. Pihak PAS pula selalu membangkitkan semangat ahli-ahlinya secara lebih-lebih kerana selalu mengemukakan isu kafir mengkafir di mana perkataan 'kafir' sentiasa menjadi bahan perbualan mereka. Penceramah PAS juga telah membakar semangat ahli-ahlinya dan selalu menganggap bahawa ketua kampung dan lain-lain pemimpin yang menyokong UMNO sebagai 'anjing kerajaan'. Di dalam hal ini telah mewujudkan konsep 'imam PAS' dan 'imam UMNO'. Pernah terjadi di kampung ini, majlis pernikahan ditangguhkan kerana keluarga pengantin yang menyokong PAS tidak mahu menikahkan anaknya melalui kadi yang ada kerana kadi itu adalah orang kuat UMNO. Kadi dari tempat lain (kadi kawasan Paka) telah dijemput untuk menjalankan upacara pernikahan. Oleh kerana ada percanggahan ini menyebabkan hubungan renggang terjadi di antara beberapa orang penyokong PAS dengan Ketua Kampung dan lain-lain pemimpin UMNO di kampung itu termasuk imam surau.

Penyokong-penyokong PAS di Kampung Bemban ini menganggap pemimpin-pemimpin UMNO bagi kawasan itu terlalu berlebih-lebih menggunakan kuasa. Segala kemudahan hanya didahulukan kepada ahli-ahli dan penyokong-penyokong sahaja. Segala peluang untuk mendapatkan bantuan dan lain-lain kemudahan diberi hak istimewa kepada penyokong UMNO. Selain daripada itu mereka menganggap bahawa penyokong-penyokong

UMNO terutamanya pemimpin-pemimpinnya terlalu mementingkan keduniaan, Dengan itu golongan tersebut dianggap sanggup bersusah payah memperjuangkan sistem pemerintahan kapitalis yang mementingkan kemewahan dunia sahaja sedangkan dasar-dasar pemerintahan Islam diabaikan begitu saja, seramai 11 orang responden dari 50 responden yang di-temui (22%) mengatakan bahawa mereka sukaan parti politik kerana ideologinya. Terdapat 10 penyokong UMNO yang mengatakan mereka menyokong UMNO kerana ideologi UMNO itu sendiri yang menarik hati mereka. Terdapat hanya seorang responden yang menyokong PAS kerana ideologinya.

Terdapat juga penduduk kampung ini yang menyokong sesuatu parti politik kerana ini lebih menyenangkan mereka mendapatkan kemudahan tertentu. Pada mereka menyokong parti yang lebih kukuh dan lama bertahan adalah lebih penting kerana ia dapat menjamin kesejahteraan rakyat dengan lebih berkesan. Oleh kerana parti UMNO adalah merupakan parti yang paling lama bertahan dan lebih kukuh bagi mereka, mereka telah memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada parti tersebut. Dengan cara ini mereka berpendapat bahawa mereka akan mudah mendapat kemudahan-kemudahan tertentu sebagai ganjaran atau 'hadiah' apabila menyokong parti tersebut terutama apabila parti yang mereka sokong itu menang di dalam pilihanraya. Kemudahan-kemudahan yang didapati ini bukanlah untuk individu sahaja tetapi ia juga untuk penduduk-penduduk kampung tersebut. Terdapat responden yang menjadi ahli parti UMNO mengatakan bahawa dengan menyertai sesebuah parti sebagai ahli dapat membantu seseorang itu dalam mendapatkan kemudahan

tertentu. Mereka berpendapat dengan menyertai parti UMNO mereka senang mendapat bantuan subsidi baja, bahan-bahan pertanian serta lain-lain bantuan. Mereka juga mungkin diberi keutamaan dalam pemilihan tanah yang baru dibuka di kampung tersebut. Menurut seorang responden yang ditemui bahawa dengan menganggotai parti UMNO beliau sering diberi bantuan oleh wakil rakyat termasuklah bantuan wang ringgit untuk membeli pakaian sekolah menengah anaknya. Selain daripada itu dengan menyertai sesuatu parti seperti UMNO penduduk kampung ini dapat memperbaiki keadaan kampung. Mereka telah mendapat subsidi tandas curah dari pihak pemerintah atas desakan wakil rakyat UMNO. Dengan itu penduduk-penduduk kampung dapat memperbaiki taraf kesihatan mereka dengan menggunakan sistem pembangunan sistem pembuangan najis yang baik.

Kebanyakan responden yang berpendapat bahawa parti UMNO juga telah banyak memberi bantuan dari segi kemudahan-kemudahan seperti jalanraya, surau, perigi, telefon dan elektrik. Ini adalah penting bagi penduduk-penduduk kampung tersebut. Mereka berpendapat jika mereka tidak menyokong parti UMNO tentu kampung mereka ini akan mundur buat selama-lamanya, tanpa perubahan dan kemudahan serta akan ketinggalan dalam arus kemajuan. Di samping merasai kemajuan kampung, mereka juga dapat menikmati 'kesenangan' tertentu. Dengan menyertai parti, mereka menganggap perhatian istimewa akan diberikan oleh pemimpin atau pemegang teraju politik. Dalam hal ini menyebabkan ada segolongan penduduk menganggap bahawa apabila membuat permohonan mereka akan mempunyai peluang yang cerah apabila mereka meminta jasa

baik dari pemimpin-pemimpin tersebut. Oleh yang demikian timbul konsep 'orang dalam' atau orang 'atas' dalam membuat permohonan sesuatu perkara termasuk pekerjaan, permit perniagaan, permohonan tanah, subsidi-subsisi dan sebagainya. Tanpa golongan ini, mereka merasakan suatu kesukaran bagi mendapat peluang-peluang tersebut.

Berhubung dengan tersebut, penyokong-penyokong PAS merasakan diri mereka tersisih kerana peluang-peluang untuk mereka adalah lebih terhad. Dari itu sering timbul sungutan-sungutan dari mereka bahawa pihak karajaan tidak adil dan pilih kasih terhadap mereka. Bagi mereka, peluang-peluang yang mereka inginkan terpaksa diusahakan sendiri tanpa menggunakan pihak-pihak tertentu dan dari itu sering-kali penyokong-penyokong PAS menganggap bahawa pemimpin-pemimpin mereka lebih jujur dari pemimpin-pemimpin lain kerana mereka tidak menggunakan kuasa mereka serta mereka tidak pula mudah diperguna oleh anak buah mereka.

Kadangkala timbul anggapan di kalangan penyokong-penyokong UMNO, bahawa penyokong-penyokong PAS adalah penyebab utama kepada kemunduran kampung itu. Menurut seorang pegawai tempatan⁽²⁹⁾ (salah seorang pemimpin UMNO) kampung itu dianggap sebagai sebuah kawasan hitam bagi UMNO kerana terdapat ramai penyokong PAS di

(29) Temubual dengan pegawai pejabat tanah dan ketua penghulu di Pejabat Daerah Dungun pada 19hb. November, 1985.

kampung tersebut. Oleh yang demikian banyak projek pembangunan terpaksa ditangguhkan. Terdapat anggapan bahawa pihak kerajaan tidak banyak membuat perancangan pembangunan untuk kampung tersebut kerana terdapat golongan yang menentangnya seolah-olah "membela seekor binatang buas, lama kelamaan akan mengigit tuannya sendiri" (30)

Seramai 50 responden yang ditemui, didapati 18 orang responden yang kesemuanya menyokong parti UMNO kerana parti tersebut memberi kemudahan kepada mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa penyokong-penyokong PAS tidak menyetujui alasan ini kerana mereka jarang-jarang menerima kemudahan, malah sering dianggap sebagai penghalang kepada kemajuan.

Dorongan agama adalah merupakan salah satu alasan seseorang itu menyokong sesebuah parti politik. Sebagaimana yang diketahui hal ini biasanya dirujukan kepada parti PAS kerana parti ini memperjuangkan agama Islam. Ugama Islam adalah sesuatu perkara yang amat dititikberatkan oleh orang-orang yang berugama Islam. Janji-janji PAS untuk membina pemerintahan berdasarkan Islam telah menarik penduduk-penduduk menyokong parti tersebut. Pemimpin-pemimpin PAS juga telah berjaya membakar semangat mereka dengan menggunakan agama sebagai suatu alat untuk menarik ramai penyokong mereka. Bagi

(30) Temubual dengan responden yang menjadi ahli parti UMNO selama 39 tahun. Beliau berumur 60 tahun dan merupakan penduduk asal kampung ini.

penduduk kampung, sebagai seorang Islam, mereka lebih ter dorong kepada kehidupan hari kemudian. Hidup selepas mati adalah lebih penting, oleh yang demikian mereka harus beramal ibadat sebanyak yang boleh sebagai suatu cara untuk mencapai kehidupan yang lebih baik selepas kematian. Dengan ini seluruh kehidupan mestilah diterapkan dengan nilai-nilai Islam. Di dalam semua segi kehidupan mestilah berdasarkan Al-Quran dan hadith.

Penduduk kampung merasakan bahawa PAS dapat menerapkan nilai-nilai Islam dan menjalankan hukum-hukum Islam dengan menghapuskan apa yang tidak baik serta berlawanan dengan hukum-hukum Islam. Bagi mereka, menyertai PAS dapat menerapkan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan mereka kerana Islam itu adalah penting bagi penganutnya. Mereka akan marah jika dikatakan 'kafir' atau bukan Islam walaupun tidak selalu melakukan dan mengamalkan hukum-hukum Islam. Ini adalah sifat penting di dalam politik masyarakat kampung, kerana itu mereka mengikut parti yang terbaik supaya mereka dapat hidup bahagian di hari akhirat kelak. Daripada 50 responden yang ditemui, didapati 13 responden (26%) dari 14 responden penyokong PAS menyokong parti itu kerana ianya bersifat ugama. Seorang responden yang tidak menyokong mana-mana parti mengatakan bahawa dia tidak tahu kenapa tidak menyokong mana-mana parti.

Terdapat juga alasan-alasan sampingan yang membawa kepada penyatuan dan penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam arena politik masyarakat kampung ini. Seramai 6 orang responden

mengaku mereka menyokong parti politik tertentu kerana ada dorongan dari kawan-kawan sebaya, jiran-jiran terdekat serta mengikut jejak langkah keluarga yang sudah mempunyai pengalaman dan tempat di dalam pertubuhan itu. Sifat-sifat malu dan rasa hormat terhadap orang sekeliling dan golongan atas serta lebih tua seperti ketua kampung tuan tanah, guru agama dan golongan tua menyebabkan mereka lebih terdorong menyertai parti yang disertai oleh golongan-golongan tersebut.

(11) JADUAL 10: ALASAN BERPOLITIK (50 RESPONDEN)

ALASAN	BILANGAN	PERATUS
Ideologi	11	22
Kemudahan	18	36
Peluang Cemerlang	-	-
Pemimpin Ikhlas	-	-
Bersifat Demokratik	-	-
Bersifat Agama	13	26
Suka Parti Politik	1	2
Tidak	1	2
Lain-Lain	6	12
Jumlah	50	100

(51) Linet Mohd, Salihah Ali, "Pilihanku Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1964, Galaman 3.

Dari jadual yang ditunjukkan didapati bahawa faktur-faktur bukanlah sasaran utama mereka untuk melibatkan diri di dalam arena politik. Ia juga berkaitrapat dengan seluruh bidang kehidupan mereka iaitu drmi untuk kepentingan diri mereka, keluarga dan masyarakat sendiri. Dengan ertikata lain, mereka menyertai politik bukanlah untuk mencapai suatu cita-cita politik sahaja tetapi merangkumi juga bidang-bidang sosial, ekonomi dan kehidupan mereka sehari-hari.

iii) Pandangan Dan Sikap Terhadap Pilihanraya

Sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan demokrasi, kuasa pemerintahan ditentukan oleh rakyat melalui pilihanraya. Dengan adanya pilihanraya rakyat diberi hak memilih kerajaan mereka sendiri di mana pemerintahan sesuatu kerajaan itu tertakluk kepada perstujuan rakyat. Sementara itu kerajaan mesti menjalankan tugas-tugas dan podisinya mengikut kehendak rakyat. (31)

Di Kampung Bemban ini boleh dikatakan bahawa hampir kesemua responden (45 responden atau 90%) responden yang ditemui, didapati telah biasa dan berpengalaman di dalam proses pembuangan undi semasa pilihanraya dari sejak tahun 1957 hingga 1982 kecuali 5 orang responden sahaja yang tidak pernah berbuat demikian.

(31) Lihat Mohd. Salleh Ab. "Pilihanraya Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1984. Halaman 3.

Seorang responden memberi alasan bahawa semasa pilihanraya terakhir dahulu (1982) beliau masih belum mencapai umur 21 tahun dan tidak dapat memberikan alasan-alasan yang munasabah dan tepat. Ini menunjukkan mereka tidak begitu berminat untuk membuang undi.

Di dapati bahawa 9 responden atau 18% yang telah mengundi sebanyak sekali dan 3 responden atau 6% telah pernah mengundi sebanyak 2 kali. Bilangan responden yang pernah mengundi sebanyak 3 kali ialah 8 orang atau 16% responden atau 12% yang pernah mengundi sebanyak 4 kali. Bilangan responden yang pernah mengundi sebanyak 5 kali ialah seramai 5 orang atau 10%. Sementara itu, terdapat 13 responden atau 26% yang mengundi sebanyak 6 kali. Terdapat hanya seorang responden yang tidak tahu atau lupa berapa kali dia pernah membuang undi.

JADUAL 11: KEKERAPAN MENGUNDI (50 RESPONDEN)

BERAPA KALI	BILANGAN	PERATUS
Tidak pernah	5	10
Satu Kali	9	18
2 Kali	3	6
3 Kali	8	16
4 Kali	6	12
5 Kali	5	10
6 Kali	13	26
Tidak Tahu	1	2
Jumlah	50	100

adakan itu. Selain daripada itu, terdapat juga beberapa responden yang memberi alasan mereka mengundi kerana untuk mempertahankan ugama Islam dan bangsa Melayu supaya pemerintahan serta pucuk pimpinan tidak diambilalih oleh bangsa-bangsa lain dan juga pemimpin-pemimpin yang tidak ~~layak~~ memimpin. Ada pula responden yang memberikan pendapat bahawa mereka mengundi kerana dijemput oleh calon-calon parti serta orang-orangnya ke tempat pilihanraya dengan memberikan layanan istimewa seperti kemudahan pengangkutan dan perbelanjaan makan serta tambang semasa pilihanraya.

Sungguhpun masyarakat ini telah menjalankan tugas mereka sebagai pengundi, namun penglibatan mereka ini masih belum begitu jelas. Walaupun mereka dapat memberikan alasan-alasan tertentu seperti hak seorang rakyat, mengikut undang-undang negara terpengaruh dengan janji-janji yang diberikan oleh calon-calon parti, mempertahankan ugama Islam dan bangsa Melayu dan sebagainya masih lagi kabur maksudnya dan mereka seolah-olah berpuashati dengan penglibatan mereka ini kerana pada mereka menyertai politik ini hanya bersangkut paut dengan pilihanraya sahaja. Mereka juga menganggap bahawa membuang undi ini seakan-akan sebagai suatu tugas atau musim untuk mereka memberikan sumbangan terhadap parti-parti yang mereka sokong selama ini. Segala perlakuan politik ini mungkin disebabkan pencapaian tingkat pendidikan yang rendah, pergaulan yang agak terbatas, kekurangan perhubungan dan matlumat serta sosio-ekonomi mereka yang mundur. Keadaan ini adalah suatu kebiasaan malah menjadi suatu keadaan yang 'stereotype' yang mana sering berlalu di-

77

seluruh kawasan terutamanya di kawasan pendalaman di Malaysia.

Kebanyakan responden lebih mengutamakan parti dari calon apabila mereka membuang undi. Seramai 38 responden atau 76% telah memberikan jawapan bahawa mereka akan memilih parti apabila mengundi tanpa mengira siapakah yang menjadi calon parti tersebut. Mereka berpendapat bahawa pengekalan parti adalah lebih penting dalam sesuatu pemerintahan kerana setiap parti mempunyai perjuangan dan pegangan mereka masing-masing. Sementara calon adalah hanya sebagai wakil kepada kepimpinan parti dan mereka adalah terbatas kepada prinsip-prinsip pegangan parti. Terdapat 12 (24%) responden yang lebih mementingkan calon apabila mereka mengundi. Pada pendapat mereka, calon adalah lebih penting kerana mereka adalah pemegang teraju kepimpinan sesebuah kawasan. Jika mereka lemah, maka pemerintahan juga akan menjadi lemah dan ini akan memberi kesusahan kepada rakyat yang di bawah pemimpinannya.

Kempen pilihanraya adalah penting menjelangnya pilihanraya sebagai suatu cara untuk memikat hati pengundi. Setakat manakah kita dapat melihat tingkat sokongan mereka terhadap sesebuah parti politik? Di sini kita dapat melihat setakat manakah minat masyarakat kampung terhadap kempen pilihanraya. Dari 50 responden yang ditemui didapati hanya 4 responden yang sangat sukan kempen pilihanraya. 3 daripadanya ialah penyokong PAS dan selebihnya adalah mereka yang suka mendengar kempen pilihanraya di mana minat mereka terhadap hal tersebut adalah lebih rendah sedikit dari golongan pertama tadi.

23 daripadanya adalah penyokong UMNO dan 10 responden terdiri dari penyokong PAS. Terdapat 3 responden bersikap sederhana (neutral) terhadap kempen pilihanraya dan mereka adalah terdiri dari 2 penyokong PAS serta 1 penyokong UMNO. Sementara itu terdapat 9 responden yang tidak sukaan kempen pilihanraya. 7 daripada mereka adalah penyokong UMNO, 2 orang responden menyokong PAS dan seorang responden yang tidak menyokong mana-mana parti

JADUAL 12: TAHAP KEGEMARAN RESPONDEN TERHADAP KEMPEN PILIHANRAYA (50 RESPONDEN)

TAHAP PENYERTAAN KEMPEN PILIHANRAYA	BILANGAN	PERATUS	PARTI-PARTI YG DISOKONG		
			UMNO (%)	PAS (%)	lain-lain (a) APATHY
Sangat Suka	4	8	1(2%)	3(8%)	
Suka	33	66	23(46%)	10(20%)	
Nuetral	3	6	1(25)	2(4%)	
Tidak Suka	9	18	7(14%)	2(4%)	
Benci/TKD	1	2	-	1(2%)	1(2%)
Ambil Tahu					
Jumlah	50	100	32	18	1

Dari jadual di atas kita mendapati bahawa masyarakat kampung ini sukakan kempen pilihanraya yang diadakan samada kerana umum (rapat umum) mahupun kempen yang dibuat dari rumah ke rumah oleh wakil parti politik. Mereka kadang-kadang sanggup berbasikal berbatu-batu dan pulang sehingga waktu jauh malam semata-mata untuk menghadiri kempen

pilihanraya yang diadakan jauh dari kampung mereka.

Ditinjau kenapa mereka suka mendengar kempen pilihanraya mereka sekali lagi tidak dapat memberikan sebab-sebab yang tepat dan jelas. Terdapat responden menyatakan dengan menyertai kempen pilihanraya, mereka mendapat gambaran yang jelas terhadap perjuangan sesebuah parti politik. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka suka menghadiri pilihanraya kerana di sini mereka dapat mendengar syarahan-syarahan dari ketua-ketua wakil-wakil parti politik yang mereka sokong dan di sini juga dapat melihat sejauh manakah kewibawaan seseorang wakil politik itu. Selain daripada itu juga terdapat responden mengatakan mereka tidak suka ke tempat kempen pilihanraya kerana bagi mereka, kebanyakannya wakil-wakil politik semasa itu seolah-olah melagalkan penyokong parti dengan parti lawan sambil memburuk-burukkan nama wakil parti lawan. Pendapat mereka, ini berlawanan dengan dasar-dasar Islam yang melarang seseorang itu menjatuhkan seseorang samada secara diam-diam mahupun secara terbuka. Namun begitu, terdapat juga responden yang sangat sukakan kempen pilihanraya kerana di sini mereka dapat mendengar berbagai-bagai syarahan dan debat oleh seseorang wakil politik yang mana ini akan menyemarakkan lagi semangat mereka serta dapat mempertingkatkan lagi sokongan mereka terhadap parti politik yang mereka sokong selama ini. Di samping itu juga mereka dapat mendalami beberapa perkara baru seperti ajaran-ajaran ugama, hadith serta perkembangan politik semasa apabila mereka turut sama menyertai kempen pilihanraya. Ini dapat dilihat di dalam kempen-kempen yang telah dilakukan oleh pemimpin PAS. Kebanyakan dari mereka berpendapat demikian adalah terdiri dari penyokong-penyokong UMNO.

Selain dari itu terdapat seorang responden (Penyokong UMNO) suka mendengar syarahan-syarahan kempen pilihanraya oleh kedua-dua parti iaitu UMNO dan PAS. Beliau berpendapat bahawa dengan cara itu dia dapat memperluaskan pengetahuan dan perkembangan politik. Di samping itu katanya, dengan cara ini juga beliau dapat membuat perbandingan di antara kedua-dua parti dan menurutnya sebab utama dia gemar mendengar kempen pilihanraya ialah dia gemarkan sikap kedua-dua wakil parti politik tersebut, 'berperang lidah' dengan berbagai cara dan alasan untuk memenangi hati pengundi.

Selain daripada menyertai kempen-kempen pilihanraya setengah-setengah penduduk di sini mengambil bahagian tertentu di dalam menjayakan kempen ini. Mereka setengahnya menolong secara sukarela menampal poster-poster dan yang lebih berpengalaman pula menjadi orang-orang yang berkempen dari rumah ke rumah. Kedudukan mereka ini tidaklah begitu penting tetapi sekurang-kurangnya dapat memperlihatkan bagaimana mereka melibatkan diri di dalam politik terutamanya dimusim pilihanraya walaupun hanya sebagai penampal poster ataupun sebagai tukang kempen.

iv) Sikap Dan Pandangan Terhadap Pemimpin Politik

Pemimpin politik di kampung ini bukanlah merupakan pemimpin di peringkat tinggi samada di peringkat daerah, negeri maupun kebangsaan. Mereka adalah terdiri daripada anggota-anggota biasa dan beberapa orang ahli jawatankuasa cawangan parti PAS dan

UMNO yang hanya berperanan sebagai pemimpin bawahan sahaja. Dengan erti kata lain mereka adalah golongan pemimpin tidak formal (32) tetapi tetap dipandang tinggi oleh masyarakat kampung kerana mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu dibandingkan dengan anggota-anggota lain di kampung tersebut.

Kelebihan dan keistimewaan yang ada pada pemimpin-pemimpin politik tidak terbatas kepada kebolehan di dalam politik sahaja tetapi terletak juga kekayaan atau faktur status ekonomi, pendidikan atau pengetahuan yang baik dan juga pergaulan yang lebih luas. Terdapat responden yang menganggap bahawa pencapaian yang tinggi di dalam ekonomi dapat memberi peluang kepada seseorang itu bergiat cergas di dalam aktiviti politik. Dengan adanya status yang agak tinggi dari anggota-anggota lain menyebabkan seseorang itu mudah disegani dan dihurmati pula. Ini memudahkan lagi seseorang itu mempergunakan pengaruhnya keatas anggota-anggota yang berada di dalam masyarakatnya. Mereka ini meliputi tuan tanah yang mempunyai tanah getah atau lain-lain kebun, ketua kampung yang bergiat cergas di dalam perniagaan serta beberapa anggota masyarakat yang lain sekurang-kurangnya boleh menggunakan kekayaan untuk menampung dan membayai sedikit sebanyak perbelanjaan yang diperlukan dalam kegiatan politik. Ini termasuklah jamuan makan minum untuk ahli jawatankuasa yang diadakan sekalisekala dan juga bantuan-bantuan yang agak ringan seperti membaiki surau, membeli Quran dan sebagainya.

(32) - Hussain Mohamed. Op. Cit. Halaman 115.

Di samping itu terdapat responden yang menganggap bahawa pengetahuan dan pengalaman yang luas adalah penting bagi seseorang pemimpin politik itu. Selain dari itu seseorang pemimpin harus mempunyai pergaulan yang luas dengan anggota-anggota masyarakatnya. Ini adalah penting kerana mereka harus mempunyai pengalaman mengenai selok-belok kehidupan masyarakat lebih dari orang-orang luar terutamanya pegawai-pegawai pentadbir yang jarang berdamping dengan mereka. Dalam hal ini ketua kampung adalah orang yang paling arif kerana beliaulah orang paling pertama ditemui oleh anggota-anggota masyarakat kampung itu apabila berlakunya sesuatu perkara.

Faktur-faktur pendidikan dan pengetahuan yang tinggi adalah penting dan diambil kira oleh anggota masyarakat kampung di dalam memilih pemimpin mereka. Kebolehan berfikir dan sentiasa mementingkan hari-hari depan adalah penting di dalam kehidupan mereka kerana pemimpin inilah yang dapat membentuk kehidupan mereka kelak. Selain daripada faktur-faktur seperti kearifan di dalam keugamaan dan sifat-sifat yang mulia yang terdapat pada seseorang itu juga dapat memberi keyakinan kepada anggota masyarakat tersebut memilih seseorang itu sebagai pemimpin mereka. Dilihat dari susunan ahli jawatankuasa parti didapati kebanyakan dari mereka terdiri dari golongan berharta termasuklah peniaga, tuan tanah, pekerja bergaji. Selain daripada golongan kedua yang mempunyai kedudukan ini adalah guru agama yang sudah bersara tetapi mempunyai anak-anak yang berpangkat tinggi di dalam pentadbiran dan beliau juga mempunyai tanah yang luas serta merupakan anak bekas penghulu. Namun begitu terdapat juga beberapa orang petani biasa.

yang juga terpilih sebagai ahli jawatankuasa parti. Ini mungkin bersangkutan dengan pengetahuan mereka yang agak luas, mempunyai pendidikan asas serta mempunyai pergaulan yang agak luas dan terbuka. Di sini kita dapatti bahawa sungguhpun faktur ekonomi, pengetahuan dan pergaulan yang tinggi dan luas tetapi faktur-faktur kebolehan, minat serta keistimewaan tertentu juga memungkinkan seseorang itu dipilih untuk memimpin.

Sebagaimana yang diketahui, wakil rakyat adalah merupakan pemimpin utama bagi peringkat daerah yang mana setiap 'rasa hati' rakyat disampaikan oleh wakil rakyat kepada golongan teratas, dengan kata lain wakil rakyat dapat dikatakan sebagai 'orang tengah' di antara rakyat dan kerajaan. Bagi responden yang ditemui di Kampung Bemban ini, wakil rakyat adalah merupakan orang yang paling jarang masuk ke kampung ini malah kebanyakkan dari mereka tidak mengenali atau mengetahui siapakah wakil rakyat mereka sekarang. Hubungan mereka dengan wakil rakyat seolah-olah seperti jurang yang dalam kerana ketiadaan proses maklumbalas dari kedua-dua pihak. Wakil rakyat cuma melawat kampung tersebut hanya waktu menjelangnya pilihanraya. Hal ini sering menimbulkan prasangka penduduk-penduduk kampung terhadap kedatangan orang luar seperti pengkaji-pengkaji di mana mereka menganggap orang-orang ini ingin menambat hati mereka terutamanya bila menjelangnya pilihanraya.

Semasa teraju politik dipegang oleh Haji Abdul Wahab seorang wakil rakyat dari parti PAS pada tahun 1969, suatu

pertelingkahan berlaku di antara ketua kampung dengan wakil rakyat sehingga hampir-hampir berlaku pertumpahan darah. Hal ini berpunca dari perkara permintaan sebuah balairaya untuk kegunaan penduduk Kampung Bemban yang disampaikan oleh Ketua Kampung semasa wakil tersebut melawat kampung itu. Sebaliknya permintaan itu telah ditolak oleh wakil rakyat tersebut dengan memberi alasan bahawa balairaya tersebut mungkin tidak mendatangkan sebarang faedah kepada penduduk bahkan akan dibiarkan dan mungkin dijadikan tempat lembu serta kambing berteduh. Ini menimbulkan pertengkaran yang mana menyebabkan wakil rakyat tersebut cuba mengacukan pistol ke arah Ketua Kampung.

Peristiwa ini telah sampai kepada pengetahuan polis dan sikap wakil rakyat tersebut telah sedikit sebanyak menimbulkan prasangka terhadap wakil rakyat-wakil rakyat selepasnya. Mereka merasakan menghurmati wakil rakyat tidak mendatangkan banyak faedah malah merugikan. (Semasa wakil rakyat tersebut melawat Kampung Bemban, penduduk-penduduk kampung itu telah menyediakan berbagai-bagi juadah termasuk menyembelihkan dua ekor lembu). Mereka berpendapat bahawa kedatangan wakil rakyat mungkin akan menimbulkan masalah yang sama lebih-lebih lagi terhadap Ketua Kampung yang selama ini mereka hormati dan sanjungi.

Anggota-anggota masyarakat kampung ini juga tidak begitu berminat untuk mengetahui tentang wakil rakyat mereka. Wakil

rakyat sekarang iaitu calon UMNO⁽³³⁾ juga jarang-jarang melawat kampung ini. Dari itu timbul sikap kurang yakin dan acuh tidak acuh terhadap kebolehan wakil rakyat ini kerana bagi mereka, adalah suatu keadaan tidak adil bila pemimpin tidak mementingkan anak buahnya sedangkan anak buah bermati-matian mempertahankan pemimpinnya.

Sikap wakil rakyat yang seolah-olah tidak mahu mengambil tahu hal ehwal rakyat amat mendukacitakan anggota masyarakat kampung ini. Pergaulan di antara wakil rakyat dengan rakyat yang diwakili adalah sesuatu yang semestinya dilaksanakan kerana pertemuan dan kunjungan seperti itu bukan sahaja dapat menjalinkan tali kemesraan serta mendekatkannya dengan penyokong parti dan rakyat malahan beliau mungkin akan terus dihurmati serta dianggap baik dan sentiasa mengenang budi rakyat yang memilihnya. Kemungkinan beliau akan dipilih lagi untuk penggal akan datang kerana sikap begini dapat menambat hati penduduk kampung.⁽³⁴⁾

-
- (33) Wakil Rakyat bagi daerah Dungun ialah Encik Awang Jabar. Beliau berjaya memegang pucuk pimpinan ini selama 3 penggal iaitu dari tahun 1974 sehingga sekarang 1985.
- (34) Temubual dengan Ustaz Yusuf bin Abdullah, seorang guru agama Kampung Bemban, bekas guru sekolah dewasa Pulau Serai dan juga merupakan seorang tokoh politik veteran yang sama-sama bergiat dengan Yang Mulia Tengku Abdul Rahman di dalam memperjuangkan parti Perikatan. Beliau merupakan salah seorang penduduk yang tertua di kampung tersebut.

Suatu lagi perkara yang menyebabkan kepercayaan anggota masyarakat Kampung Bemban ini terhadap wakil rakyat mereka semakin hari semakin luntur ialah sikap wakil rakyat itu sendiri. Bagi mereka wakil rakyat tersebut telah 'memungkiri janji-janjinya'. Berbagai projek yang dijanjikannya semasa menjelang pilihanraya tidak dilaksanakan dan ada juga yang terbengkalai dipertengahan jalan. Sikap wakil rakyat ini seolah-olah tidak pernah mengambil tahu tentang jerit perih anakbuahnya amatlah dikesali oleh anggota masyarakat kampung ini. Sebagai contoh, semasa pilihanraya 1982 baru-baru ini, kebanyakan keluarga di kampung ini telah dijanjikan dengan bantuan bahan-bahan binaan tandas curah tetapi ini telah menimbulkan kemarahan penduduk kerana kelengkapannya langsung tidak mencukupi seperti sink, simen dan sebagainya. Bantuan itu tidak diperolehi sepenuhnya, akibatnya, segala rancangan terbengkalai begitu sahaja. Apabila hal ini diajukan kepada wakil rakyat, beliau dikatakan bersikap seolah-olah tidak mahu ambil peduli tentang hal itu sedangkan rancangan ini adalah penting sebagai langkah menjamin kesihatan penduduk dan kawasan desa. Selain daripada itu terdapat juga projek-projek lain yang terbengkalai dan terbiar begitu sahaja seperti pembinaan jalan tar dan pemulihan tanah terbiar, serta pembekalan air paip.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa sungguhpun anggota masyarakat kampung mempunyai tingkat kesedaran politik yang rendah tetapi mereka terlalu arif dan selalu bersikap terbuka di dalam hal-hal mengenai wakil rakyat yang menjadi pemimpin mereka. Mereka

sentiasa meneliti dan sentiasa peka terhadap perlakuan dan pertuturan yang dibuat oleh wakil mereka itu. Namun begitu, segala keluhan dan rasa tidak puashati mereka itu sentiasa dipendamkan kerana sifat-sifat 'malu, takut dan segan' masih menebal terhadap golongan yang lebih atas dari mereka. Oleh itu sering timbul kata-kata,

"apakan daya kami hanya orang kampung yang bodoh, tidak berpelajaran dan tidak mempunyai daya untuk melawan mereka".

Segala-galanya menjadi terbatas kerana mereka telah disematkan dengan rasa hormat dan dibendung pula dengan sifat-sifat sabar di dalam segala hal demi untuk memelihara kehidupan mereka yang sentiasa di dalam keadaan harmoni, tanpa gangguan dari sesiapa terutamanya dari orang luar. Walau apa yang terjadi, sikap hormat dan pandangan mulia yang mendalam mereka menyanjungi wakil rakyat dan jika sekali sekala wakil rakyat tersebut melawat kampung tersebut, beliau masih disambut dengan baik dan dimuliakan. Mereka masih lagi tersenyum sekalipun hati mereka terguris akibat sikap wakil rakyat terhadap mereka. Kadangkala dilihat secara fizikal, didapati seolah-olah tidak ada perasaan terkilan atau perasaan tidak puas hati dikalangan mereka terhadap wakil rakyat. Ini adalah kerana sikap penduduk kampung yang telah biasa dan terdidik dengan penghormatan dan kepatuhan terhadap pemimpin. Selain daripada itu sikap lemah lembut dan pemaaf sentiasa ada dikalangan mereka.

(35) Secara pertengahan, John Nelson, "Political Participation In Development Societies," Harvard University Press, Cambridge 1970, halaman 3.

BAB V

PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN DALAM AKTIVITI POLITIK

5.1 Penyertaan Politik

Penyertaan atau penglibatan politik adalah suatu konsep digunakan untuk menggambarkan bagaimana rakyat atau warganegara sesebuah negara itu menyertai aktiviti-aktiviti politik. Aktiviti politik ini melibatkan aktiviti yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin politik dari peringkat bawahan iaitu peringkat kampung sehingga ke peringkat atasan iaitu peringkat kebangsaan.

Konsep penglibatan dan penyertaan politik dapat dikatakan sebagai turut serta dalam kegiatan dan pergerakan politik di dalam berbagai peringkat sistem politik itu sendiri. Samuel Huntington menyatakan bahawa;

'By political participation we mean activity by private citizens designed to influence government decision making. Participation may be individual or collective, organized or spontaneous, sustained or sporadic, peaceful or violent, legal or illegal, effective or ineffective. Effective support for a substantial shift in economic or social politics is most likely to come from organized collective participation, which can assume a variety of forms' (35)

(35) Samuel Huntington, John Nelson, "Political Participation In Developing Countries," Harvard University Press, Cambridge 1976, Halaman 3.

Michael Rush pula menyatakan bahawa penyertaan politik adalah suatu proses di mana individu-individu menyertai beberapa peringkat atau tahap di dalam sesebuah sistem politik itu.⁽³⁶⁾ Istilah penyertaan politik boleh dikaji dari dua punca konseptualnya iaitu pada paras 'perilaku sahaja' atau pada paras yang merangkumi sikap dan persepsi yang menjadi prasyarat kepada penglibatan itu. Sikap dan persepsi itu dapat dilihat daripada angkubah-angkubah seperti penerangan (informasi) dan pengetahuan politik, pendapat tentang setakat manakah berluasannya politik kepada pelaku serta kepercayaan pelaku bahawa mereka boleh mempengaruhi keputusan dan geraklangkah kuasa pemerintah. Penyertaan politik pada peringkat pelaku meliputi kesemua aktiviti yang berpadanan dengan segi politik. Ini termasuklah rusuhan-rusuhan kaum, denwastrasi, mogok-mogok dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah bertujuan mempengaruhi kuasa-kuasa rasmi dan keputusan kerajaan yang dilakukan secara tenang dan mengikut saluran perundangan tertentu.⁽³⁷⁾

Ditinjau kepada penyertaan politik masyarakat hari ini didapati terdapat dua peringkat penyertaan, iaitu golongan yang

-
- (36) Michael Rush And Phillip Althoff, "An Introduction to Political Sociology", Thomas Nelson And Sons Ltd, 1971. Halaman 16.
- (37) Lihat, Norani Othman dan Rokiah Ismail, "Penyertaan Politik Di Kalangan Wanita Bandar dan Desa", di dalam "Kemiskinan Dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah" disunting oleh Hairi Salleh, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1984. Halaman 159.

yang bergerak secara aktif dan golongan yang bergerak secara pasif di dalam arena politik. Di dalam masyarakat Kampung Bemban ini kebanyakannya mereka adalah golongan pasif dan hanya sebilangan kecil sahaja yang mempunyai ikatan iaitu aktif (committed) di dalam politik. Penglibatan politik yang wujud di dalam masyarakat ini adalah kerana adanya tekanan sosial yang terdapat di dalam masyarakat atau oleh pemimpin-pemimpin politik di kampung mereka sendiri.

Kegiatan-kegiatan penyertaan politik adalah seperti mengadakan ceramah-ceramah, kempen-kempen serta sebaran penerangan politik rakyata setempat. Di dalam musim tertentu terdapat golongan aktif kelihatan lebih giat dan aktif berpolitik. Namun begitu bilangan mereka adalah kecil berbanding sebahagian besar yang lain kurang cergas dan kadangkala tidak mengambil kisah langsung terhadap sebarang kegiatan politik.

(i) Golongan Aktif

Golongan ini biasanya dirujuk kepada pemimpin-pemimpin kampung dan beberapa anggotanya yang lebih berpelajaran iaitu pendidikan yang lebih tinggi, biasanya lebih dari 5 atau 6 tahun. Mereka lebih 'literate' (boleh membaca dan menulis) dan terdedah pula kepada alat-alat sebaran am yang mana membawa pendedahan kepada politik tanahair. Selain daripada itu penglibatan mereka didorong oleh faktur-faktur semangat perkauman dan ekonomi. Dengan ini mereka lebih kritis dan senang membuat teguran dan kritik membela terhadap perjalanan pemerintah kerajaan. Perjuangan mereka di dalam

politik lebih bertujuan untuk memberi perlindungan yang wajar kepada agama Islam, mempertahankan identiti orang Melayu, meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi, pendidikan dan sosial orang-orang Melayu.

Selain daripada itu mereka mempunyai semangat kebangsaan yang kuat di mana mereka lebih kerap membincangkan hal-hal mengenai politik samada sesama sendiri atau dengan golongan yang lebih atas. Dengan itu mereka mempunyai hubungan yang luas dengan orang-orang luar dari masyarakat kampung seperti pucuk-pucuk pimpinan samada di dalam daerah, negeri Terengganu serta pegawai-pegawai kerajaan peringkat tinggi. Mereka adalah juga golongan yang mempunyai kebolehan di dalam memberi pimpinan, lebih berkeyakinan pada diri sendiri serta mempunyai semangat ingin berpolitik yang tinggi dari anggota-anggota masyarakat lain. Mereka bukan sahaja terdiri dari ketua kampung, pekerja makan gaji, guru-guru agama malahan juga terdapat juga beberapa orang petani. Mereka juga berpendapat bahawa politik boleh dijadikan alat untuk mewujudkan persamaan hak atau menseimbangkan kedudukan sosio-ekonomi serta pelajaran di antara kaum-kaum yang terdpat di negara ini.

Penyertaan aktif di dalam politik dapat dilihat di dalam aktiviti-aktiviti mereka terutamanya menjelang pilihanraya dan juga sokongan yang mereka berikan di dalam masa kempen pilihanraya. Mereka juga adalah di antara golongan yang banyak menyumbangkan tenaga mereka semata-mata untuk mempengaruhi penduduk-penduduk mengundi atau memilih parti yang mereka anggotai serta mereka juga bergiat menjalankan kempen dari rumah ke rumah. Kadang-kadang mereka

secara tidak langsung menyebabkan ideologi parti mereka kepada penduduk kampung, misalnya di majlis-majlis keramaian, kenduri atau pun bila bertembung di jalanraya. Selain daripada itu mereka bukan sahaja bertugas di pondok-pondok pilihanraya, menampal poster dan sebagainya tetapi mereka juga adalah golongan yang sentiasa bersedia menolong membawa pengundi-pengundi ke pusat-pusat pembuangan undi.

Golongan ini juga mempunyai pengaruh dan sentiasa bergerak aktif usaha mempengaruhi kerajaan dalam mengadakan projek-projek ekonomi dan sosial di kawasan kampung mereka. Mereka sering mengadakan mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan samada secara terbuka mampu secara tertutup dengan wakil-wakil, pegawai-pegawai tinggi kerajaan untuk mendapatkan bantuan dan kemudahan kampung. Setakat ini beberapa usaha-usaha mereka telah memperlihatkan kejayaan di mana kampung ini telah memperolehi beberapa kemudahan asas seperti elektrik, jalanraya, perkhidmatan telefon, surau dan sebagainya. Namun begitu bilangan mereka adalah terlalu kecil dan ini menyebabkan perjalanan penggerakan politik di kampung mereka adalah lembab.

(ii) Golongan Pasif

Golongan ini adalah terdiri dari sebahagian besar penduduk kampung ini. Mereka jarang-jarang malahan langsung tidak membincangkan tentang perkara bersangkutan dengan politik sebab mereka mempunyai minat yang kurang terhadap politik. Mereka lebih suka berbual-bual kosong mengenai politik apabila mereka berehat-rehat di rumah atau di kebun mereka yang mana tajuk perbualan utama lebih tertumpu

kepada soal-soal agama dan perkara-perkara yang melibatkan kerja-kerja sehari-hari mereka.

Mereka merasai bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang seluk-beluk politik masa kini dan selalunya mereka kurang memahami unsur-unsur politik sepenuhnya. Ini kemungkinan mereka kurang terdedah kepada penerangan dan maklumat yang mendalam mengenai politik kerana pencapaian pendidikan yang rendah. Masa yang terhad juga tidak membenarkan mereka membincangkan tentang politik secara terperinci kerana kerja-kerja bertani banyak memakan masa dan tenaga mereka. Sementara itu pekerja-pekerja kilang mempunyai masa yang tidak tetap kerana pekerjaan mereka ditentukan oleh sistem syif.

Mereka mempunyai anggapan bahawa hal-hal politik dan pentadbiran hanya layak dipikul dan diuruskan oleh orang-orang yang mahir serta berpengetahuan di dalam bidang tersebut. Sebagai petani dan penduduk yang berpendapatan rendah serta tidak mempunyai pelajaran mereka tidak berupaya untuk membimbing orang lain sedang diri mereka tidak berdaya. Oleh itu hal-hal politik ini mestilah diserahkan kepada golongan bijakpandai sahaja. Selain daripada itu mereka mempunyai perinsip yang tersendiri iaitu 'soal mengisi perut' adalah lebih penting dari bercakap tentang politik kerana pada mereka bergiat cergas di dalam politik tidak semestinya menjamin kecemerlangan ekonomi dan kesejahteraan hidup mereka.

Sokongan yang mereka berikan terhadap sesebuah parti politik samada PAS atau UMNO adalah berdasarkan kepada faktur-faktur tertentu. Mereka sebenarnya berkemungkinan dipengaruhi oleh pujukan atau layanan-layanan pemimpin-pemimpin politik yang sentiasa mencari peluang untuk memenangi hati pengundi. Selain daripada itu, perasaan cepat simpati terhadap bagsa Melayu juga telah menyebabkan mereka menyokong parti yang memperjuangkan hak orang Melayu (UMNO). Sifat-sifat dan pegangan ugama yang kuat mempengaruhi mereka menyokong parti berunsurkan Islam iaitu PAS. Mereka sebenarnya mempunyai kurang kesedaran politik dan sering menganggap bahawa apabila mereka mengundi mereka seolah-olah memberi sokongan kepada perpaduan bangsa sendiri iaitu bangsa Melayu.

Pemimpin-pemimpin politik yang berada di peringkat kebangsaan atau di peringkat bawahan amat menaruh harapan kepada sokongan undi penduduk kampung yang mana dipimpin oleh pemimpin kampung yang aktif di dalam politik. Setengah pemimpin parti di-peringkat atas atau khasnya pihak pemerintah sukar untuk menggenepikan tuntutan dan desakan pemimpin kampung yang sentiasa berusaha mendapatkan kemudahan dan kemudahan bagi pembangunan masyarakatnya. Penyertaan pemimpin kampung yang kecil bilangannya boleh mempengaruhi bilangan sokongan undi penduduk desa kepada kerajaan Barisan Nasional yang memerintah ketika ini.

Kemungkinan-kemungkinan tertentu akan berlaku sekiranya kerajaan tidak menunaikan segala kehendak dan permintaan mereka yang

sentiasa bertambah dari masa ke semasa untuk pembangunan masyarakat dan kampung mereka misalnya kemerosotan dari segi sokongan dan undi terhadap UMNO atau kerajaan Barisan Nasional seluruhnya kerana seperti yang diketahui golongan masyarakat kampung meliputi 80% dari orang-orang Melayu seluruh negara.

5.2 Sikap Terhadap Kegiatan-Kegiatan dan Isu-Isu Politik

Kegiatan-kegiatan di dalam parti politik meliputi berbagai-bagi ceramah, kempen-kempen serta perbincangan mengenai isu politik. Segala kegiatan-kegiatan ini adalah penting sebagai sebaran dan penerangan mengenai politik kepada rakyat setempat. Di dalam musim tertentu terdapat beberapa golongan kelihatan lebih giat dan aktif berpolitik sehingga mereka tidak mempunyai banyak masa yang terluang. Sebahagian besar yang lain kurang cergas dan tidak memperdulikan langsung tentang kegiatan-kegiatan tersebut.

Sehubungan dengan kegiatan-kegiatan tersebut maka isu-isu politik adalah penting digunakan kerana melaluiinya matlamat dan pemahaman akan diserapkan kepada penduduk-penduduk kampung. Pemahaman yang mendalam akan membantu mereka agar lebih tertarik untuk menyertai atau memberi sokongan terhadap sesebuah parti politik itu.

Penduduk-penduduk kampung ini jarang sekali membincangkan tentang isu-isu politik yang berlalu samada di dalam mahupun di

luar negeri. Ini disebabkan mereka mempunyai pendidikan yang agak rendah, malahan ada pula yang buta huruf yang mana tidak membolehkan mereka memahami dengan mendalam terhadap sesuatu isu politik itu. Matlamat yang kabur yang mereka dapati dari ceramah-ceramah, kempen-kempen serta perbincangan telah menyebabkan mereka begitu cepat melupai sesuatu isu itu dan ada pula menerimanya bulat-bulat tanpa mengkaji atau berfikir secara lebih mendalam.

nam se tempat membuat sebab seperti di media,

Namun begitu masih terdapat penduduk-penduduk yang sentiasa mengikuti perkembangan politik semasa tetapi mereka lebih arif tentang situasi luarbandar sahaja. Tentang isu-isu luar negeri, mereka nampaknya tidak berminat langsung malah jarang mengetahui hal ehwal antarabangsa. Ini mungkin disebabkan mereka mendapat sumber-sumber maklumat luar negeri dan jarang pula membaca majalah dan akhbar.

(i) Ceramah

Ceramah adalah suatu cara lazim yang digunakan oleh pertubuhan parti politik untuk memperkenalkan dasar-dasar parti politik dan calon yang akan bertanding di dalam pilihanraya. Majlis ceramah yang diadakan itu disusun dan dirumuskan dengan rapi oleh pemimpin-pemimpin atau calon parti supaya ianya dapat mempengaruhi penduduk atau orangramai. Ceramah memainkan peranan penting untuk mempengaruhi orangramai serta menggerakkan mereka menyokong seseorang calon atau parti yang bertanding di dalam sesuatu pilihanraya itu.

Penceramah dari parti UMNO lebih gemar mengadakan majlis ceramah secara terbuka iaitu seperti di surau-surau dan majlis-majlis keramaian. Sementara itu penceramah PAS lebih suka mengadakan ceramah tertutup atau secara tidak langsung bersangkutan dengan ceramah-ceramah ugama. Biasanya ceramah anjuran PAS ini diadakan di luar kampung ini. Golongan yang menyokong PAS kebanyakannya suka menghadiri ceramah-ceramah ini. Dengan mengadakan rombongan-roombongan bas ke tempat-tempat ceramah seperti di Rusila, Kemaman, Besut, Kuala Terengganu dan lain-lain tempat di seluruh negara. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan kepada setengah-setengah penduduk dan ketua kampung khasnya kerana sikap mereka yang suka menghadiri ceramah sehingga beberapa kali dalam sebulan sekurang-kurangnya telah menjaskan pendapatan dan meninggikan perbelanjaan bulanan mereka. Mereka tidak dapat bekerja selama beberapa hari di dalam sebulan dan setiap kali menghadiri ceramah, mereka terpaksa menyediakan wang yang banyak untuk membiayai perbelanjaan tambang, makanan dan derma-derma untuk parti serta penceramah. (38)

(ii) Perbincangan Mengenai Isu-isu Politik Dan Sikap Penduduk Terhadap Isu-isu Politik

Di antara isu-isu politik yang menjadi tumpuan penduduk kampung ini ialah isu-isu mengenai pembangunan, isu perkauman, isu

(38) Temubual dengan Ketua Kampung 18hb. November 1985.

minat terhadap perkembangan politik samada peringkat negeri mahupun kebangsaan.

Di dalam membincangkan tentang isu-isu politik, persoalan-persoalan yang dipentingkan oleh pemimpin-pemimpin ialah tentang projek-projek pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri Terengganu khasnya projek-projek pembangunan luar-bandar. Hal ini juga melibatkan isu-isu subsidi, bantuan dan kemudahan kerajaan kepada penduduk kampung. Pemimpin parti ini sering mempersoalkan tentang kelemahan parti politik pembangkang sebagai bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran dan minar penduduk kampung terhadap persoalan pembangunan negara. Dengan cara ini mereka dapat mempergunakan isu ini sebagai senjata politik kerana motif kesenangan dan ketinggian ekonomi adalah suatu perkara yang diambil kira oleh penduduk kampung ini. Dengan menyertai parti kerajaan (BN) mereka tentunya dapat merasai nikmat pembengunan.

Isu perkauman adalah merupakan suatu isu yang kerap menjadi persoalan penting di dalam negara Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa. Penduduk kampung ini amat memandang berat tentang kepentingan orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini. Sebagai bangsa Melayu, mereka sering mempunyai sikap yang sentiasa ingin mempertahankan bangsa Melayu. Pada mereka orang Melayu mestilah diutamakan kerana orang Melayu mempunyai hak mutlak terhadap negara ini dan lain-lain bangsa hanyalah sebagai pendatang yang tidak boleh diberi peluang untuk memerintah negara

ugama dan juga isu-isu sosial seperti masalah pembahagian tanah dan masalah pendatang di kampung mereka. Isu-isu semasa yang sering dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin PAS lebih menekankan kepada isu agama, sistem kapitalisme, nasionalisme dan sistem **fuedalisme** yang dikaitkan dengan sistem dan ideologi yang bertentangan dengan Islam. Sementara itu pemimpin-pemimpin parti UMNO lebih menekankan kepada isu-isu pembangunan, isu perkauman, isu agama dan juga isu ekonomi.

Pemimpin PAS yang berkarisme seperti Haji Hadi Awang dapat mempengaruhi pemikiran penduduk luarbandar. Ini tidak menghairankan kepada penduduk Kampung Bemban ini khasnya penyokong-penyokong PAS menganggap beliau sebagai seorang pemimpin parti yang berkelibar dan mempunyai pengalaman yang luas di dalam hukum-hukum agama Islam. Kemungkinan inilah sebabnya kenapa penyokong-penyokong PAS amat gemar menghadiri cerama-ceramah yang disertai oleh beliau. Kebangkitan Haji Hadi Awang ini telah memberi pukulan hebat kepada pemimpinan UMNO. Beliau telah berjaya mengupas berbagai sistem perundangan Islam dan politik Islam yang bertentangan dengan sistem perundangan yang ada pada hari ini.

Isu-isu semasa berkaitan dengan sistem kapitalisme, nasionalisme dan sebagainya sering dikaitkan dengan sistem dan ideologi yang bertentangan dengan agama Islam. Kehadiran beliau secara tidak langsung telah mempengaruhi pemikiran penduduk luarbandar umumnya dan penduduk Kampung Bemban khasnya. Selain daripada itu isu-isu politik dan ekonomi semasa telah menjadikan bertambahnya

BAB VI

RUMUSAN

Sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia dan negara-negara yang berada di dalam kategori yang sama menghadapi dua masalah pembangunan yang utama iaitu masalah politik dan masalah ekonomi. Pengalaman-pengalaman silam seperti penjajahan kolonial telah banyak memberi pengajaran dan membangkitkan semangat rakyat di dalam semua bidang termasuk bidang politik telah membangkitkan semangat berpolitik di kalangan rakyat.

Di dalam hal ini pemerintah berperanan sebagai penentu utama dalam pencapaian ekonomi, keharmonian sosial dan kestabilan politik serta berusaha untuk mendapatkan kemudahan seluruh penduduk Malaysia samada di kawasan bandar mahupun di luarbandar terhadap strategi-strategi pembangunan kerajaan. Oleh itu penyertaan rakyat di dalam arena politik amat diperlukan sebagai suatu cara mewujudkan perseimbangan di antara rakyat dan pemerintahan di dalam usaha-usaha perlaksanaan projek-projek pembangunan. Penyertaan politik masyarakat luarbandar adalah penting untuk menentukan sesuatu pemerintahan parti kerana sebilangan penduduk Melayu mendiami kawasan ini. Penyertaan golongan ini amat penting di dalam usaha mengekalkan pucuk pemerintahan Melayu di negara ini. Penyertaan mereka adalah berdasarkan kepada proses sosialisasi politik yang telah meningkatkan kesedaran politik.

ini. Mereka mengatakan demikian kerana jika bangsa-bangs lain memerintah ugama Islam akan turut tergugat. Soal ugama bukanlah perkara remeh yang boleh dipandang ringan kerana hal ini melibatkan kepentingan orang Melayu, kebudayaan Melayu dan ugama Islam. Dengan itu mereka menyertai kedua-dua parti - PAS dan UMNO adalah juga untuk mempertahankan orang Melayu dan ugama Islam.

Kesan-Kesan Politik Ke Atas Perpaduan Masyarakat Kampung Bemban

(i) Kesan Kepada Pemahaman Politik Penduduk

Masyarakat Kampung Bemban adalah seperti kampung-kampung terpencil di luarbandar mempunyai suatu kelompok ethnik yang mengamalkan suatu budaya dan agama. Hidup mereka hampir seragam di dalam segala segi terutama dari segi sikap, kepercayaan, emosi dan nilai-nilai di dalam masyarakat tersebut adalah berkaitrapat dengan sistem politik serta isu-isu politik di dalam negara.

Di dalam parti politik sentiasa wujud perpaduan dan kepercayaan terhadap isu-isu politik negara yang membawa kepada permusuhan-pemuahan antara parti politik. Ini berlaku kerana masing-masing ingin mempertahankan kebenaran dan perjuangan parti mereka sendiri. Kadang-kadang permusuhan ini diadakan secara terbuka samada dikhlayak ramai di dalam ceramah dan kempen misalnya dan diakhbar-akhabar serta di lain-lain alat komunikasi.

Isu dan juga mempunyai rehatan perkauman yang 'extreme'. Bagi penyokong parti tersebut, mereka adalah sebenar-benar parti untuk orang Melayu yang berjuang untuk orang Melayu dan agama Islam

Setakat ini PAS lebih mementingkan perjuangannya yang bersifat keislaman dan UMNO pula labih mempertahankan dasar kebangsaan sebagai dasar perjuangan. Sokongan-sokongan yang diberikan oleh masyarakat kampung ini telah mewujudkan suatu keadaan yang dapat membentuk dua golongan pengikut parti yang sering bertelagah. Pertelagahan ini bukan sahaja melibatkan pertentangan kata-kata semata-mata untuk mempertahankan perjuangan parti tetapi juga melibatkan pertelingkahan fizikal.

Namun begitu, ketegangan di antara kedua-dua pihak ini tidaklah begitu ketara malahan ia lebih bersifat terpendam dan tertutup. Pertentangan tetap wujud tetapi ia tidak mengubah sama sekali struktur masyarakat kampung ini kerana setakat ini masih terdapat norma-norma 'kekampungan' seperti sikap tolak ansur sesama mereka. Oleh itu ketegangan atau konflik tidaklah mengubah suasana kampung dan masih dapat diawasi.

Parti PAS menunjukkan sikap perkauman yang 'extreme' dan selalu tidak puas hati terhadap kerajaan Barisan Nasional. Mereka lebih menekankan 'elemen' agama sebagai ideologi parti. Ini telah memungkinkan timbulnya sikap prasangka terhadap kumpulan atau kelompok lain yang tidak mempunyai pendirian yang sama dengan mereka. Penyokong PAS didapati ramai yang mempunyai pendidikan agama yang kuat dan juga mempunyai fahaman perkauman yang 'extreme'. Bagi penyokong parti tersebut, mereka adalah sebenar-benar parti untuk orang Melayu yang berjuang untuk orang Melayu dan agama Islam.

kerana parti-parti lain mempunyai perjuangan yang amat bertentangan dengan agama Islam. Mereka mendesak kerajaan supaya mengubah dasar pemerintahan hari ini kepada pemerintahan bercorak Islam dan segala yang bertentangan dengan Islam hendaklah dihapuskan. Bagi mereka, politik dan agama tidak boleh dipisahkan dan hanya PAS dapat menjamin kedudukan hak istimewa orang Melayu, agama Islam dan kebudayaan Melayu.

Parti UMNO pula adalah lebih bersifat terbuka. Bagi penyokong UMNO, penyatuannya dengan parti-parti MCA (Malaysian Chinese Association) dan MIC (Malaysian Indian Congress) adalah perlu kerana proses sejarah yang lalu menghendaki rakyat Malaysia sentiasa bersatu tanpa mengira kaum dan agama. Penyatuan ini tidak menjaskankan kedudukan UMNO untuk melindungi kepentingan dan hak istimewa orang Melayu dari segi perlembagaan. Penyokong-penyokong parti ini juga berpendapat bahawa orang-orang Melayu tidak perlu bimbang terhadap kedudukan bangsa Melayu terutamanya dari segi politik. Ini adalah kerana kekuasaan politik adalah di tangan orang Melayu memandangkan pucuk pimpinan negara, menteri-menteri, wakil-wakil rakyat Parlimen sebilangan besarnya adalah orang-orang Melayu.

Walaupun terdapat pertentangan di antara kedua-kedua parti PAS - UMNO ini tetapi ianya cuma dari segi ideologi sahaja. Penyokong-penyokong PAS menganggap UMNO sebagai ahli Barisan Nasional yang tidak dapat memperjuangkan kepentingan orang Melayu sepenuhnya kerana terpaksa juga mementingkan bangsa-bangsa lain di dalam MCA dan MIC. Mereka juga mengatakan bahawa polisi UMNO lebih banyak memberi

keuntungan kepada golongan berada dan golongan penduduk bandar sahaja. Ini memandangkan kepada banyaknya projek-projek mewah yang dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional dan bagi kawasan luarbandar, segala projek yang diadakan hanya semata-mata untuk menutup mata rakyat sahaja, malahan, nilainya cuma sebahagian kecil daripada projek-projek dibandar-bandar.

Golongan UMNO pula melihat PAS sebagai sebuah parti yang terlalu banyak menekankan sentimen keugamaan malahan dituduh sebagai parti yang memperalatkan ugama tetapi tidak boleh mentadbir sebuah pemerintahan. Pengalaman yang lepas iaitu semasa PAS dapat memerintah daerah Dungun pada tahun 1969, tidak banyak perubahan berlaku malahan telah menimbulkan perselisihan di antara wakil rakyat PAS dengan ketua kampung sehingga hampir menumpahkan darah di kampung tersebut. (39) PAS mesti sedar negara ini mempunyai berbagai bangsa yang menganuti berbagai agama, oleh itu pertimbangan yang sewajarnya harus diberi untuk menjaga kestabilan politik dan keteguhan ekonomi negara.

Pertentangan fahaman di antara penyokong-penyokong PAS yang 'extreme' dan penyokong UMNO yang sederhana dan terbuka

(39) Temubual dengan Ketua Kampung. Wakil rakyat tersebut ialah tokoh pas yang datang melawat kampung menuduh Ketua Kampung tidak menggunakan sepenuhnya balairaya. Terjadi perselisihan pendapat, menyebabkan wakil rakyat menghunuskan pistol. Kes ini telah menjadi kes polis pada tahun 1969.

sebenarnya telah ditentukan oleh latarbelakang pendidikan yang berlainan umur yang berbeza-beza dan kesedaran politik yang berbeza. Nilai-nilai keagamaan yang kuat adalah penting untuk akhirat, pengikut-pengikut PAS menyediakan agama sebagai sandaran politik kerana agama dan politik mempunyai hubungan yang rapat dan saling berkait. Bagi pengikut UMNO ugama adalah perlu untuk kesejahteraan di hari akhirat tetapi hal-hal dunia juga harus diambil kira untuk menjalankan proses kehidupan sehari-hari. Namun begitu ugama tidak boleh dicampuraduk dengan politik kerana agama dan politik mempunyai pendekatan yang berbeza dan dua bidang yang tidak serupa.

(ii) Kesan Politik Terhadap Sosial dan Intergrasi Masyarakat Kampung

Latarbelakang agama, pendidikan, ekonomi serta pengaruh dari elit-elit politik telah dapat membentuk fahaman politik yang berbeza-beza di dalam masyarakat kampung tersebut. Komunikasi penduduk dengan masyarakat adalah agak terhad telah membentuk tanggapan yang kabur terhadap politik. Penduduk menganggap PAS sebagai parti politik Melayu yang tulen sementara UMNO pula merupakan parti yang terkuat dan banyak memberi faedah kepada orang Melayu.

Di dalam musim-musim tertentu, politik telah menimbulkan berbagai sikap penduduk. Kadangkala mereka aktif, ada kalanya pula mereka terlalu memencilkan diri kerana merasakan mereka terlalu diselubungi dengan berbagai masalah hidup. Bagi mereka adalah lebih baik mereka mempunyai sikap bahawa apa juga parti yang memerintah

dan sesiapan juga yang berkuasa, nasib mereka sebagai petani tetap miskin untuk selama-lamanya. Dengan itu, adalah lebih baik dan berfaedah jika mereka menumpukan sepenuh perhatian kepada kegiatan ekonomi dan ugama Islam.

Pertentangan kefahaman di antara PAS dan UMNO tidak membawa kepada ketegangan atau konflik fizikal iaitu tidak wujud pergaduhan yang besar di antara kedua belah pihak. Ia sentiasa dipendam dan mungkin jika terdapat situasi tertentu akan menimbulkan suatu keadaan yang membahayakan seperti rusuhan dan sebagainya, kerana faham kepartian sentiasa mempunyai perselisihan di dalam masyarakat. Hal ini boleh menjaskan kehidupan sosial masyarakat kampung tersebut.

Konflik sosial dapat dilihat di dalam upacara-upacara nikah kahwin, kenduri arwah dan perayaan-perayaan sosial seperti hari raya dan sebagainya. Di dalam upacara ini terdapat perlakuan penduduk yang mempunyai unsur-unsur pertentangan yang tersebunyi dan tertutup. Ini dapat dilihat bila sesuatu kenduri diadakan oleh penyokong UMNO maka sambutan bagi jemputan golongan PAS adalah kurang. Sebaliknya terjadi peristiwa pulau memulau di antara dua pihak yang mempunyai fahaman yang berlainan. Sungguhpun begitu bilangan mereka adalah kecil sahaja. Selain daripada itu, ada yang menghadiri majlis itu tetapi hanya sekadar 'jemputan'. Mereka datang ke majlis untuk makan sahaja dan terus bersurai tidak sebagaimana yang biasa, penduduk-penduduk akan bersama-sama

bergotong royong menguruskan majlis.

Keagamaan menjadi peganggang penting penduduk-penduduk kampung ini. Institusi agama masih dipentingkan dan dijadikan penyatu utama orang-orang yang bergama Islam. Ianya bukan untuk memecah-belahkan orang Melayu. Agama sebagai suatu agen kawalan sosial boleh berperanan untuk membendung masyarakat kampung ini dari permusuhan, salah faham, prasangka seperti yang pernah berlaku di beberapa tempat di negara ini. Konflik di dalam fahaman politik di kampung ini hanya bersifat sementara sahaja. Pada hakikatnya situasi ini wujud pada lahiriah sahaja terutama pada masa menjelangnya pilihanraya. Dalam masa-masa yang biasa hubungan penduduk erat dan mesra di antara satu sama lain. Ini mungkin disebabkan mereka dihubungkan dengan tali persaudaraan dan perkahwinan yang mana telah mewujudkan sikap kerjasama dan mengambil berat di antara individu di dalam masyarakatnya.

Penduduk juga didapat masih tebal dengan sikap "tidak sampai hati" di mana dalam masa yang tertentu terutama jika berlakunya kematian, sakit pening atau lain-lain.. masalah mereka akan sentiasa berhubung rapat serta saling membantu samada dari segi 'material' atau bukan 'material'. Ketika ini fahaman politik akan diketepikan buat sementara waktu kerana sikap bantu membantu dan saling berhubungan telah menjadi suatu cara hidup (local life) penduduk kampung ini.

Pendek kata, perpaduan di antara penduduk tetap wujud (walaupun tidak semuanya) akibat adanya persamaan nilai, sikap saling menghormati dan sikap sentiasa patuh kepada norma-norma masyarakat yang memang menjadi kebiasaan sosial mereka dan mengikuti hukum-hukum agama. Walaupun ada konflik, tetapi ianya berlaku secara tertutup dan kadang-kadang sukar dikesan.

Perubahan telah berlaku bila ada nilai-nilai baru dan menyebabkan kehilangan nilai-nilai lama di dalam masyarakat.

Perubahan yang agak ketara dapat dilihat di dalam masyarakat kampung ini di mana terdapat golongan muda yang mula kurang memberi penghormatan terhadap orang tua. Ini disebabkan perbezaan-perbezaan latarbelakang hidup seperti pendidikan, cara hidup, arus permodenan minat serta cita-cita telah menyebabkan golongan muda lebih agresif dan lebih aktif terhadap politik. Mereka lebih terdedah kepada politik semasa dan ini menyebabkan timbul pertelagahan pendapat golongan tua yang lebih tertutup kepada politik.

Selain daripada itu terjadi percanggahan di antara dua golongan parti yang menyebabkan berlakunya hubungan dingin di antara penduduk kampung. Nilai politik telah membawa kesan baru dengan mengubah struktur kepimpinan dan politik tradisi masyarakat kampung. Status quo pemimpin terut berubah, pemilihannya bukan lagi berdasarkan penentu-penentu seperti usia dan keturunan tetapi lebih ditekankan kepada kebolehannya samada kebolehan di dalam pendidikan formal, pengalaman yang luas, pergaulan yang luas dan

BAB IV

berkarisma yang mana dapat mempengaruhi orang lain di dalam masyarakatnya.

SIKAP DAN KEJEDARAN POLITIK PAS

Persaingan di antara PAS dan UMNO telah mendatangkan perubahan dari segi ekonomi masyarakat luarbanda kesemuanya Kampung Bamban khasnya. UMNO telah cuba mempengaruhi rakyat dengan mempercepatkan pembangunan dengan menyalurkan berbagai kemudahan dan projek-projek semata-mata untuk menarik penduduk kampung menyokong parti tersebut. Selain daripada itu terjadi juga perpecahan bangsa Melayu kerana masing-masing menyalahkan parti masing-masing. Ini sama sekali membawa perubahan kepada interaksi dan integrasi sosial masyarakat kampung yang terkenal dengan sifat tolong menolong di antara satu sama lain.

Untuk tindakan sebagai bertujuan melindungi agama Islam dan kehidupan Melayu. Dari itu setengah dari mereka mempunyai kesedaran ini dan membawa kepada pengetuan mereka di dalam sesuatu parti atau pertubuhan politik itu. Di dalam masyarakat Melayu hari ini terdapat hanya 2 parti yang popular di kalangan mereka iaitu parti PAS dan UMNO.

Parti UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 berdasarkan idea pentubuhan sebuah

(25) Berasal dari perkataan 'Sceptic' – bermaksma orang yang menaruh syak akan kebenaran sesuatu, piawai.

"Sceptic" – serba syak, kewahaman,

Kuala Times, Awang Sudjai Raiful (Penyunting),
Times Educational Co Ltd. 1977. Halaman 286.

- 185 -

BAB IV

SIKAP DAN KESEDARAN POLITIK KAMPUNG

(i) Sejarah Pertubuhan atau Organisasi Politik Sepintas Lalu

Sebagai sebuah masyarakat Melayu, penduduk-penduduk golongan Melayu mempunyai kesedaran yang mendalam tentang identiti mereka sebagai bangsa Melayu yang berada di dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Mereka menerima konsep bahawa Malaysia adalah untuk semua kaum. Namun begitu, sehingga sekarang masih wujud 'sikap skeptisme' (23) terhadap kaum-kaum bukan bumiputera dan ini menyebabkan mereka telah berazam untuk bersatupadu di dalam semua tindakan sebagai bertujuan melindungi ugama Islam dan kebudayaan Melayu. Dari itu setengah dari mereka mempunyai kesedaran ini dan membawa kepada penyertaan mereka di dalam sesuatu parti atau pertubuhan politik itu. Di dalam masyarakat Melayu hari ini terdapat hanya 2 parti yang popular di kalangan mereka iaitu parti PAS dan UMNO.

Parti UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 berdasarkan idea penubuhan sebuah

(23) Berasal dari perkataan 'Sceptic' - bermakna orang yang menaruh syak akan kebenaran sesuatu, pewaham.

"Scepticism" - serba syak, kewahaman.

Kamus Times, Awang Sudjai Hairul (Penyunting),
Times Educational Co Ltd. 1977. Halaman 286.

masyarakat moden.

Penglibatan masyarakat kampung ini di dalam politik peringkat bawahan telah melahirkan pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat bawahan yang memainkan peranan yang penting di dalam usaha mempertahankan pemimpin-pemimpin di peringkat atasan (elit) Pemimpin-pemimpin ini adalah sebagai penaung atau pelindung masyarakat di mana mereka menghubungkan masyarakat kampung dengan elit-elit politik yang terdapat di pusat-pusat pemerintahan atau di luar kawasan kampung mereka. Peranan mereka juga penting untuk menggerakkan sokongan penduduk-penduduk kampung kepada calon-calon politik yang telah dan akan menjadi pemimpin atau wakil mereka di Parlimen. Kebanyakannya parti politik biasanya meletak harapan penuh pada sokongan pemimpin-pemimpin politik untuk kejayaan parti masing-masing. Dengan adanya sistem komunikasi di kampung ini, walaupun agak sederhana sahaja keadaannya seperti telefon dan jalanraya ianya dapat menghubungkan kawasan ini dengan lain-lain tempat. Infrastruktur yang baik membolehkan pemimpin-pemimpin politik di peringkat atas mempengaruhi penduduk-penduduk kampung melalui lawatan mereka untuk mengimbangkan pengundi-pengundi di kampung ini.

Dengan adanya Ranting Parti UMNO, penyokong utama pemimpin parti kampung ini dapat memainkan peranan yang penting sebagai pemimpin propaganda-propaganda politik kepada penduduk terutamanya tentang perubahan-perubahan di dalam arena politik. Penubuhan sokongan teknologi pemerintah telah menguntungkan negara dan

Kesedaran politik di dalam masyarakat kampung terdiri dari dua aspek iaitu golongan aktif dan golongan pasif. Golongan yang aktif mempunyai tingkat kesedaran politik yang tinggi dari golongan pasif. Golongan pasif pula kurang terdedah kepada punca-punca maklumat mengenai politik. Ini adalah kerana mereka mempunyai daya kepekaan yang rendah untuk memahami segala berita-berita dan sumber maklumat yang disiarkan melalui akhbar-akhbar dan lain-lain saluran sistem komunikasi. Pendidikan yang minima, hanya berkisar kepada pendidikan agama dan sekolah rendah sahaja telah menyebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai politik. Ini memungkinkan mereka melibatkan diri mereka secara minima juga. Penglibatan mereka hanyalah untuk mengelakkan diri mereka dari tekanan-tekanan sosial di dalam masyarakatnya dan juga mungkin terdapat dorongan-dorongan dari pemimpin-pemimpin kampung tersebut.

Kesedaran politik yang lebih telah disebabkan oleh pendedahan individu-individu terhadap punca-punca politik terutamanya melalui mes media termasuk radio, televisyen, akhbar-akhbar dan kempen-kempen parti politik. Selain dafipada itu mereka juga mempunyai permahaman yang tinggi terhadap maklumat mengenai politik iaitu melalui berita-berita dari mes media dan perbincangan-perbincangan politik. Mereka juga mempunyai sikap yang sentiasa mengambil tahu tentang hal ehwal politik yang berlaku di sekeliling mereka. Sikap dan pandangan terhadap politik sebahagian besarnya ditentukan oleh sikap dan pandangan yang bersifat moden. Sikap mereka yang memberikan sokongan terhadap pemerintah telah menguntungkan negara dan

ranting-ranting parti dapat menarik pemimpin-pemimpin parti politik ke kampung ini sebagai suatu cara menarik minat penduduk kampung menyokong parti yang dipimpinnya itu. Selain daripada itu, lawatan pemimpin-pemimpin ini dapat merapatkan hubungan mereka dengan masyarakat kampung dan menghapuskan jurang pemisahan di antara kedua-dua pihak.

Penduduk-penduduk Kampung Bemban juga memandang ahli politik Melayu sebagai punca atau tempat untuk mereka mendapatkan faedah dari politik. Anggapan mereka pemimpin-pemimpin kampung seperti Ketua Kampung, guru-guru agama dan lain-lain pemimpin adalah juga sebagai pemimpin pembangunan masyarakat serta sebagai pelindung (patron) yang dapat menyalurkan faedah-faedah ekonomi seperti bantuan-bantuan serta kemudahan dari kerajaan. Penyertaan penduduk di dalam politik lebih didorongkan oleh bantuan-bantuan ekonomi dan sosial. Mereka menganggap kerajaan akan memberikan lebih banyak bantuan jika mereka menyokong kampung mereka tidak dibangunkan oleh kerajaan kerana terdapat golongan yang tidak menyokong parti kerajaan. Rancangan Pembangunan Desa sering dijadikan alat politik oleh parti kerajaan untuk mendapat sokongan undi kerana biasanya penduduk-penduduk kampung menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi terhadap bantuan ekonomi. Dengan cara ini kerajaan yakin bahawa projek rancangan ini dapat mengatasi kemiskinan dan seterusnya dapat pula mempertahankan kedudukan parti UMNO akibat bertambahnya sokongan penduduk-penduduk kampung terhadap parti tersebut.

kerajaan terlalu besar pengaruhnya di dalam kehidupan rakyat. Parti ini dapat mempropagandakan keuntungan ekonomi dan sosial terhadap rakyat terutamanya kepada orang Melayu yang merupakan golongan teramai menyokong parti ini.

Penentangan-penentangan terhadap parti kerajaan adalah perkara biasa di dalam sesuatu kerajaan yang bercorak demokrasi seperti Malaysia. Namun penentangan-penentangan yang dilakukan oleh penyokong parti-parti pembangkang seperti PAS lebih bercorak tertutup dan senyap. Kadangkala ia tidak dapat dilihat secara terang malah pemimpin-pemimpin tersebut membuat penentangan-penentangan secara simbolik iaitu melalui kata-kata termasuk makihamun. Penentangan ini menimbulkan berbagai-bagai isu yang hangat terhadap sejarah politik negara seperti isu sembahyang dua imam, isu kafir mengkafir, dan isu-isu perkauman. Penentangan sebegini adalah kerana terdapat sekatan-sekatan yang dibuat oleh kerajaan seperti penggunaan akhbar yang terhad kepada parti pembangkang menyebabkan perjuangan dan pengaruh mereka terbatas. Hasilnya mereka menggunakan ceramah-ceramah untuk menyebarkan pengaruh. Oleh kerana mereka sering mencampuradukkan politik dengan agama serta gemar membangkitkan di antara satu sama lain menyebabkan kerajaan telah mengadakan undang-undang sebagai suatu cara menyekat kegiatan mereka. Di antaranya ialah mengharamkan ceramah, menghadkan penggunaan masjid dan surau sebagai tempat berceramah, mengharamkan penerbitan-penerbitan mengenai isu-isu tertentu, menahan penceramah-penceramah yang tidak bertauliah dan sebagainya.

Penentangan yang tertutup juga ada kalanya akan menjadi lebih agresif dan terbuka. Ini adalah kerana penentangan mereka tidak dapat dibanding lagi akibat adanya hasutan dan tekanan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin mereka. Dari ini akan timbul konsep berjihad menentang golongan kafir, 'konsep mati syahid', 'konsep darah halal' dan sebagainya yang mana memungkinkan penyokong-penyokong parti PAS melakukan tindakan di luar batas kemanusiaan seperti menyerang penyokong-penyokong UMNO atau orang-orang yang mempunyai kaitan dengan polis. Hal ini dapat dilihat di dalam peristiwa Kampung Memali di Mukim Siong, Kedah di mana 14 orang awam dan 4 anggota polis terbunuh pada 19hb. November 1985. Peristiwa ini terjadi akibat desakan dan pengaruh yang mendalam oleh pemimpin-parti PAS supaya menentang kerajaan di bawah Barisan Nasional. Mereka dikatakan menggunakan 'konsep jihad' terhadap kerajaan dan adalah 'syahid' jika mereka menentang kerajaan yang mengamalkan sistem pemerintahan kafir atau kapitalis. Namun begitu penentangan terhadap parti UMNO di Kampung Bemban tidaklah sedemikian, ia adalah terpendam dan dibendung oleh rasa persaudaraan dan serta semangat setiakawan yang mendalam walaupun mengamalkan kefahaman politik yang berlainan.

Di dalam jangka masa panjang, pertambahan penduduk di dalam kegiatan-kegiatan politik telah menyebabkan mereka merasakan kepentingan mereka bertambah. Oleh itu mereka sering menggunakan tekanan dan pengaruh kepada kerajaan. Ini menimbulkan perhatian kerajaan yang kuat sebelah terhadap sesuatu kaum sehaja

dan memungkinkan dasar-dasar pembangunan yang lebih berorientasikan politik iaitu menguntungkan sesuatu kaum sahaja contohnya DEB (Dasar Ekonomi Baru) hanya menguntungkan golongan Melayu sahaja. Hal ini akan menimbulkan rasa kepentingan tertentu di kalangan penyokong-penyokong parti Barisan Nasional yang mempunyai gabungan parti-parti yang berlainan ras. Keadaan ini menimbulkan suasana perpaduan ras yang berkurangan dan terjejas yang mana boleh membawa kepada kemerosotan parti (political decay) tersebut.

Politik hari ini lebih mementing keharmonian sosial.

Politik yang memperalatkan sentimen kaum boleh mewujudkan ketegangan sosial. Ketidakstabilan sosial boleh menimbulkan kehancuran kestabilan politik yang selama ini dinikmati oleh rakyat Malaysia sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Oleh itu tokoh-tokoh politik seharusnya sedar bahawa masyarakat Malaysia mempunyai berbagai kaum (plural society) yang mempunyai latarbelakang budaya, agama dan cara hidup yang berbeza.

Pada pandangan pengkaji pada pilihanraya yang akan datang (1986) parti UMNO akan memenangi kerusi pilihanraya untuk kali yang kelima. Ini adalah kerana kedudukan parti UMNO agak kukuh jika dibandingkan dengan parti PAS. Organisasi ini mempunyai pucuk pimpinan yang lebih kemas. Segala 'strategi' telah disusun begitu rapi dan tersusun dan ini boleh mempengaruhi penduduk-penduduk kampung untuk menyokong parti UMNO. Ahli jawatankuasa parti UMNO telah dilantik mempunyai peranan untuk memberi kemudahan dan

pertolongan kepada penduduk kampung. Ahli jawatankuasa kecil juga dilantik di dalam pergerakan Pemuda UMNO, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Jawatankuasa Masjid dan sebagainya yang dapat menggunakan pengaruh mereka ke atas penduduk-penduduk kampung supaya memberi sokongan kepada parti kerajaan.

Ranting PAS tidak berfungsi di kampung ini malah lebih menumpukan perhatian ke kampung Pulau Serai. Kegiatan mereka cuma mengadakan majlis-majlis ceramah sahaja. Parti ini tidak mempunyai lain-lain kegiatan kecuali mengadakan ceramah dan juga menganjurkan rombongan bagi ahli-ahlinya untuk menghadiri ceramah dilain-lain tempat. Ketiadaan kegiatan-kegiatan tertentu menyebabkan penduduk-penduduk kampung lebih menyokong UMNO kerana mereka mempunyai anggapan bahawa parti PAS merupakan sebuah parti yang agak lembab dan lemah.. Ceramah-ceramah yang diadakan sebenarnya bukanlah berbentuk ceramah tetapi merupakan suatu majlis 'makihamun' dan 'mengkafirkan' orang lain terutama kepada pemimpin UMNO. Ini menyebabkan ramai penduduk yang 'sakit telinga' mendengar ceramah-ceramah tersebut dan akhirnya menyebabkan mereka menyokong UMNO.

Peranan pemimpin-pemimpin kecil kampung tidak kurang besarnya. Mereka seperti wakil rakyat, ketua kampung, penghulu dan guru-guru agama merupakan golongan terpengaruh dan disegani di kalangan penduduk kampung. Peranan mereka, terutamanya wakil rakyat memberi kemudahan dan melaksanakan projek pembangunan boleh mempengaruhi penduduk kampung tersebut untuk menyokong dan mengundi

parti tersebut. Aktiviti PAS hanya mengadakan ceramah agama sahaja. Kepimpinan parti PAS tidak mempunyai dasar-dasar untuk menubuhkan berbagai jawatankuasa kecil sebagai suatu cara untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan sosial seperti pelajaran keselamatan dan lain-lain.

Kelemahan PAS dari segi kepimpinan khususnya mempunyai kurang penyelarasan terhadap kegiatan kumpulan dan matlamat parti. Selain daripada itu hubungan di antara pemimpin PAS di peringkat bawahan dengan peringkat atas adalah renggang. Pihak PAS juga menghadapi masalah kewangan kerana kegiatan mereka tidak mendapat sokongan dari kerajaan dan lain-lain bangsa hatta bangsa Melayu sekalipun. Parti ini menghadapi kesukaran menyangkal tuduhan pihak lawan. Kegiatan dan kenyataan PAS banyak ditapis oleh mesy media yang sememangnya dikuasai oleh pihak kerajaan. Adalah tidak menghairankan kenapa pihak PAS menuduh parti kerajaan menggunakan mesy media sebagai alat untuk mempengaruhi rakyat.

Selain daripada itu parti PAS telah menggunakan isu-isu sensitif yang telah menimbulkan kontroversi dan perpecahan di kalangan rakyat terutamanya di kalangan bangsa Melayu. Isu-isu seperti kafir mengkafir, isu pakatan Angkatan Sabilullah, perang jihad dan sebagainya telah menyebabkan penduduk-penduduk 'tawar hati' terhadap parti tersebut kerana berlakunya perpecahan di kalangan umat Islam. Terdapat juga guru-guru agama yang mempergunakan agama untuk kepentingan politik.

"Tok-tok guru ini sebenarnya bukan tok guru, tetapi pemimpin-pemimpin politik, pemimpin-pemimpin PAS yang jadi tok guru untuk kepentingan politik. Dengan berpandukan 'Amanat Haji Hadi', mereka mendakwa bahawa menentang kerajaan yang dianggap 'kafir' itu adalah jihad dan mereka memberitahu rakyat bahawa jika mereka mati dalam perjuangan itu maka mati mereka itu adalah syahid". (40)

Pengakuan-pengakuan bekas pemimpin PAS mengenai kelemahan-kelemahan parti itu telah banyak mempengaruhi orangramai meninggalkan parti tersebut dari menyokong parti PAS. Isu-isu yang sensitif telah menimbulkan pandangan negatif penduduk terhadap parti tersebut. Undang-undang yang ketat telah diadakan untuk menyekat pengaruh PAS seperti undang-undang yang tidak membenarkan mana-mana parti politik mengadakan rapat umum dan ceramah. Undang-undang negeri Terengganu menyekat kegiatan parti dengan tidak membenarkan mana-mana individu atau pertubuhan menggunakan masjid tanpa kebenaran pejabat agama dan juga tidak membenarkan mana-mana penceramah mengadakan ceramah serta mengajar ugama di masjid-masjid atau surau-surau tanpa tauliah. Undang-undang ini sedikit sebanyak telah melemahkan parti ini kerana cara ini sahaja PAS dapat menangkis tuduhan pihak lawan dan mempengaruhi penduduk-penduduk kampung tersebut.

Sikap berpolitik di kalangan masyarakat luarbandar khasnya

(40) - Penyataan oleh Datuk Musa mengenai peristiwa di Kampung Memali, Kedah, Mingguan Malaysia, Ahad, 5 haribulan Januari, 1986 - 23 Rabiulakhir, 1406. Halaman 1.

masyarakat kampung adalah mustahak dan penting untuk diketahui oleh kedua-kedua pihak iaitu PAS dan UMNO untuk memenangi pilihanraya. Banyak penentu-penentu yang boleh mempengaruhi sikap mereka untuk berpolitik. Peranan keluarga, pendidikan, mass komunikasi, ekonomi, politik dan faktur alam sekitar telah membentuk sikap berpolitik mereka. Latar belakang tersebut telah mempengaruhi sikap dan pendapat mereka terhadap politik, pilihanraya, pemimpin politik dan isu-isu perbincangan politik. Hal ini boleh mempengaruhi penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti politik.

Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.

- Alesand G. & Verba S., The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in Five Nations, (Princeton, N.Jersey) Princeton University Press, 1963.
- Anford, Robert H., Ideology And Participation, Sage Publication Inc, Beverly Hills, California, 1972.
- Brown, R. & Bravitt, K., Political Socialization: An Analytic Study, Boston: Little and Brown, 1969.
- Fairhurst, N.J., Malay Politics In Malaysia : A Study of UMNO & PAS, Kuala Lumpur, Heinemann, 1980.

BIBLIOGRAFI

- Sistem Politik Dangkal dan Tuaik Belaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1982.
- Abdullah Tahir, Orang Melayu Dengan Cabaran Masakini, J.P.M., Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1984.
- Hairi Abdullah, Persidangan Dua Kebudayaan Melayu, Penerjemahan dan Penyuluhan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
- Ahmad Hussein, S., "Struktur Kepimpinan Dalam Pembangunan Desa" dlm. Isu-isu Ekonomi, Sosial Dan Politik Malaysia (Kumpulan Esei Dewan Masyarakat 1975-1979), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
- Almond G. & Verba S., The Civic Culture Political Attitudes And Democracy in Five Nations, (Princeton, N.Jersey) Princeton University Press, 1963.
- Asford, Ricard E., Ideology And Participation, Sage Publication Inc. Beverly Hills, California, 1972.
- Dawson, R.A & Prewitt, K., Political Socialization: An Analytic Study, Boston: Little and Brown, 1969.
- Funston, N.J., Malay Politics In Malaysia : A Study of UMNO & PAS, Kuala Lumpur, Heinemann, 1980.
- Yussofin Mohamed, "Pembentukan Dan Manifestasi Kesadaran Politik Dang", dlm. Minal Kliaq (mentinggu), Karyayakti Melayu,

- Gullick, J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1978.
- Ismail Kassim, Race, Politics and Education: A Study of The
- Hairi Abdullah, Kemiskinan Dan Kehidupan Golongan Berpendapatan Rendah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1984.
- Herbert Hirsch, Poverty And Politization, Political Socialization in American Sub-Culture, Free Press, New York, 1971.
- Huntington S., Nelson J., Political Participation in Developing Countries, Harvard University Press, Cambridge, 1976.
- Husin Ali S., Kaum, Kelas dan Pembangunan Malaysia, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984.
- _____, The Agents of Political Ideology in Malaysia", Malay Peasant Society And Leadership, Kuala Lumpur, OUP, 1975.
- _____, Orang Melayu: Masalah Dan Masadepannya, Percetakan Adabi, Kuala Lumpur, 1979.
- Hussain Mohamed, "Pembentukan Dan Manifestasi Kesedaran Politik Desa" dlm. Zainal Kling (suntingan), Masyarakat Melayu,

- Mohamed Abu Bakar, (Antara Tradisi dan Perubahan), Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur, 1977.
- Ismail Kassim, Race, Politics and Moderation: A Study of The Malaysian Electoral Process, Singapore, Times Book International, 1979.
- Mohd. Salleh bin, The Modern State, (London), Oxford University Press, 1964.
- F.W. Lorius W. & Ferri, S., (Ed) Political Change and Political Means, G.P., The Role of Islam In The Political Development of Malaysia, Comparative Politics, Vol. 1, No.2, Jan. 1969.
- Barber, Alvin, Race And Politics In Urban Malaya, Stanford:Stanford University Press, 1964.
- Mehden, Fred, R.V. der, Politik Negara Membangun, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.
- Katzenbach, R.K., "Some Aspects of Political Ideology in Malaysia", dalam Sakai, R.K (Ed), Studies On Asia, Nebraska: Nebraska University Press, 1964.
- Milne R.S & Mauzy D.K., Politik Dan Kerajaan Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
- South, R. & Althony, J., An Introduction to Political Sociology, London: Nelson, 1971.

- Mohamed Abu Bakar, "Dakwah Dan Pengislaman Masyarakat Melayu Masakini: Satu Analisa Permulaan": Tamaddun Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Vasili, R.K., Mohd. Salleh Abas, Pilihanrava Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.
- Mokhtar Petah, Dr. Mahathir Dan Masadepan Negara, Tra-tra Publishing & Trading Co., Subang Jaya, Selangor, 1982.
- Pye, Lucian W. & Verba, S., (Ed), Political Culture And Political Development, 2 nd. Printing, 1972.
- Fatul Johari, W., Rabuska, Alvin, Race And Politics In Urban Malaya, Stanford:Hoover Institution Press, 1973.
- Ratnam, K.J., Faham Perkauman Dan Proses Politik Di Malaysia, (terj.), Kuala Lumpur: UMP, 1969.
- _____, "Religion And Politics In Malaya", dlm. Tilman R.O (Ed), Man, States And Society In Contemporary Southeast Asia, N.York: 1969.
- Rush,M. & Althoff,P., An Introduction to Political Sociology, London: Nelson, 1971.

- Sudjai Hairul, A.,(ed), Kamus Times, Times Educational Co. Ltd.,
Dictionnaire Unpublished Ph.D Thesis, University
of California, Berkeley, selinen microfile
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968.
- Vasil, R.K., Politics In A Plural Society, Kuala Lumpur,
OUP, 1971.
Alia Sabtu Sabtu, Anak-anak Kepadaan Politik Masyarakat Third,
Latihan Ilmiah, Jelaras Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya, 1970/71.
- LATIHAN ILMIAH DAN BAHAN-BAHAN YANG TIDAK DITERBITKAN
- Fatul Johari, W., Behavioral Approach to Kelantan Politics, B.Sc.
Graduation Axercise, FEA, University of Malaya,
Kuala Lumpur, 1970/71.
- Kessler,C.S., Islam And Politics in Malay Society : Kelantan
1886-1969, Ph.D Thesis, University of London,
Jelaras Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya, 1981/82.
- Nash, M., Peasant Citizens: Politics, Religion And
Modernization in Kelantan, Malaysia, Athens:
Ohio University Centre for International Studies,
1974.

- Rogers, Malvin L., Political Involvement In A Rural Malay Community, Unpublished Ph.D Thesis, University of California, Berkeley, salinan microfilm Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968.
- Abu Bakar Yahaya, Aspek-aspek Kepimpinan Politik Masyarakat Tani, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya, 1973/74.
- Asfasuri Abdullah, Penyertaan Politik Masyarakat Setinggan, Kampung Pandan, Kuala Lumpur, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1975/76.
- Che Wan Taqwa A.Bakar, Sikap Berpolitik Di Kalangan Masyarakat Luarbandar : Satu Kajian Kes di Kg. Pengkalan Arang, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1981/82.
- Mazlan Salleh, Elite Parti Politik, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1983/84.

Mohd. Nawawi Yaacob,

Pergolakan Politik Di Tumpat, Kelantan;
Konflik, Dilema Dan Cabaran Kepartian,
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan
Sosiologi, Universiti Malaya, 1983/84.

Mohd. Nordin Mustafa,

Kelakuan Dan Penyertaan Politik Masyarakat
Luarbandar, Kedai Lalat, Kota Bharu, Kelantan,
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosio-
logi, Universiti Malaya, 1982/83.

Mohd. Hussein Syariff,

Satu Perpektif Politik Desa, Masyarakat Tani
Sungai Rokan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi
dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1973/74.

Norihan Ahmad,

Sosialisasi Politik Di Kalangan Kelas Bawahan
Malayu, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi
dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1974/75.

Akhbar

Mingguan Malaysia, Ahad 5hb. Jan. 1986. Hlm. 1 dan 2.

Utusan Malaysia, Sabtu 4hb. Jan. 1986. Hlm. 1.